



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, 27 November 2012 (Selasa)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Telok Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Encik Mohamad Redzuan bin Adam
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Mohd Saiful Nizam
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor ke 12 bagi hari yang ke tujuh 27 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : *Assalamualaikum warahmatullhi wabarakatuh* dan selamat pagi. Pertanyaan yang pertama Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker, soalan No.155.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : POTONGAN 25 PERATUS CUKAI PINTU UNTUK RUMAH PANGSAPURI KOS RENDAH?

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- (a) Berapa banyak unit rumah pangsapuri yang telah menerima kemudahan potongan 25 peratus cukai pintu semenjak ia diumumkan?
- (b) Apakah sebab utama pangsapuri-pangsapuri gagal disenaraikan menerima faedah pemotongan cukai pintu 25 peratus yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri Amirudin Shari SU MPN Selangor/Timbalan Ketua Cabang Gombak.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Buat makluman Yang Berhormat bahawa pemotongan atau keputusan untuk memberi potongan cukai pintu 25% kepada Pangsapuri Kos Rendah telah mula diputuskan pada bulan September tahun ini. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri belum lagi mempunyai maklumat yang lengkap daripada Pihak Berkuasa Tempatan tentang jumlah pangsapuri yang telah mendapat atau telah memohon untuk 25% potongan 25% cukai pintu dan maklumat itu kita jangkakan adakan dapat pada akhir tahun ini iaitu 31

Disember 2012. Soalan tentang kenapa pangsa-pangsapuri gagal menerima faedah pemotongan cukai pintu ini, kita melihat bahawa di antara syarat-syaratnya ialah mereka yang hendak mendapat potongan cukai ini perlu menduduki rumah tersebut iaitu *owner occupier* dengan izin ataupun waris kepada pemilik-pemilik seperti anak ataupun cucu ataupun adik ataupun abang. Itu sahajalah yang mungkin menyebabkan mereka yang tinggal di pangsapuri-pangsapuri tersebut tertolak ataupun tidak akan mendapat cukai pintu 25%. Ingin saya tambah di sini bahawa prosesnya adalah mudah sahaja, mereka perlu mengisi borang yang akan disahkan atau mesti disahkan oleh Pengerusi JMB ataupun MC ataupun Pesuruhjaya Bangunan ataupun Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dan memberikan atau mengemukakan di kaunter-kaunter PBT dan akan terus mendapat akan potongan sebanyak 25%. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih jawapan EXCO. Soalan pertama saya ialah; adakah kekangan tertentu kepada pemilik-pemilik tersebut untuk memperoleh potongan disebabkan ketiadaan JMB atau JMC sebab di antara masalah besar di kalangan penduduk-penduduk pangsapuri kos rendah ni adalah untuk menubuhkan JMB atau JMC di sebabkan masalah warisan yang sangat panjang, itu yang pertama.

Yang kedua, kalau ia sudah menjadi satu dasar kepada Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat satu keputusan untuk semua? Maknanya mana-mana rumah kos rendah tak perlu memohon, diteruskan dan semuanya boleh menerima potongan sesuai dengan dasar yang saya rasa lebih baik ataupun dasar yang menyeluruh kepada semua.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kekangan tidak, kekangan tidak ada JMB atau MC tidak menjadi masalah sebab permohonan ini bukan dilakukan oleh JMB ataupun MC. Permohonan ini dilakukan secara individu bermakna tidak perlu dibawa borang untuk kesemua penghuni bagi sesuatu pangsapuri dan dibawa ke PBT tetapi memadai dengan setiap seorang itu pergi ke PBT membawa borang. Borang itu boleh disahkan sama ada oleh COB sendiri ataupun oleh PBT ataupun COB di PBT ataupun disahkan oleh Ahli Majlis. Kalau tidak ada Pengerusi JMB ataupun MC maka memadai ia disahkan oleh Ahli Majlis ataupun disahkan oleh Pegawai ataupun COB bagi PBT tersebut. Dari segi untuk mengenakan potongan 25% bagi semua belum lagi menjadi polisi kerajaan untuk memberi potongan untuk semua sebabnya adalah kita hanya meletakkan mereka yang tinggal di kawasan atau di rumah pangsa tersebut di pangsapuri tersebut di unit tersebut mendapat pemotongan. Mereka yang tidak tinggal di situ tidak mendapat pemotongan dan mereka yang menyewa tidak mendapat pemotongan. Sebabnya mereka yang menyewa bukan tanggungjawab penyewa membayar cukai pintu, tetapi adalah tanggungjawab pemilik, tetapi pemilik yang tidak tinggal di rumah tersebut dia sudah mendapat sewa dari segi pulangan daripada sewaan. Itu sebab kita tidak memberi kepada mereka yang menyewakan unit mereka,

potongan tersebut. Jadi bermakna hanya yang tinggal di situ sendiri dan waris-waris mereka sahaja yang akan mendapat potongan 25%. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Saya Speaker, soalan saya No. 156.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : TUNTUTAN SUBSIDI AIR

156. Saban hari semakin ramai penduduk pangsapuri/rumah flat mengemukakan tuntutan dan tunggakan subsidi air 20m padu percuma kepada Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri tetap tidak mahu memberikan tunggakan tersebut?
- b) Berapakah kos jika semua tunggakan seluruh pangsapuri dibayar?
- c) Apakah kerajaan tidak sedia membiayai kos ini dari simpanan negeri yang berjumlah lebih RM1 bilion?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Buat makluman daripada Yang Berhormat Batang Kali bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi tunggakan kepada subsidi air kepada unit-unit yang belum lagi mendapat percuma air percuma atau baru mendapat air percuma sama ada melalui proses migrasi daripada meter pukal kepada meter individu ataupun mendapat air percuma melalui kupon air atau melalui rebet atau melalui program lapor dan dapat. Kita hanya memberi air percuma ke hadapan setelah proses-proses tersebut berjalan. Jadi bermakna untuk menjawab soalan, dua soalan yang selanjutnya iaitu bahawa kita tidak ada nilai yang terperinci tentang tunggakan yang perlu dibayar sebab belum ada lagi polisi sekarang ini untuk membayar tunggakan tersebut sama ada melalui mana-mana sumber sekali pun. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan.

PUAN TIMBAAN SPEKAER : Bangi, soalan tambahan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Saya, terima kasih Timbalan Speaker. Terdapat tunjuk-tunjuk perasaanlah daripada pihak-pihak tertentu yang mendesak supaya apa tuntutan atau potongan, supaya apa ni pengecualian pembayaran air 20m padu ini dibayar tunggakan yang sebelumnya mereka tak dapat. Apakah implikasi dari

segi tunjuk perasaan mereka dari segi undang-undang yang mereka bawa nak bawa kepada mahkamah. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Seperti yang saya ucapkan sebelum ini Yang Berhormat Bangi bahawa telah berlaku tunjuk perasaan dan telah berlaku mereka yang membawanya ke mahkamah seperti mana yang saya terangkan bahawa kita pulangkan kepada mahkamah untuk memutuskannya dan kita juga sedang menyiasat kes-kes tersebut sama ada dari segi prosedur mahkamah ataupun daripada perkara-perkara yang berlaku di peringkat bawah dan kita dapat banyak *feedback* atau maklum balas yang memang sah adalah terdapat mereka yang telah membuat tunjuk perasaan itu bukan daripada kawasan tersebut. Saya akan umumkan, saya akan buktikan selepas ini sebelum Dewan ini berakhir bahawa terdapat mereka yang membuat tunjuk perasaan itu tidak tinggal di pangsapuri tersebut. Saya juga ada satu maklum balas, ini bukan *hearsay* tetapi mereka yang di situ yang memaklumkan kepada saya yang mereka dipanggil untuk turun ke bawah untuk buat demonstrasi kononnya kerana membantah filem yang menghina Nabi tetapi apabila mereka turun ke bawah mereka dapati ianya adalah demonstrasi air. Ini betul, tapi saya telah cuba membawa beberapa mereka ini untuk tampil ke hadapan tetapi mereka bimbang tentang ugutan dan sebagainya. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Morib.

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan No. 157.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : PEMBAIKAN JALAN-JALAN KAMPUNG

157. Pelaksanaan kerja menaik taraf jalan kampung dan juga jalan kawasan PBT telah mula dilaksanakan menjelang Pilihan Raya Umum ke 13. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri melaksanakan kerja bermusim bukan sepanjang tahun. Itu pun selepas teguran dan dibangkitkan dalam sidang Dewan yang lalu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan pembiakan jalan yang disediakan untuk daerah Kuala Langat melalui Pejabat Daerah dan Majlis Daerah Kuala Langat?

- b) Bagaimanakah pelaksanaan kerja-kerja tersebut dijalankan secara undian atau sebut harga?
- c) Siapakah yang bertanggungjawab ke atas kualiti dan perakuan kerja-kerja tersebut. Pegawai, Ketua Kampung atau Ahli Majlis?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker, Morib membangkitkan isu pembaikan jalan-jalan kampung mulai daripada pertengahan 2011 sehingga sekarang, kita mula mengalihkan peruntukan pembaikan kebaikan jalan melalui dua proses. Satu ialah melalui Pihak Berkuasa Tempatan, kedua, juga kita telah dalam belanjawan yang lepas iaitu belanjawan tambahan pada 2011 pada pertengahan tahun ini kita juga telah memperuntukkan juga sejumlah dana melalui Pejabat Daerah untuk memperbaiki jalan-jalan kampung jadi, yang tidak terlibat dalam jagaan Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi dua kumpulan dana yang sudah kita salurkan. Mengapa kita salurkan secara begitu? Jawapannya ialah kita mahukan pemimpin ataupun masyarakat di sana yang menentukan di mana jalan itu perlu diperbaiki. Kedua kita ada ketelusan dari segi pemilihan jalan-jalan tersebut dan juga ketelusan dari usaha *value for money* untuk menentukan hasil daripada usaha ini. Untuk ini di kawasan Majlis Daerah Kuala Langat MARRIS kita peruntukkan sebanyak RM4 juta dan kemudian di Majlis Daerah Kuala Langat RM500,000.00 dan kita juga memperuntukkan melalui MBI, Selangorku RM1.3 juta. Jadi pegawai-pegawai teknikal, saya mula meminta pegawai-pegawai teknikal iaitu Juruteknik, Penolong Jurutera memantau secara sendiri tempat-tempat yang dah diberikan kontrak-kontrak tu supaya mereka sendiri keadaan bagaimana pembaikan-pembaikan itu dibuat. Dulunya saya dapati caranya tidak dibuat secara begitu tetapi membiarkan saja kontraktor-kontraktor tu melakukan kerja selepas tu bayaran hanya dibuat apabila sudah siap.

PUAN TIMBALAN SPEKAER : Dengkil.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Terima kasih Timbalan Puan Speaker. Soalan saya 158.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : AIR

158. Rakyat yang menduduki apartmen telah menuntut air percuma seperti dalam janji pilihan raya 2008.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan bersedia memberi air percuma kepada mereka?

- b) Apakah jalan penyelesaian bil air yang tertunggak sejak kerajaan mengambil alih pemerintahan?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. *Bismillahir rahmanir rahim* Menurut soalan Dengkil adakah kerajaan bersedia memberi air percuma kepada mereka. Saya pun tak fahamlah sebab memang kita dah bagi dah bukan kita tak pernah bagi, memang kita dah bagi dan 100 lebih daripada 163,000 di rumah kos sederhana, kos rendah telah dapat air percuma, maknanya soalnya memang dah bagi bukan adakah sedia memberi.

Soalan kedua saya rasa lebih relevan, apakah jalan penyelesaian bil air yang tertunggak sejak kerajaan mengambil alih pemerintah. Bil air tertunggak ini bukan ia tertunggak daripada kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pada 2008 kadang kala tertunggak bertahun-tahun lebih daripada 5 tahun. Apa yang Kerajaan Negeri telah lakukan adalah kita telah mengadakan rundingan dengan SYABAS macam mana penduduk boleh bayar air tersebut ataupun tunggakan tersebut. Kita mencadangkan supaya ia dibayarkan secara ansuran jadi kita ada satu, secara berjadual ataupun ansuran. Jadi bermakna kita tak boleh hapus kira, sebab hutang adalah tetap hutang. Kerajaan Negeri ada satu jawatankuasa di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang dinamakan Jawatankuasa Prihatin iaitu pemudah isu-isu hartanah bertingkat. Jadi sebarang isu di rumah-rumah atau perumahan bertingkat kita akan pergi ke dalam jawatankuasa ini dan kita akan bincangkan. Jadi untuk menjawab soalnya adalah kita menjadi fasilitator bersama SYABAS dengan penduduk supaya penduduk boleh membayar secara berjadual dan kalau itu dipersetujui maka bolehlah bekalan itu disambung semula. Perkara yang sama juga dilakukan bukan sahaja dari segi air begitu juga dari segi bekalan elektrik di mana Kerajaan Negeri membincangkan dengan pihak yang tertentu, pihak tersebut, pihak-pihak yang terlibat supaya boleh dibayar secara berjadual. Terima kasih.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Dengkil.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Yang Berhormat EXCO terdapat bil kepada pengguna di mana sub bil ini dengan meter pukal berbeza menyebabkan pengguna ini *refused* hendak bayar bil air sebab sub meter dengan meter pukal berbeza yang menyebabkan kebocoran yang berlaku di antara meter pukal bangunan itu terpaksa ditanggung oleh pengguna. Jadi apakah langkah kerajaan dalam membantu untuk mengatasi pembayaran ataupun air yang membazir di antara meter pukal dan kepada pengguna.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD: Saya memahami perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu kita ada dua bil, yang pertama ialah bil meter

individu yang dibilkan kepada setiap penduduk ataupun pengguna dan kita ada apa yang dipanggil sebagai meter pukal. Jumlah meter individu sepatutnya sama dengan meter pukal. Jadi apabila berlaku bahawa meter individu itu mungkin kurang ataupun kurang daripada meter pukal ini bermakna terdapat kebocoran di antara meter paip di antara meter pukal kepada meter individu. Apa yang kita anjurkan dah banyak dah berlaku, kita minta supaya SYABAS bersama dengan penduduk membuat suatu semakan, buat siasatan dekat mana bocor itu berlaku sebab nak menyelesaikan kita bolehlah kita kata ada pihak yang nak bayar beza di antara meter pukal dengan meter individu tetapi ia tidak akan menyelesaikan masalah, dia akan tetap berulang dan berulang. Penyelesaiannya adalah selesaikan di mana berlaku kebocoran. Itu yang kita telah bincang di dalam Jawatankuasa Prihatin kita itu supaya dilakukan siasatan, dekat mana berlaku kebocoran barulah perkara ini dapat diatasi bukan dengan kita bayar, bila ada beza terus bayar, ada beza terus bayar bukan begitu tetapi selesaikan, dari segi teknikal, isu ini isu teknikal di mana yang berlaku kebocoran di situ yang kita kena selesaikan dan baik pulih.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Soalan tambahan. Ya, saya setuju dengan cadangan yang dibawa oleh EXCO tadi, tapi masalahnya ialah pengguna ini ialah ia agak keberatan untuk membayar pembaikan itu. Adakah kerajaan sedia untuk membantu.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD : Kalau selepas meter pukal sememangnya adalah pengguna, itu sebab kita telah wujudkan apa yang dipanggil sebagai 'Skim Baik Pulih Negeri Berkebakikan' sebab kita faham bahawa pangsapuri yang dibina pada era yang lepas semuanya bermasalah. Kita telah mewujudkan tabungan sebanyak RM9 juta, RM9.7 juta, RM9.7 juta untuk menyelesaikan semua masalah. Contohnya seperti masalah bumbung yang terbang, bukan bocor, bumbung terbang sekarang ini dan macam-macam lagi masalah termasuk masalah di meter pukal, ataupun paip yang tersumbat, paip bocor dan perkara-perkara ini pun kita boleh selesaikan melalui Skim Ceria. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa, tidak hadir, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, kerana membetulkan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan Bangi, soalan no. 160.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

160. Rumah mampu milik terawal di Selangor didirikan di Bangi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Sejauh manakah rumah mampu milik ini telah disiapkan?
- b) Apakah kriteria pembeli yang dipilih?
- c) Berapakah harga satu unit berbanding dengan rumah yang lain?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD: Popular saya pagi ini terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Jadi sejauh manakah rumah mampu milik ini telah disiapkan. Seperti mana saya telah jawab sekarang ini dalam pembinaan ialah 1,682 yang dijangka akan siap pada paling lewat pun pada pertengahan tahun hadapan, tetapi yang lebih relevan bagi kita semua adalah apakah kriteria pembeli yang dipilih.

Yang pertama adalah warganegara Malaysia, yang kedua adalah berumur 18 tahun ke atas kemudian pendapatan gaji pokok isu rumah di antara RM2,500.00 hingga RM5,000.00 sebulan, yang keempat adalah pemohon suami isteri tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor melainkan mereka nak *upgrade* dengan izin daripada rumah kos rendah kepada rumah mampu milik kalau mereka telah memiliki rumah kos rendah selama 5 tahun dan pendapatan atau gaji mereka bertambah maka mereka nak beli rumah mampu milik, itu dibenarkan. Yang keenam ialah pemohon kalau bujang mereka perlu ada tanggungan keluarga yang terpaksa mereka tanggung, bukan mereka kena kahwin secepat mungkin bukan mereka perlu menunjukkan bahawa ada tanggungan. Tanggung ibu, bapa, adik-adik maka boleh beli. Lepas itu permohonan adalah untuk didiami bukan untuk disewa dan pindah milik hanya kita benarkan ataupun dia boleh jual selepas, dia tidak boleh jual dalam masa 5 tahun mereka tak boleh jual rumah tersebut dan kesembilan adalah mereka perlu berdaftar di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Cara pemilihan adalah kita ada *point* bagi setiap kriteria ini dan kita ambil *point* yang tertinggi akan terus dapat, tidak ada sokongan ADUN tak ada sokongan EXCO ataupun sokongan Ahli Majlis, maknanya bergantung kepada *point* dan seperti mana yang kita lakukan di Bangi, nama-nama 124 yang dipilih telah dimasukkan di dalam Internet dalam laman web Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Sekiranya dalam masa 2 minggu ada orang nak bantah, boleh bantah, bermakna kita telus, begitu

seperti rumah kos rendah apabila ditawarkan, rumah mampu milik pun begitu. Bermakna kalau ianya telah dipilih kita akan pameran dalam laman web sekiranya ada yang nak bantah dalam masa 2 minggu boleh bantah, jadi bermakna kita telus, kita tahu siapa yang beli rumah mampu milik tersebut.

Untuk soalan yang seterusnya, seperti mana yang saya umumkan ataupun ucapkan, saya jawab sebelum ini bahawa kita ada satu bengkel rumah mampu milik yang telah diadakan di Subang Jaya di mana kita telah panggil wakil daripada pemaju, wakil daripada Persatuan Pemaju REHDA, PKNS dan mereka merumuskan atau menurut laporan mereka bahawa kos untuk membina adalah lebih kurang RM130,000.00 hingga RM140,000.00 jadi bermakna bahawa di Bangi yang dijual kurang daripada RM100,000.00 PKNS terpaksa ataupun daripada segi CSRnya PKNS telah memberikan subsidi kepada pembeli-pembeli rumah tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terlampau ramailah penduduk di Bandar Baru Bangi datang menemui ADUN untuk memohon rumah mampu milik, tapi kita kata dah tutup tetapi mereka bertanya adakah akan dibuat lagi rumah mampu milik di Bangi. Setakat ini adakah statistik pemohon-pemohon yang telah memohon yang menjadi apa macam data untuk kita membina rumah mampu milik dan adakah syarikat-syarikat tertentu menawar diri untuk membina rumah mampu milik ataupun terpaksa dipaksa supaya mereka mendirikan apabila diluluskan sesuatu projek. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABD. SAMAD: Terima kasih kepada Bangi. Untuk rumah mampu milik ada 2 yang dilakukan oleh PKNS. Fasa pertama 2010, 2013 sebanyak 1,215 unit, 5 projek dan kecuali 1, kesemuanya telah kita ada perbincangan dengan majlis-majlis perbandaran yang terlibat dan juga 1 di Kampung Seri Temenggung di Gombak telah pun kita membuat atau PKNS membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang. Bagi Fasa Kedua 2014 hingga 2018 sebanyak 9,481 yang akan dibina. Selain daripada itu, ada 4 pemaju yang telah mendapat kelulusan swasta, pemaju swasta telah mendapat kelulusan untuk membina rumah mampu milik iaitu di Petaling, Hulu Langat dan di Klang. Jumlah yang akan dibina adalah sebanyak 933 unit, juga 1 yang sedang dibina di Sungai Long iaitu 136 unit ianya juga oleh pemaju swasta. Kita telah menjual borang atau mengeluarkan borang untuk rumah mampu milik dan yang telah membeli borang itu sebanyak lebih daripada 2,500.

Untuk rumah mampu milik di Bangi yang telah membuat permohonan adalah lebih kurang, lebih daripada 500. Saya tak ada maklumat yang tepat tapi di antara 500 hingga 600. Jadi bermakna nama-nama ini ada dalam *data base* dan kita akan pakai

queue system lah bermakna siapa yang telah ada dalam *data base* yang itu yang boleh ditawarkan rumah mampu milik yang sedang dibina ataupun yang dirancang selepas ini. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima Puan Timbalan Speaker. Soalan saya 161.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: PROGRAM JOM SHOPPING BONUS SELANGORKU

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan rakyat Negeri Selangor terhadap program tersebut?
- b) Sila huraikan dengan terperinci berapakah jumlah bilangan yang berdaftar dalam Program TAWAS yang layak menyertai Program Jom *Shopping* Bonus Selangorku mengikut pecahan daerah dan pecahan kaum?
- c) Sila nyatakan adakah Program Jom *Shopping* Bonus Selangorku ini bersifat *one-off* atau berterusan pada tahun-tahun akan datang dan nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan dalam menjayakan program tersebut?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Puan Timbalan Speaker, Sekinchan ingin mengetahui program berkaitan dengan Jom *Shopping* Bonus Selangorku. Ingin saya memberitahu bahawa Program Jom *Shopping* Bonus Selangorku adalah satu program tambahan kepada anak-anak yang telah pun mendaftar diri di dalam Tabung Warisan Anak-anak Selangor yang mana jika mereka mencapai umur, hari lahir yang keempat, maknanya yang daftar 2008 bermula 2008 itu akan dapat *voucher shopping* sebanyak RM100.00. Jadi Sekinchan ingin bertanya bagaimanakah sambutannya. Alhamdulillah, sambutan yang kita lihat rata-rata adalah begitu memberangsangkan dan kehadiran yang hadir pada setiap kali program itu tidak pernah kurang daripada 65 peratus tetapi rata-rata adalah 75 peratus kehadiran dan jumlah bilangan yang diluluskan sehingga 2 November 2012, anak-anak TAWAS adalah sebanyak 80,551 dan daripada itu yang lahir tahun 2008 yang berhak mendapat Jom *Shopping* Bonus Selangorku adalah sebanyak 16,000 orang, jadi tahun ini mereka mula tiap-tiap bulan seramai lebih kurang 1,333 orang anak-anak yang lahir ini disambut hari lahir mereka

bersama Jom *Shopping* ataupun bawa mereka ke mana-mana super market ataupun *hypermarket* untuk mereka *bershopping*.

Dan pecahan yang diminta adalah jika mengikut kaum Melayu sebanyak 5,568 orang iaitu 57.74 peratus, cina kaum Cina iaitu 2,498 orang iaitu seramai 25.9 peratus, kaum India 1,391 iaitu mencapai 14.42 peratus dan kaum lain-lain seramai 187 orang iaitu 1.94 peratus.

Jadi program ini bersifat *one off*, jadi insya-Allah kita tengok ini adalah berdasarkan kepada tahun kelahiran yang keempat. *One off* ini adalah keputusan daripada kerajaan negeri untuk memulakan bagi mereka yang telah pun mendaftar pada tahun 2008 untuk tahun ini, tahun depan untuk tahun 2009, 2010 dan seterusnya sehingga 2011. Untuk itu kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM7.5 juta dan untuk tahun ini sahaja MBI ataupun Menteri Besar *Incorporation* telah pun memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta untuk memastikan anak-anak yang lahir pada 2008 telah boleh pergi *shopping* di bawah Program Jom *Shopping* Bonus Selangorku. Sekian.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan. Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Saya cuma nak minta sedikit penjelasan lagi mengenai Program Jom *Shopping* Bonus Selangorku ini bagi yang 2008 kita telah bagi tahniahlah kerana kita bagi *shopping* bersama ibu-ibunya dan ADUN juga diraikan pergi ke sana pergi jumpa dengan anak dan juga ibu-ibunya, tapi cuma, ramai yang bertanyakan kepada saya sama ada tahun hadapan untuk 2009, 2010 itu bolehkah kita kekalkan bonus untuk anak mereka juga kalau tidak mereka rasa agak tidak adil bagi mereka, jadi saya minta penjelasan yang khusus, ya jawapan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sekinchan. Jadi saya dah kata kita mulakan dengan 2008. Jadi kita telah pun memperuntukkan RM7.5 juta sehingga mereka yang lahir 2011. Maksudnya tahun hadapan yang lahir tahun 2009 itu layak dapat Jom *Shopping*. Ianya akan terus berterusan, insya-Allah ya. Jadi kita telah umumkan yang empat tahun ini sehingga 2011 akan diadakan program Jom *Shopping*. Ya, jadi insya-Allah yang telah mendaftar itu akan kita pastikan mereka dapat program ini. Tapi kita lihat ya bila kita buat program Jom *Shopping* ini juga satu perkara yang menyebabkan sekarang ini di pusat-pusat khidmat DUN yang boleh dikatakan saban hari menerima penyertaan Tabung Warisan Anak Selangor yang itu telah pun melebihi sebab itu kita telah mencapai dan melebihi sasaran melebihi 60,000 anak-anak Tawas yang telah pun mendaftarkan diri. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya 162.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK DAN GADAIAN TANAH
SECARA ATAS TALIAN**

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah keberkesanan permohonan kebenaran pindah milik dan gadaian tanah bagi urusan-urusan tanah yang diuruskan secara atas talian di laman <http://consent2u.selangor.gov.my> berbanding dengan cara lama?
- b) Berapa banyak permohonan yang telah siap di kendali oleh laman web ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Timbalan Speaker. Kg. Tunku membangkitkan isu permohonan kebenaran pindah milik gadaian tanah secara talian. Ini sudah mula dilakukan dan di laman consent2u.selangor.gov.my. Kita boleh memasuki itu dan sistem *e-consent* yang telah dibangunkan dapat mengurangkan usaha tersebut dan kakitangan di Pejabat Tanah tak perlu membuat kemasukan data seperti secara lama. Dia terus sahaja *take that*. Melalui sistem ini juga maklumat permohonan dihantar secara *on line* dan pengguna awam boleh membuat semakan status permohonan dari masa ke semasa melalui ruang portal consent2u.selangor.gov.my. Jadi itu yang, jadi ini konsep *office* ke rakyat. Ini konsepnya. Apa yang berlaku pada 31 Oktober 2011 sebanyak 205 dari 220 permohonan secara *on line* telah berjaya diproses dalam sistem tersebut. Kita punya *target* ialah 95% *clearance*. Jadi tak payah dan ini bukan sahaja untuk pemilik tetapi *legal firm* juga boleh terus masuk dalam sistem tersebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya. Saya ingin bertanya kepada kerajaan saya daripada apa, daripada laman web yang saya lihat portal ini telah pun dimulakan pada tahun 2007 dan pada masa itu Pakatan Rakyat masih belum mentadbir dan kerajaan selepas itu mengambil alih dan memperkenalkan konsep *from office to people* dan adakah ini sebahagian daripada sistem yang telah dibangunkan oleh PTGS dan ianya akan dikembangkan kerana dianya hanya berkenaan dengan *consent* sahaja, permohonan tukar milik dan sebagainya. Tapi urusan tanah, urusan niaga tanah ini melibatkan banyak aspek.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kita dapati Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, kita dapati maklumat-maklumat mengenai urus niaga tanah itu dia berpecah-pecah, bukan satu kawasan. Jadi oleh sebab itu kita melihat salah satu daripada usaha yang kita lakukan ialah memperbaiki sistem-sistem yang ada dahulu iaitu macam sistem *e-consent* pindah milik, memperbaiki sistem yang ada itu, kemudian memasukkan sistem-sistem yang lain. Kita dapati salah satu daripada kekurangan iaitu tak ada *data integration*, tak ada satu kumpulan sebab pemilik-pemilik sistem ini ada kalanya bukan Kerajaan Negeri. Pemilik-pemilik sistem ini ada kalanya ialah Kerajaan Persekutuan, ada kalanya dibuat oleh PTG sahaja, ada kalanya dibuat untuk Negeri Selangor. Tapi, untuk ini proses per *integration* telah mula dilakukan dan saya percaya konsep menyelesaikan masalah tanah melalui tanah IT akan berlaku tak lama lagi. Jadi itu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : *Next*, seterusnya Kuang tidak hadir. Sg. Pelik.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Puan Timbalan Speaker. Soalan 164 sebenarnya sudah dijawab sebelum ini. Saya cuma ada satu soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau sudah jawab..

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Saya ada satu soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Pelik, Sg. Pelik memberitahu tadi sudah dijawab

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ya. Ada soalan tambahan yang ingin saya hendak tanya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan tambahan semasa soalan tersebut dijawab. Ya. Baik, seterusnya Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Ya. Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, soalan ini juga suah dijawab bersama soalan No. 30.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Baik. Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Puan Timbalan Speaker, Soalan 166.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : CCTV DAN GODELL

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status kajian yang setelah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk perlanjangan kontrak CCTV dan Godell yang diguna pakai oleh PBT sebelum tahun 2008?

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menamatkan kontrak-kontrak tersebut?
- b) Siapakah kontraktor dan kos yang terlibat dalam pembekalan CCTV baru kepada PBT dan adakah CCTV baru ini membantu penyelesaian kes jenayah? Berikan butir-butir.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Puan Timbalan Speaker. Subang Jaya soalnya berkaitan dengan CCTV dan Godell. Untuk makluman status terkini kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi perjanjian kontrak CCTV dan Godell telah pun selesai. Kajian terhadap Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd., telah selesai pada tahun 2008, 2008 di mana bermula pada 1 April 2008 sistem kutipan hasil tempat letak kereta bersepadu secara bayar dan peraga, *pay and display* telah dilaksanakan oleh Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd., Perjanjian kontrak CCTV juga telah ditandatangani antara syarikat kontraktor dan Kerajaan Negeri pada 26 Mei 2011 dan kini kerja-kerja pemasangan kamera CCTV sedang dilaksanakan di semua Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menamatkan kontrak-kontrak tersebut memandangkan kerja-kerja pemasangan CCTV masih di dalam masa pelaksanaan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menandatangani perjanjian bersama Syarikat Godell Parking masih mengguna pakai perkhidmatan syarikat tersebut bagi mengutip hasil tempat letak kereta. Kontraktor yang terlibat dalam membekalkan CCTV di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor adalah GTC Technologies Sdn. Bhd.. Perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dan GTC melibatkan urusan sewaan CCTV selama 20 tahun yang melibatkan kos sebanyak RM 117,244,800.00 atau RM5,862,240.00 setahun. Sebanyak, maaf, sebanyak RM414 buah kamera CCTV akan dipasang di sekitar kawasan pentadbiran PBT di Selangor. Projek pemasangan kamera CCTV merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri dalam menangani isu jenayah dan menjadikan Selangor sebagai negeri yang mempunyai persekitaran yang lebih selamat untuk didiami. Penentuan lokasi kamera adalah berdasarkan pertimbangan PBT bersama-sama pihak Polis dan kawasan yang terpilih merupakan kawasan *hot spot* dengan izin dan juga merangkumi yang sering berlaku jenayah. Proses pemantauan yang dilaksanakan secara bersama antara PBT dan Polis ini dijangka akan dapat membantu mengurangkan kadar jenayah bagi negeri Selangor.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Soalan tambahan.

Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Apakah rasional Kerajaan Negeri menandatangani satu perjanjian yang begitu lama tempohnya 20 tahun untuk CCTV ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Kerajaan Pakatan meneruskan projek ini kerana projek ini telah ditandatangani oleh Kerajaan yang lebih dahulu dengan syarat-syarat yang tertentu. Bagaimana pun apabila kita, syaratnya semua sudah disediakan dan diadakan. Bagaimana pun kerajaan baru membuka tender sekali lagi dengan syarat-syarat yang tertentu, dan akhirnya syarikat yang sama mendapatkan, memenangi tender itu. Jadi 20 tahun merupakan satu tahap yang dinampak sesuailah bagi sekarang, bagi tahun ini. Pada masa yang sama Puan Timbalan Speaker Kerajaan Pusat pun ada satu program satu projek CCTV di mana lebih daripada 300 CCTV dan juga, tender ini juga dimenangi oleh syarikat yang sama dan akan dipasang di semua PBT di dalam kawasan Selangor. Jadi, sekarang Kerajaan Negeri telah bercadang bahawa kerana syarikat yang sama, jadi semua CCTV ini akan diintegrasikan supaya ia menjadi lebih berkesan. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Baik, Kota Damansara, tidak hadir. Balakong, tidak hadir. Dusun Tua.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Puan Timbalan Speaker, soalan 170.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR KAMPUNG SUNGAI SERAI, HULU LANGAT

170. Sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 hingga kini Projek Tebatan Banjir Kampung Sungai Serai, Hulu Langat masih tertangguh.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Projek Tebatan Banjir Kampung Sungai Serai?
- b) Bilakah projek ini akan dimulakan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan membayar ganti rugi kepada penduduk
- d) yang musnah harta benda akibat banjir yang kerap berlaku.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua telah membangkitkan isu projek tebatan banjir di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat. Saya hendak tunjukkan contoh jawapan samada profesional atau tidak mengapa masalah banjir sering berlaku di Kampung Sungai Serai Daerah Hulu Langat. Jawapannya adalah berpunca dari sistem saluran yang sempit, saiz pembetung jalan yang kecil,

ruang penyelenggaraan yang terhad. Kampung Sungai Serai juga adalah merupakan kawasan dataran banjir Sg. Langat dengan keadaan tanah yang lembap. Jadi, bukan satu perkara yang baru, tapi perkara yang kita sebutkan selalu. Tapi, apakah jawapan kita. Jadi, ketiga-ketiga kerja menaik taraf pemetung sedia ada dan kepada jambatan yang telah dilaksanakan oleh pihak JKR. Ketiga menaik taraf kita telah mula lakukan. Dua, Projek naik taraf pemetung di Sungai Serai dan Sungai Putih sedang di dalam pelaksanaan dengan kos masing-masing sebanyak RM427,325.00 manakala satu lagi projek menaik taraf pemetung Sg. Serai baru dilantik. Bagi projek kolam pula tanah yang terlibat telah dikenal pasti dan proses pengambilan sedang dilaksanakan. Dijangkakan projek menaik taraf sistem saliran ini akan dilaksanakan segera setelah pengambilan tanah selesai peruntukan Rancangan Malaysia Ke 10. Yang diluluskan dalam projek ini berjumlah RM1.5 juta. Jadi, saya telah tunjukkan ini sebagai contoh bagaimana proses pemetulan banjir ini berlaku dalam keadaan di mana institusi yang mengendalikan ini masih menunggu peruntukkan, masih menunggu perancangan. Tapi buat masa sekarang kita telah membuat satu keputusan. Apa pun yang, yang ditunggu itu kita buat dulu. Kerajaan Negeri mendahulukan duit tersebut dan kalau kita nak *claim* daripada kerajaan persekutuan, kita boleh masa depan.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Tambahan. Soalan tambahan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Dusun Tua.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Yang Berhormat Ijok menjawab tadi tentang bahawa kerja-kerja telah dimulakan. Saya kurang jelas sedikit kerana kalau ikut maklumat yang ada kerja-kerja yang dibuat menaik taraf pemetung dan juga jambatan di Sungai Serai dan juga beberapa sungai yang merentasi jalan ini adalah merupakan peruntukan daripada kerajaan pusat. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang perkara itu. Dan yang keduanya projek ini telah diberi peruntukan pada tahun 2008 lagi masa itu Barisan Nasional menjadi kerajaan. Tapi, hingga hari ini, perkara ini tak, tak dapat diselesaikan lagi. Dah 4 tahun. Dan projek ini bukanlah projek RM300 juta membina jambatan, tetapi sekadar kurang daripada RM10 juta. 4 tahun kita ambil, masih lagi tak nampak lagi penyelesaian kepada masalah ini. Jadi saya mohonlah soalan kedua saya, adakah kerajaan negeri benar-benar serius untuk menangani masalah banjir di Sungai Serai ini dan adakah kita akan mengadakan satu jawatankuasa khas bagi mengatasinya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kenyataan daripada Yang Berhormat Dusun Tua menunjukkan kegagalan pelaksanaan. Saya akan minta Pegawai Daerah dan juga Pengarah Jabatan Bekalan Air berjumpa dengan Yang Berhormat menerangkan kepada Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang menyebabkan kegagalan pelaksanaan. Saya akan minta supaya jika kalau perlu Yang Berhormat akan umumkan perjumpaan tersebut dan hasil perjumpaan tersebut sebagai satu usaha

ketelusan dari segi pelaksanaan dan kita tidak boleh buat komen sekarang dan kita tunjukkan di mana letaknya kesalahan usaha ini.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanyakan berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan banjir ini dan untuk makluman Kerajaan Negeri banjir telah pun berlaku di sekitar Kampung Johan Setia, Kampung Seri Nadi, Kampung AC, Kampung Baru 1 dan 2, Kampung Seri Gambut, Kampung Bukit Naga, Bandar Putera, Bandar Puteri, Taman Sentosa, Taman Seri Sentosa dan juga sekitar kawasan Kampung Pandamar di Pandamaran, di mana kebanyakan air yang berada di kawasan itu adalah air yang datang daripada daerah lain yang keluar dari sekitar kawasan ini dan kebanyakannya akan keluar melalui Sungai Air Hitam...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa cukup Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya. Sikit aje, Sungai Air Hitam, Sungai Pandamar dan juga Sungai Aur. Jadi dalam tempoh sepuluh hari daripada 31 Oktober lepas hingga 4 November, 5 November berlaku empat kali banjir dan pada 2 November, dua kali banjir, satu hari. Pukul empat petang dan pukul sembilan malam. Jadi soalan saya, walau pun perkara ini sudah dimaklumkan kepada pihak Jabatan Pengairan dan juga Jurutera Daerah Kelang, Jabatan Pengairan dan Saliran ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sri Muda. Ini soalan, tidak ada kena mengena dengan soalan asal.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya. Sedikit je, sedikit, sebab ia melibatkan soal masyarakat, banjir ini empat kali Yang Berhormat. Jadi banjir ini dah berpuh tahun.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ringkaskan soalan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Baik. Soalan saya. Bila rancangan Kerajaan Negeri hendak menggunakan nak *up-grade system* saluran daerah Klang itu dilaksanakan kerana kita tak boleh tunggu lebih daripada tempoh 4 - 5 bulan ini. Kalau berlaku lagi banjir semasa peralihan monsun bulan Mei akan datang ia akan terbeban kepada penduduk-penduduk. Jadi, saya minta penjelasan kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker. Saya dapati perancangan. Ini satu masalah satu perancangan bukan masalah *crisis management* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah *crisis management*. Saya dapati *crisis*

management memang senang bercakap, sebab sudah ada. Tapi masalah yang besar ialah masalah perancangan. Sebab kita membuat penempatan-penempatan yang tidak mengambil kira yang dipanggil, saya gunakan usaha yang dipanggil *50 years flood plains*, atau pun *20 years flood plains*. Sebab saya dapati perancangan-perancangan yang lepas tidak mengambil kira perkara tersebut. Hanya yang selalu dibincangkan apabila banjir. Mengapa banjir. Ah! itu sebab saya bacakan untuk jawapan daripada Yang Berhormat tentang contoh jawapan yang diberikan oleh JPS. Maknanya lembap, tanah, jadi jawapan memang *standard*. Tapi jawapan itu dapat diselesaikan jika perancangan. Itu sebab saya sudah mula minta supaya tidak ada penempatan di *reserve* sungai. Apa sebab. Sebabnya, supaya tidak lagi berlaku keadaan-keadaan begitu. Walau bagaimana pun kita telah meminta pihak, kita telah memperuntukkan tanah kepada Pihak Berkuasa Tempatan Klang, dia telah ada. Tapi, Yang Berhormat mesti faham. Perkara menyelesaikan masalah ini dulu tiak dibuat secara, secara *integrated*. Satu tempat *is ad-hoc solution*. Saya mahukan *solution* itu daripada puncanya sungai itu ialah dia tidak mengikut PBT. Sungai itu melalui pelbagai PBT. Jadi oleh sebab itu, ketiga-tiga kumpulan mesti ...

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Mohon penjelasanlah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Mohon penjelasanlah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Apa pula penjelasan lagi ah!.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Amat Ijok belum habis jawab lagi. Duduk dulu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya hendak terangkan. Ini masalah perancangan. Oleh sebab itu saya akan memintalah lagi sekali pihak Jabatan Perkhidmatan Air itu JPS itu untuk membuat kajian keseluruhannya sebelum kita buat peruntukan-peruntukan sebab peruntukan itu untuk semua bukan satu tempat. Saya faham sekarang katalah Yang Berhormat kata hari hujan ni, besok, dia akan banjir. Bukan, bukan kita kata peruntukan RM100 juta akan selesai besok. Tak ada. Dia akan banjir. Sebab banjir ini diselesaikan sebab keadaan itu memanggil keadaan tersebut. Jadi tidak ada satu jawapan yang boleh katakan bagi peruntukan hari ini, banjir selesai. Tidak. itu sebab saya hendak tunjukkan. Tapi, jawapannya perancangan. Itu sebab saya bercakap supaya Pegawai Daerah dan JPS berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat duduk bersama-sama terangkan keupayaan mereka, terangkan masalah mereka, supaya apabila kita menyelesaikan masalah ini, kita menyelesaikan masalah ini secara *total*. Bukan secara *ad-hoc*. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Mohon penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekarang ini bukan perbahasan, sekarang ini sesi pertanyaan.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Ya, Saya faham. Soalan tambahan Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. Silakan.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tadi ada bertanya, Dusun Tua ada bertanya tadi tentang masa yang diambil sekarang ini dah empat tahun. Dan, pada sidang 2008 dulu perkara yang sama pernah saya bawa ke sidang Dewan ini, dan jawapannya hampir sama seperti mana yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar apa hari ini. Dan sekarang ini dah empat tahun. Jadi saya mohon sekali lagi jawapannya, khususnya bila agaknya kita boleh mulakan projek ini kerana peruntukan telah dah disediakan pada tahun 2008 lagi. Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jawapannya, ah! ah! Puan Speaker, masalah ini bukan masalah empat tahun. Masalah ini masalah lebih daripada 10 tahun. Pertama. Kedua, masalah ini ialah itu sebab saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat supaya Pegawai itu terangkan. Kata ada peruntukan, tapi wang tak sampai lagi. Jadi saya hendak terangkan supaya jangan malu di depan Dewan. Itu sebab saya minta terangkan. Jadi, kalau kita buka dada di sini, tapi kita tidak tahu cerita yang sebetulnya, itu sebab ...

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar peruntukan yang dah ada tidak digunakan lagi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tidak.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI : Ini, saya hendak beritahu ni, 2008 lagi..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya hendak, itu sebab saya suruh bincang. Kalau tidak *you* boleh marahkan pegawai kerajaan yang tersebut. Saya minta, cuba beritahu pegawai kerajaan yang tersebut. Ah! saudara memandang secara organisasi. Itu sebab saya suruh saudara faham. Itu saya minta juga Seri Setia .

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sri Muda.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sri Muda, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Sedikit penjelasan Yang Amat Berhormat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya tak benarkan Sri Muda sebab soalan yang Sri Muda bangkitkan tidak berkaitan dengan soalan asal.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Betul, saya setuju. Betul. Sedikit sahaja. Sebab soal masalah masyarakat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Duduk, saya minta Sri Muda duduk. Saya perlu berlaku adil kepada semua ya! Mengikut peraturan tetap. Seterusnya soalan daripada Taman Templer. Soalan itu sudah dijawab.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Ok. Soalan 172.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : *Excuse me.* Puan Timbalan Speaker. Soalan Taman Templer adalah berkaitan dengan percanggahan guna pakai tanah Pihak Berkuasa Tempatan yang berlaku di Majlis Selayang. Jawapannya begini. Kompaun di bawah Seksyen 70 (13) (b) Akta Jalan Parit dan Bangunan atau pun Akta 133 telah dikeluarkan pada 19 Jun 2012 berjumlah RM25,000.00 kerana melencong daripada pelan yang diluluskan. Syarat-syarat lain yang dikenakan ialah pemohon dikehendaki mengemukakan *Pelan Execute* serta kompaun yang dikenakan itu perlu dijelaskan terlebih dahulu. Berdasarkan semakan PDT Gombak tarikh daftar hak milik adalah pada 18 Februari 1994. Oleh itu pembermilikan tanah ini adalah pada tahun 1990 an oleh MMKN ketika itu. Tanah tersebut merupakan tanah hak milik dan tempoh pajaknya adalah 99 tahun dan akan tamat pada 17 Februari 2093. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKEAR : Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan No. 173.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: TANAH

173. Ada pihak-pihak tertentu menyatakan premium tanah di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat terlalu tinggi khususnya rumah kediaman

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh mana kenyataan itu benar

b) Jelaskan bagaimana premium tanah itu dikira (berapa kategori)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Timbalan Speaker. Lembah Jaya membangkitkan tentang isu premium tanah dan ada yang menyatakan bahawa premium tanah adalah terlalu tinggi. Sejauh mana kenyataan ini benar. Kedua jelaskan bagaimana premium tanah itu dikira. Ok. Satu ialah kadar premium tanah berasaskan pada penilaian tanah. Penilaian tanah dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Untuk premium, untuk premium kita ikutkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, dan dia mempunyai tugas untuk, untuk memberikan penilaian secara *independent*, maknanya bukanlah, sebab ini adalah tanah kerajaan menjual kepada memberi premium kepada rakyat. Jadi kita tidak boleh menggunakan sesiapa selain daripada Jabatan Perkhidmatan Harta, dan kemudian, satu ya dia kena buat penilaian. Tapi, apabila penilaian itu dibuat premium tanah dilakukan dengan formula, formula, ada formula premium tanah. Satu per empat atau pun suku daripada itu kali satu per seratus nilai tanah yang diluluskan didarab dengan tempoh pajakan didarab dengan luas. Maknanya, pemberian premium itu berasaskan kepada nilai tanah tersebut yang kemudiannya, nilai tanah tersebut dan di juga diambil kira tahun tempoh pajakan dan juga luas tanah tersebut. Jadi, penilaian itu biasanya dibuat mengikut kaki persegi. Jadi, kalau satu ekar boleh jadi 42,000 kaki persegi. Itu caranya. Dan penilaian tanah adalah berasaskan keadaan penjualan tanah-tanah persekitaran tersebut. Jadi, kalau tanah di sekitar itu tinggi, sudah tentulah harga tanah itu tinggi. Kerajaan Negeri tidak mencampuri dari segi penilaian tanah tersebut.

Apa Kerajaan Negeri telah buat iaitu oleh kerana keadaan tersebut adalah tidak, akan membebankan masyarakat di sana untuk membayar dengan harga yang tinggi walaupun dia hanya nak duduk di situ bukan dia nak jual tanah tersebut jadi kerajaan telah membuat satu persetujuan untuk memberi bayaran premium nominal yang RM1,000.00. Jadi dia boleh bayar RM1,000.00 dan dia boleh dapat tanah tersebut dan hanya kalau dia nak duduk situ tak ada jadi masalah hanya apabila dijual kepada orang lain boleh jadi 20 tahun yang akan datang barulah premium yang suku 1/100 nilai tanah itu dikenakan. Jadi kita ada dalam tanah tersebut. Ini adalah satu inovasi yang menolong masyarakat membayar premium yang terlalu tinggi yang mereka rasa mereka tidak mampu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang, Lembah Jaya, okey, Lembah Jaya silakan.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih kepada jawapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar, cumanya dari segi membantu rakyat tadi, kerajaan telah memperkenalkan RM1,000.00 tu, baguslah. Cuma hak yang nak bayar premium penuh, premium semasa, boleh tak tempoh yang diberikan itu dilanjutkan supaya mereka boleh bayar secara ansuran, kalau kita betul-betul niat nak membantulah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Y.B. Puan Speaker tempoh diberi 6 bulan, 6 bulan untuk pembayaran tersebut. Mengapa tempoh itu tidak boleh dipanjangkan. Jawapannya harga tanah juga berubah jadi harga tanah berubah semasa membayar premium itu, dia berasaskan dengan nilai tanah. Biasanya sudah tentulah harga tanah tidak berubah tiap hari tapi dalam masa 6 bulan oleh sebab pembangunan Negeri Selangor ini rapi, jadi tiap-tiap 6 bulan boleh jadi ada perubahan tentang nilai tanah. Itu sebabnya dia ada hadkan 6 bulan. Jadi lebih dari 6 bulan kita kena nilai semula pula. Jadi itu sebab kita tidak boleh lakukan sebab daripada peraturan tanah itu pembayaran premium mestilah berasaskan kepada nilai tanah. Itulah sebabnya kita keluarkan konsep RM1,000.00 dulu. Tak payah cakap fasal nilai tanah, tapi kalau nak bercakap fasal nilai tanah dia berubah tiap-tiap 6 bulan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, silakan Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih, jawapan Puan Timbalan Speaker. Kajang bertanya premium bagi tanah yang terletak di dalam Kg. Tradisi dan juga Kg. Baru. Adakah keistimewaan diberi kepada 2 kategori ini ataupun potongan dari segi diskaun premium boleh dipertimbangkan, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Timbalan Speaker, Y.B. Kajang mesti tahu yang penempatan harga yang diberi untuk kampung-kampung baru tu sudah termasuk dalam diskaun yang dibagi. Jadi diskaun tak dapat lagi. Kita mengambil keputusan Kg. Baru boleh buat pilihan. Satu pilihan ialah menggunakan penilaian yang sudah diberi diskaun, boleh. Kedua kalau dia tak nak dia boleh gunakan RM1,000.00. Jadi tak da, yang itu tak da penilaian yang dibuat. Jadi itu cara yang kita berikan.

PUAN TIMBALAN SPAKER : Baik, Rawang.....Tidak hadir, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker, soalan 175.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : SKIM PEMBERIMILIKAN TANAH

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis tanah kediaman yang tidak tergolong dalam pembayaran premium pendahuluan RM100.00 dan dapat potongan 30% sekiranya bayaran penuh dibuat dalam masa 6 bulan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Timbalan Speaker, Kajang membangkitkan skim pemberi milikan tanah. Apakah jenis tanah kediaman tanah yang tidak tergolong dalam pembayaran premium pendahuluan RM1,000.00 dan dapat potongan 30% sekiranya bayaran penuh dalam masa 6 bulan. Pemakaian skim pemilikan tanah kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian telah dikuatkuasakan. Skim ini diguna pakai untuk semua permohonan pemberi milikan dan perlanjutan tempoh pajakan tanah bagi tujuan bangunan kediaman untuk tujuan persendirian di seluruh negeri Selangor. Skim ini juga terpakai kepada semua permohonan serentak mengubah syarat tanah dan perlanjutan tempoh pajakan tanah di bawah Seksyen 204 B Kanun Tanah Negara dan Seksyen 197 Kanun Tanah Negara dan 76 untuk tujuan kediaman persendirian sahaja. Apa-apa jenis tanah kediaman yang tidak termasuk dalam satu dan dua tidak termasuk dalam skim ini. Skim ini hanyalah untuk kediaman.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan 176.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB AMIRUDIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak penyertaan SMUE sehingga Oktober 2012
- b) Apakah nisbah penyertaan SMUE dengan keseluruhan jumlah warga emas di Negeri Selangor ?
- c) Apakah kekangan dan halangan untuk mendaftarkan mereka secara automatik

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Timbalan Speaker, Batu Caves menanyakan tentang berapa banyak penyertaan SMUE usia emas sehingga 20 Oktober 2012. Kedua, apakah nisbah SMUE dengan keseluruhan warga emas di Negeri Selangor. Apakah kekangan halangan mendaftarkan mereka secara automatik. Seramai 200,356 warga emas telah berdaftar sebagai Ahli SMUE sehingga 31 Oktober 2012. Dan kita tidak memiliki data terperinci dan khususnya berkaitan warga emas Negeri Selangor

sebab *data base* kita tak ada dan kita tidak boleh menggunakan *database* Pendaftaran Negara, kita tidak boleh. Oleh demikian hanyalah dilakukan secara pendaftaran sendiri. Jadi oleh sebab itulah, mengikut peratus tuntutan yang kita lihat dalam jangkakan kita terdapat jangkakan kita, kita telah membuat beberapa analisa terdapat 236,000 warga emas yang sepatunya boleh berdaftar. Menurut peratus tuntutan yang diterima sejak mula diwujudkan kini 75.6% dianggarkan merupakan mereka yang layak mengikut syarat SMUE ini. Apakah kekangan untuk mendaftar mereka secara automatik. Sebab *data base* kita tak ada, maknanya kalau kita ada Pendaftaran Negara dia bagi pada kita, kita gunakan angka 10 di tengah I/C tu, kita boleh daftar mereka secara automatik dan mereka kena *confirm* sama ada mereka boleh nak jadi atau tidak jadi ahli. Perkara ini tidak mungkin tidak diterima oleh Pendaftaran Negara.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Dato' Menteri Besar saya rasa penyertaan itu satu penyertaan angka yang baik namun begitu saya ingin merujuk kepada program Jom *shopping* yang ada dalam penerima-penerima skim usia emas. Salah satu daripada permintaan yang saya dapat daripada akar umbi ialah untuk duit RM100.00 itu boleh juga digunakan oleh mereka bagi mendapatkan kos-kos rawatan dan sebagainya. Jadi maknanya bukan hanya untuk *shopping* tapi baucar untuk rawatan dan kesihatan mereka juga sangat diperlukan sebagai contoh mereka perlu ada dialisis. Kita ada pusat dialisis tapi kos mereka ulang alik dialisis tu juga satu kos yang baik. Jadi dalam program jom *shopping* itu di sekaligus dengan kesihatan warga emas. Apa pandangan pihak kerajaan dalam melaksanakan program ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Timbalan Speaker. Perkara ini kita kena bincangkan dari segi strategi dan teknik pelaksanaan. Taktik pelaksanaan kita untuk Jom *shopping* ialah supaya wakil rakyat akan bersama dengan peserta dan pergi secara fizikal untuk melakukan program Jom *shopping*. *That it a practical* usaha untuk bersama rakyat. Dan perkara peruntukan untuk kesihatan dan sokongan kesihatan merupakan satu taktik yang lain. Jadi kita terima cadangan tetapi kita kena bincangkan daripada segi *technical move* yang kita nak buat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, Sg. Burung.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Timbalan Speaker soalan tu 177 tu telah dijawab bersama soalan 20.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, terima kasih. Batang kali....tiada dalam Dewan. Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Puan Speaker soalan No. 179.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

**TAJUK : MASALAH BEKALAN AIR DI KAWASAN PADI DI SAWAH SEMPADAN
TANJONG KARANG**

179. Umum memaklumi bahawa Tanjong Karang merupakan jelapang padi negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kemarau yang melanda sawah-sawah padi di kawasan sawah sempadan bagi musim penanaman tahun 2012?
- b) Sekiranya ada usaha-usaha dibuat, nyatakan berapa jumlah kewangan yang dibelanjakan?
- c) Apakah usaha jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan penanaman padi di Tanjong Karang?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Puan Timbalan Speaker bagi soalan 179 saya jawab sama dengan 238 Gombak Setia. Bagi soalan pertama setelah saya perjelaskan semalam. Soalan kedua, berapakah jumlah yang diperuntukkan iaitu RM300,000.00 di bawah JPS di kawasan sawah sempadan. Soalan ketiga, apakah jangka panjang...untuk makluman Permatang punca kekurangan air di sawah ialah bila mana tebing sungai Sabak Bernam, Sg. Bernam pecah. Kali pertama telah kita *repair* pada tahun 2008 dan masalah air telah tidak berlaku. Awal tahun ini tebing pecah semula dan usaha-usaha telah dibuat untuk memperbaiki tebing tersebut. Sekiranya tebing tersebut dijaga dengan baik saya dan minta supaya JPS mengawal dan mengedar masalah air tidak sebut. Bagi mengatasi masalah tebing pecah ini sebuah *spill over* telah dibina di kawasan tebing tersebut supaya bila mana air tinggi tekanan air dapat dilepaskan melalui *spill over*. Seterusnya bagi kawasan Pancang Bedena dan Bagan Terap air telah dibina dalam sebuah takungan. Bila air tidak digunakan akan di pam masuk dalam takungan. Di musim kekurangan air, air akan dilepaskan ke dalam sawah.

Untuk soalan kedua daripada Gombak Setia, Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang pembangunan, mana-mana pembangunan untuk memperbaiki sistem terusan ataupun sistem perairan di kawasan sawah. Tapi yang lepas bila mana pembangunan tersebut

tidak merujuk kepada Kerajaan Negeri, selain tu ditahan oleh pihak kontraktor dan isu tersebut telah dibawa ke MTES dan telah kita uruskan dan kita minta juga supaya air da merujuk kepada pengurusan air Selangor supaya pemantauan berterusan dapat dilaksanakan. Dan projek tersebut telah siap dilaksanakan.

PUAN TIMBALAN PEAKER : Meru, tidak hadir. Bukit Antarabangsa tidak hadir juga. Sekinchan tiada dalam Dewan. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Puan Timbalan Speaker, soalan saya ke 183.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : DASAR PENGURANGAN KADAR CUKAI TAKSIRAN KEPADA PEMILIK
PETAK PANGSAPURI KOS RENDAH**

183. Kerajaan telah melaksanakan Dasar Pengurangan Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangsapuri Kos Rendah pada tahun 2012.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak unit rumah yang telah menerima manfaat ini mengikut PBT sehingga sekarang?
- b) Adakah cara ini telah membantu mengurangkan tunggakan bayaran caj penyelenggaraan dan *sinking fund* di kalangan pemilik rumah pangsa kos rendah? Apakah statistiknya?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kepada Yang Berhormat untuk menjawab soalan dari segi sama ada pengurangan cukai atau pun 25% cukai di rumah-rumah kos rendah ini cukai pintu ini akan dapat mempertingkatkan dari segi masalah *sinking fund* di kalangan pemilik rumah pangsa kos rendah. Sebenarnya strategi kita adalah dengan kita mengurangkan cukai pintu ini. Kita mensasarkan supaya mereka yang duduk di rumah-rumah kos rendah ini akan membayar *maintenance* atau pun yuran penyelenggaraan, itu cadangannya. Oleh kerana kita masih lagi baru sahaja melaksanakan program ini pada bulan sembilan kita akan memasukkan dalam Kajian kita apabila kita membuat kajian untuk kali pertama adalah sama ada dengan mengurangkan cukai pintu ini ia akan menggalakkan pemilik untuk membayar yuran penyelenggaraan oleh kerana strategi atau pun kenapa cukai pintu ini diturunkan sebanyak 25% atau pun diberikan potongan 25% apabila mereka yang tinggal di pangsa rumah kos rendah memberi satu maklum balas bahawa tidak adil mereka kena

bayar yuran penyelenggaraan dan mereka juga kena bayar akan cukai pintu. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Seri Setia

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Seri Setia ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO bagaimana rancangan penyelesaian bagi masalah-masalah warisan yang membelenggu pangsa kos rendah berkaitan kemudahan awam yang tidak sempurna khususnya lif seperti di Seri Setia, jadi sementara lif ada memang masalah besar hampir tiap-tiap hari lif tidak berfungsi dan satu menjadi satu beban kepada penduduk yang tinggal di sana.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ada dua persoalan di situ, yang pertamanya adalah dari segi untuk membaik pulih akan perkhidmatan-perkhidmatan atau pun lif seperti bumbung dan seterusnya ini kita akan laksanakan atau pun sebab kenapa kita telah mewujudkan skim CERIA. Skim ceria ini di wujudkan untuk menyelesaikan masalah-masalah pangsapuri kos rendah dari segi kerosakan-kerosakan di mana baik pulih diperlukan dan tidak ada *sinking fund* di dalam akaun sebab ramai yang tak bayar atau pun telah digunakan untuk menggunakan *sinking fund* itu untuk menggunakan *sinking fund* itu untuk penyelenggaraan jadi sebab itu diwujudkan apa di panggil sebagai skim ceria kongsi kos di antara Kerajaan Negeri dan penduduk. Masalah yang satu lagi adalah kita juga memastikan bahawa apabila nak bertukar atau pun kita hendak tubuhkan JMB daripada di uruskan oleh pemaju diserahkan kepada JMB perlu ada Audit. Apakah keadaan pangsapuri tersebut, jadi kita pun tidak mahu bahawa apabila di serahkan kepada JMB, JMB terpaksa menanggung segala kerosakan, jadi perlu ada Audit, Audit ini perlu dilakukan bersama dengan COB untuk memastikan perkara-perkara yang diserahkan seperti lif, perkhidmatan-perkhidmatan yang lain diserahkan kepada pihak JNB dan dalam keadaan yang baik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih, Tuan Speaker soalan 184

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : BEKALAN AIR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah permohonan industri baru ditolak oleh Kerajaan Negeri kerana SYABAS tidak dapat membekal air?
- b) Jika benar, apakah tindakan Kerajaan Negeri menangani masalah ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, Sungai Pelek membangkitkan isu tentang permohonan industri baru di tolak oleh Kerajaan Negeri kerana SYABAS tidak dapat membekal air. Kenyataan ini bukan Kerajaan Negeri. Pihak SYABAS telah menangguhkan kelulusan ke atas kebenaran merancang yang dikemukakan oleh Pemaju Hartanah atas alasan kekurangan kapasiti bekalan air tapi apa yang kita dapati bahawa tanggungjawab SYABAS di bawah projek konsesi hanyalah untuk membekalkan dan mengagihkan air terawat di Selangor dan oleh sebab itu dia tidak ada kena mengena tentang kelulusan pelan tersebut. Dia hanya menyatakan sama ada dia mampu atau tidak mampu. Oleh itu Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk meneruskan dan meluluskan kebenaran merancang yang dipohon oleh pemaju hartanah kerana kita percaya kalau SYABAS tidak boleh melaksanakan penyaluran air tersebut dia akan diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan kita juga telah membuat persediaan pasukan yang akan menolong melaksanakan dan penyaluran-penyaluran air ini.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat Speaker, soalan no. 185.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : TAPAK BAGI PEMBINAAN SURAU DI KAWASAN PERUMAHAN KOS RENDAH

185. Surau bagi penduduk Islam di *flat* Taman Prima Selayang yang berjumlah lebih 300 keluarga disediakan di sebuah unit *flat* di tingkat bawah Blok A. Keperluan bagi mendapatkan sebuah tapak yang sesuai bagi membina sebuah surau yang lebih selesa telah pun dimajukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan pernah saya bangkitkan dalam Sidang Dewan yang lalu. Sayugia dimaklumkan bahawa di kawasan yang sama telah ada kuil Hindu dan tokong bagi kaum Cina dan ini menjadikan orang Islam setempat merasakan kebajikan mereka telah tidak diendahkan oleh Kerajaan Negeri.

186.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah usaha serius dibuat oleh Majlis Perbandaran Selayang untuk mengenai pasti tapak bagi membangunkan surau untuk penduduk Islam di kawasan berkenaan oleh sebab adalah mustahil untuk penduduk di situ mengenal pasti sendiri tapak yang sesuai bagi maksud tersebut?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan penduduk Islam di kawasan *flat* ini dan kawasan-kawasan serupa di dalam Negeri Selangor mendapat surau yang lebih selesa bagi menjalankan aktiviti keagamaan dan kebajikan ummah?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Soalan ini dibangkitkan oleh Taman Templer mengenai tapak pembinaan surau di kawasan perumahan kos rendah dan lokasi yang sama dan saya nak berikan kelulusan untuk pembinaan-pembinaan ini telah dibuat sebelum 2008. Saya telah cuba semak dan kelulusan ini telah menunjukkan adanya kuil dan juga tokong kaum Cina. Untuk mengenal pasti oleh sebab itu ada permohonan untuk bertanya kenapa tidak diadakan surau. Majlis Perbandaran sekarang untuk mengenal pasti tapak pembangunan surau tersebut untuk penduduk Islam di kawasan berkenaan kerana tapak tak ada lagi itu sebab yang kita katakan. Apakah sememangnya telah tiada kawasan tambahan boleh dijadikan tapak surau mengikut kelulusan pembangunan yang telah diberikan iaitu sebab tetapi saya telah meminta Selayang untuk mengira kawasan keseluruhannya bukan kawasan tapak tersebut sahaja dan kalau dapat kita bina untuk kegunaan kawasan keseluruhannya bukan sahaja untuk surau boleh jadi untuk misi. Itu yang *solutionnya* tapi *solution* yang Taman Prima Selayang dan mengikut jawapan daripada Selayang semangnya telah tidak tiada kawasan tambahan yang boleh dijadikan tapak surau mengikut kelulusan pembangunan yang diberikan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya sila.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih, Speaker. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat soalan tambahan sebenarnya kawasan Taman Prima Selayang komposisi kaum Melayu yang duduk di situ adalah orang Islam hampir 30% jadi apabila ada kuil dan tokong Cina, salah satu kawasan yang ada adalah sebuah tempat gerai tetapi gerai hari ini tak naik, tapi naik sebuah kilang ais dan benda ini telah saya bawa ke pihak Media dan pihak MPS. MPS ternyata ada kertas hitam putih dan saya akan berikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengatakan bahawa tempat itu adalah untuk gerai tetapi naik pula kilang ais. Tempat itulah yang kita lihat dan berbalik soalan kedua saya ialah adalah elok saya meminta Yang

Berhormat melihat kerana dah tokoh dengan apa ini kuil dah ada surau sepatutnya ada. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya Pakatan Rakyat akan selesaikan perkara ini.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, oleh kerana soalan ini semasa dibuat kertas putih belum diedarkan kepada Dewan ini, jadi saya tarik balik soalan ini.

TUAN SPEAKER : Ya, Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan 187.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT DI SS15

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- (a) Bilakah dan bagaimanakah MPSJ bercadang untuk membangunkan satu tempat letak kereta bertingkat di SS15, Subang Jaya? Berikan butir-butir.
- (b) Mengapakah perkara ini telah berlanjutan dan tidak di bawa ke Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker soalan Subang Jaya adalah berkaitan dengan tempat letak kereta bertingkat di SS15. Tuan Speaker MPSJ telah mempunyai Dewan Serba guna dan tempat letak kereta terbuka di atas tapak berkenaan dan masih beroperasi dengan keluasan 2.5 ekar. Cadangan pembinaan semula Dewan tersebut belum dapat dilaksanakan kerana ia melibatkan kos pembangunan semula. Pada ketika itu kawasan tersebut bertaraf tanah rizab dewan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Selangor. Sebarang pemajuan di atas tapak tersebut perlu mendapat kebenaran daripada Pegawai Pengawal. Pada ketika ini MPSJ telah mengemukakan permohonan kepada SUK untuk mendapatkan kebenaran memanjat tanah tersebut selama 21 tahun. Tuan Speaker, pembangunan semula tapak tersebut bukan prioriti utama Majlis memandangkan ianya melibatkan kos dan isu ini boleh diselesaikan di peringkat Majlis. Pada ketika ini satu Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan bagi mengkaji cadangan reka bentuk dan kos kemajuan. Setelah reka bentuk dan kos ditentukan perkara ini akan dibentangkan di peringkat MPSJ sama ada

perlu dibina sendiri atau mempelawa pihak swasta untuk membangunkan kawasan terlibat tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Soalan tambahan. Ini masalah saya dengan MPSJ perkara ini telah berlanjutan 4 tahun saya setelah minta *design* semua sudah ada kalau jawapan yang diberikan oleh MPSJ mengatakan ini bukan prioriti mereka. Di SS15 saya nak tahu apa cadangan MPSJ untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta. Kita ada 3 kolej di sana dan hanya 2 ekar letak tempat kereta yang dikongsi oleh pasar pagi dan kegunaan Dewan. Jadi masalah saya dengan MPSJ sekarang, ini adalah satu masalah yang benar MPSJ kata bukan prioriti untuk mereka selesaikan. Jadi saya nak dapat jawapan yang lebih jelas daripada EXCO. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya bercadanglah MPSJ membentangkan perkara ini ke MTES supaya semua Ahli-ahli MTES boleh mengkaji bersama sama ada ini adalah satu keutamaan atau tidak. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Soalan tambahan. Bila agaknya perkara ini boleh di bawa kerana saya telah tulis beberapa bulan untuk membawa kes ini ke MTES. Namun MPSJ masih tidak mahu membawa kertas ini ke MTES.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya mencadangkan dengan kadar segera.

TUAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tuan Speaker, soalan 188.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZAH BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : LANJUTAN PAJAKAN TANAH

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejak dilancarkan, berapa permohonan untuk lanjutan pajakan diterima, bilangan yang berjaya diproses mengikut Pejabat Daerah? Apakah sasaran sebenar?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, Taman Medan bertanyakan tentang pelaksanaan pajakan tanah. Untuk pajakan tanah juga ini termasuk dalam proses pemberian RM1,000.00 sebagai wang untuk mendapatkan penerusan pajakan.

Di Petaling terdapat 987 permohonan yang sudah lulus ialah 730. Di Kuala Selangor terdapat 123 permohonan yang telah lulus 108. Ini contoh-contoh saya kata kita dapat akan memantau tentang proses pembeliannya dan kita telah membahagi KPI supaya mereka dapat diluluskan dan di selesai dalam masa 3 bulan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Soalan tambahan saya menerima banyak aduan daripada pemohon yang ingin mendapatkan tawaran bayaran pajakan RM1,000.00 ini bahawa permohonan mereka sudah melebihi 3 bulan tetapi tiada berita daripada Pejabat Daerah. Saya mohon apakah tempoh pemprosesan permohonan yang sepatutnya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, saya faham tentang kerana, jadi oleh sebab itu saya telah mula mencadangkan kepada Pejabat Daerah untuk memaparkan dalam *websitenya* kesemua permohonan yang dibuat mengikut masa. Kemudian juga membuat pengisytiharan atau pun memberikan penerangan tentang kelulusan yang dibuat. Dengan cara itu mereka-mereka yang membuat permohonan akan dapat memantau melalui Internet.

TUAN SPEAKER : Masa Pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2013)(2012) semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Dewan Bersidang dalam Jawatankuasa.

TUAN Pengerusi : Jadual B.9 – Pejabat Tanah dan Galian, dibuka untuk perbahasan.

Jadual B.9 – iaitu wang sejumlah RM20,713,033.46 untuk Kepala B.9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.10 – Jabatan Perhutanan, RM18,989,143.67

TUAN Pengerusi : Ya, sila Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih.

TUAN Pengerusi : Untuk Bahagian ini, saya peruntukan waktunya masanya maksimum 1 jam. Tapi setiap Yang Berhormat diberi 15 minit.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran B.505000, di kod objek 10000, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Dan juga berkenaan dengan 560001, Operasi Hutan, di bawah kod 20000.

Dato' Pengerusi, saya ingin membangkitkan berkenaan dengan Jabatan Perhutanan ini, di mana penguatkuasaan ke atas hutan-hutan simpan dan juga penguatkuasaan kawasan-kawasan yang menjadi sebahagian daripada hutan simpan yang wujud di Negeri Selangor. Beberapa bulan yang lepas, berlaku rampasan kepada kayu bakau yang diambil keluar secara haram di sekitar kawasan Pelabuhan Klang dan juga Pulau Ketam. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, oleh sebab kawasan hutan simpan ini memang kita, termasuk juga hutan bakau, kita tidak benarkan untuk sebarang operasi mengeluarkan bahan-bahan daripada hutan ini. Tetapi di atas kekangan yang diberikan oleh pihak Jabatan Perhutanan dan juga Kerajaan Negeri serta pihak-pihak yang berkaitan di agensi persekutuan, aktiviti pengeluaran itu tetap dilakukan secara sembunyi-sembunyi. Dan ini adalah merupakan satu kehilangan kepada hasil untuk Negeri Selangor. Justeru itu saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya merangka satu dasar yang boleh membuatkan pengeluaran bahan-bahan hutan ini. Yang mana ia juga termasuk sebahagiannya daripada sumber asli ataupun sumber alam Negeri Selangor untuk diselaraskan secara yang lebih efisien kerana kalau kita tidak membenarkan langsung pengeluaran kayu-kayu hutan, kayu-kayu bakau ini, ada pihak yang mencuri. Daripada kecurian itu ditangkap oleh pegawai penguat kuasa perhutanan, ataupun renjer hutan. Bahan itu akan ditempatkan di batau, ataupun di tempat simpanan sementara dan akhirnya kayu-kayu ini dilelong pada harga yang berpatutan. Hasil daripada lelongan ini, wang itu dimasukkan ke kantung Kerajaan Persekutuan. Pada hal kayu ini adalah kayu yang wujud di Negeri Selangor. Dan ada juga kayu yang di bawa masuk secara tidak sah daripada negeri lain, negeri bersempadan dengan Selangor seperti Perak, dibawa masuk ke Negeri Selangor dan kemudian cuba dipasarkan di Negeri Selangor. Dan soalan saya ialah kalau kita tidak lakukan secara sistematik, berkesan, terkawal, menyusun semula, maka hasil sumber Negeri Selangor itu pergi kepada Kerajaan Persekutuan. Yang sepatutnya sumber itu, kalau Kerajaan Negeri laksanakan dengan cara yang sistematik, ia boleh memberikan pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Sri Muda. Memang kita mengaku bahawa sampai hari ini, masih ada orang yang suka curi khasnya hutan bakau. Selain daripada itu juga ada penyeludupan yang berlaku, bukan saja dekat negeri-negeri dekat tapi di seberang laut pun ada. Dari Sumatera. Di mana kita juga telah memberi maklumat tersebut kepada Kerajaan Pemerintah Indonesia. Namun begitu, saya juga setuju bahawa satu pengurusan yang lebih mantap perlu dibuat tentang bukan saja pengeluaran, Sri Muda sekarang sedang fikir macam mana nak

mengeluarkan secara *sustainable, sustainable logging*, di kawasan tersebut. Tapi setakat ini kita masih kaji jalan dan juga langkah yang paling bagus untuk tidak mengurangkan jumlah kayu bakau di hutan simpan yang sedia ada, pada masa yang sama kita juga sedang adakan program-program untuk meningkatkan lagi pokok-pokok bakau. Yang sebelum ini, beberapa tahun yang lalu ditebang secara haram. Jadi satu pengurusan, memang kita juga ada beberapa kajian macam mana nak mengurus secara baik supaya perkara sebegitu tidak akan berlaku. Namun begitu, saya juga ingin tambah bahawa kalau ada, apa, kayu bakau yang dirampas, disita kerana setakat ini memang tidak ada lesen untuk keluar kayu bakau, ataupun lesen ini tidak akan dikeluarkan oleh Selangor, maka apa yang dilelong dan sebagainya masuk dalam akaun kita. Jadi selain daripada itu kita, kita masuk kes-kes tersebut dalam mahkamah sebagai satu amaran dan juga petanda kepada siapa yang curi bakau mereka, *is a one way ticket to jail*, lah. 1, 2 tahun dalam penjara.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, Yang Berhormat EXCO. Saya ingin seterusnya pergi kepada kod projek 10050, Pemuliharaan Alam Sekitar. Di muka surat 352. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang program-program yang sudah pun dirancang ataupun program-program yang sudah dibuat, dirancang untuk memastikan bahawa kayu-kayu yang sudah ditebang secara haram itu dibuatkan gantian oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Perhutanan, kerana akibat daripada pokok-pokok bakau yang ditebang secara tidak terkawal dan secara haram. Contohnya di sekitar kawasan Pulau, Pulau Ketam, di sekitar Pelabuhan Klang, ada aduan daripada nelayan-nelayan di kawasan itu, punca pendapatan mereka sudah semakin merosot kerana ada kaitan dengan penebangan pokok. Justeru itu saya ingin tahu apakah Kerajaan Negeri sudah melaksanakan program jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam memastikan sumber yang sudah diambil keluar itu diganti dengan satu program penanaman semula.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Sri Muda. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat, penghutan semula memang selalu dijalankan khasnya untuk projek tanaman bakau. Selain daripada itu juga, di bawah Pejabat Menteri Besar, ada Geran Selangorku, di mana kita menggalakkan masyarakat, NGO dan sebagainya untuk adakan program masyarakat untuk menanam pokok. Untuk di kawasan Pulau Ketam, untuk makluman Sri Muda, baru-baru ini, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adakan satu pemantauan udara. *Aerial surveillance*, di kawasan tersebut dan apa yang telah mereka telitikan, tidak, saya rasa tidak seteruk apa yang didakwa oleh beberapa pihak. Pada masa yang sama, untuk pengetahuan semua, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, di kawasan Pulau Ketam, selama beberapa bulan, hampir lebih daripada satu tahun, kita rasa di kawasan tersebut *paradiversitynya* semakin lama semakin bertambah baiklah. Ini anggapan kita, kerana kita sekarang ada ikan lumba-lumba, *dolphins* di persekitaran kawasan tersebut. Kalau tak ada makanan

yang cukup, saya rasa ikan lumba-lumba itu tidak akan berada di Pulau Ketam dan juga di pinggir Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya takut ikan tu, ikan yang tersesat.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ha, tak sesat..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Bukan untuk sumber makan. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bukan, saya nak jawab, itu bukan ikan sesat. Tapi mereka sudah dirikan penempatan mereka. Jadi bukan saja satu *port*, satu *port* maksudnya satu keluarga, tapi beberapa *port*. Saya harap pada masa satu dua minggu ini, saya boleh bawa semua Ahli-ahli Dewan masuk, naik bot, kita sama-sama pergi ke kawasan tersebut.

TUAN Pengerusi : Jangan semua, ya, jangan semua. Bahaya.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, Dato' Speaker.

TUAN Pengerusi : Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Dato' Speaker. Bangi ingin bercakap tentang B10 / P10, Aktiviti Tiga Program Pembangunan dan Hutan. Pertama, Bangi nak persoalkan istilah hutan simpan itu. Dalam makna hutan simpan, kita tinggalkan dia, simpan saja, tak guna saja. Biar dia duduk begitu saja, tanpa kita ganggu gugat. Bahkan kalau ganggu pun, dimarahi, dalam istilah, begitulah nampaknya. Saya ingat sudah tak kena cara ini. Kita pelihara dan simpan sahaja. Sepatutnya hutan ini simpan, apa dia ni, maksimum penggunaan. Tapi istilahnya nak sebut tu mungkin, carilah, mungkin tak tepat. Ertinya simpan dan penggunaan. Simpan untuk kegunaan. Maksud saya begini, ertinya hutan simpan ini adalah harta warisan. Ha, ni, saya PADAT jugalah. Dia warisan negeri, yang mahal nilainya. So, sebab itu, ertinya oleh sebab dia satu warisan yang berguna, kita simpan dan mengambil manfaat daripada hutan simpan untuk kegunaan. So, barangkali setakat ini, kita tidak mendapat maklumat yang semaksimum yang sepatutnya kita dapat daripada hutan kita. Maklumlah dia duduk tengah hutan. Mungkin tak semua orang boleh masuk. Kalau ambil gambar pun, mungkin atas permukaan saja. Di bawah tu mungkin ada emas, ada hutan, ada binatang liar dan sebagainya, yang maklumatnya kita tidak dapat sepenuhnya. Tetapi kalau kita dapat maklumat-maklumat ini dan kita sebarkan maklumat ini untuk pengetahuan umum, yang boleh kita manfaatkan, barangkali memberi hasil kepada negara. Misalnya umpamanya keistimewaan-keistimewaan hutan simpan yang mana, masuk dalam bukit dan gunung yang boleh menjadi daya tarikan terutama kepada kita hendak masuk *jungle track* ataupun membuat apa yang

kita katakan penerokaan dalam hutan. Sebab itu dalam istilah simpan sahaja mungkin tidak tepat, kita guna untuk mendapat maklumat daripadanya dan boleh diterokai dengan secara terkawal. Bukan teroka mengeluarkan kayu bakau secara haram tadi. Itu kita tidak dapat manfaat. Daripada manfaat umpamanya boleh kita masuk menghayati keindahan. Mungkin dalam itu, keindahan dari segi pokoknya mungkin setengah daripada kita tidak tahu. Dari segi saluran air mata airnya. Boleh kita lihat batu batan yang cantik yang kalau boleh kita tengok dan *expose* kan kepada orang ramai. Begitu juga kepada saluran-saliran yang ada di dalam sungai. Di dalam hutan itu yang boleh dimanfaatkan. So, Daripada itu kita boleh jadikan ia tempat rekreasi. Mungkin sekarang ini Hulu Langat sahaja yang dianggap pusat rekreasi. Mungkin tempat lain banyak tetapi kerana hanya itu sahaja yang diketahui orang berduyun-duyun tiap-tiap hari Sabtu dan Ahad jalan Hulu Langat itu susah hendak masuk dan hendak keluar. Sebab itu sahaja maklumat yang diketahui. Padahal kita mempunyai hutan yang luas tetapi mungkin di tempat-tempat lain itu tidak diketahui. Misalnya di Hulu Selangor ataupun di apa dia ni apa Kuala Langat dan sebagainya, tempat-tempat yang boleh menjadi tarikan. Jadi setakat ini apakah bahagian umpamanya kehutanan dan juga bahagian pelancongan bekerjasama untuk mendapat maklumat, bahan-bahan yang ada. Umpamanya kalau dua tiga yang kita ketahui bukan main lagi menariknya umpamanya periuk kera itu. Periuk kera itu mungkin setengah orang tidak faham ya, istilah sains. Periuk kera ia satu tumbuhan yang cantik, yang macam periuk, ia dapat tangkap semut-semut dalam periuk untuk makanan dan minuman dia. Dan ini menjadi satu yang menarik dari segi pelancongan, ya. Mungkin banyak lagi sebenarnya pokok-pokok yang boleh diketengahkan untuk menjadi tarikan. Barang kali belum ada usaha-usaha yang sedemikian umpamanya tunjuk pokok-pokok yang paling mungkin. Kita hendak tanya setakat ini kita ada pokok yang paling tua di Selangor, telah jumpa? Mungkin belum lagi. Pokok yang paling muda mungkin banyak tapi hendak cari yang paling tua. Mungkin ini boleh dijadikan tarikan. Jadi kalau diusahakan kita akan mendapat banyak tempat-tempat rekreasi yang boleh kita pecahkan rakyat Negeri Selangor ini jangan hanya menuju ke Hulu Langat sahaja, memberi masalah kepada Hulu Langat. Tapi baguslah datang ke Hulu Langat tapi boleh di cari tempat-tempat yang lebih banyak. Selain daripada itu mungkin kita boleh cari gua-gua, tak kan tiada hutan-hutan kita yang banyak ini, tiada satu atau dua gua yang menarik. Selama ini kita sebut Gua Niah sahaja. Kita hendak naik kapal terbang bukan mudah sana, mahal pula tambang. Cari gua-gua yang menarik di hutan-hutan, di bukit-bukit negeri Selangor dan kita *expose* kan supaya apa benda ini menjadi daya tarikan untuk ialah rakyat negeri Selangor yang jemu duduk kesibukan jalan raya tiap-tiap hari kerja. Jadi hujung-hujung minggu mereka pula lari ke gua-gua dan hutan-hutan. Dulu orang pandang hina duduk di hutan, di gua, di kampung. Sekarang terbalik pula, bila hujung minggu orang berduyun-duyun mencari hutan, nak cari gua, nak cari sungai dan sebagainya untuk menjadi tempat ketenangan. So, lebih baik kita cari tempat-tempat

yang menjadi ketenangan ini. Begitu banyak rakyat kita, rakyat Negeri Selangor ini boleh merehatkan dia punya minda supaya tidak terlampau berserabut sangat pada tiap-tiap minggu. Ya... (Yang Berhormat Sekinchan bercakap dengan Yang Berhormat Bangi) Ya! macam di Sekinchan tapi itu pokok padi sahaja kan. Biasa boleh nampak ni. Ini maksud saya, hendak masuk hutan bukan setakat paya padi sahaja. Itu sudah biasa. Kemudian begitu juga, selain daripada gua, hutan-hutan ini banyak mengandungi bahan-bahan perubatan. Bahan-bahan perubatan, mungkin belum dikaji lagi apakah jenis pokok-pokok yang menjadi bahan perubatan yang boleh menjadi bahan daya tarikan umpamanya Tongkat Ali, itu yang biasa kita tahulah. Mungkin tongkat-tongkat yang lain banyak lagi, yang boleh kita cari. Ubi apa itu, yang boleh dijadikan ubat tu? Ubi yang sentiasa di buat, ubi... ya! ubi Jaga. Itu satu jenis ubi mungkin banyak ubi-ubi lagi yang tidak diketahui. Bukan setakat Sekinchan sahaja yang ada ubi, mungkin di tempat lain lagi. Mungkin ada bahan-bahan yang boleh kita teroka untuk dijadikan bahan-bahan perubatan, yang boleh jadi daya tarikan kepada apa dia ini tempat kitalah yang mana-mana ada. So, begitu juga kita telah maklum hutan simpan ini dia juga menjadi apa dia ini, tempat kawalan banjir ya, hutan, supaya tidak di ceroboh. Pokoknya saya apa dia ini, berharap konsep hutan simpan, istilah simpan itu jangan simpan sahaja. Tetapi digunakan untuk manfaat. Kita guna istilah lain-lain, simpan guna ke! Guna simpan ke. Atau yang lain-lain lagi. Terima Kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bangi. Selalunya saya seronok dengar Bangi kerana ucapannya sangat banyak fakta dalam. Kali ini tiada apa *not refer dictionary, lucky me*. Ok. Tadi saya pun ada *check* ada apa maksud hutan simpan dalam Dewan Bahasa kamus dan sebagainya. Ok, Bangi saya ingin maklum kepada Bangi dan juga Ahli-ahli Dewan bahawa bila kita mengatakan hutan simpan, hutan simpan kekal ada pelbagai kategori bukan sahaja maksud simpan sahaja. Tapi ada hutan lipur, ada hutan perlindungan, ada hutan pengeluaran dan sebagainya. Jadi, walaupun secara amnya adalah hutan simpan kekal tapi ia ada *use* kegunaan yang telah di gazet atau di zonkan. Jadi bukan masalah kalau maksud saya ialah kita bukan simpan sahaja tapi kita memang ada pelbagai kegunaan untuk masyarakat. Masyarakat *public*, masyarakat saintifik dan sebagainya. Sebagai contohnya dekat Hutan Simpan Air Hitam. Kawasan itu ada *double gazette*, dua *gazette*, dua warta. Termasuk warta untuk Universiti Putra Malaysia (UPM) Bahagian Sains dan Konservasi. So, mereka sudah adakan program Saintifik *expectation* sebagainya. Itu pun satu kegunaan untuk hutan simpan kekal yang sedia ada di Negeri Selangor. Kita ingin komuniti sains untuk manfaat dan juga mahasiswa dan sebagainya. Isu tentang dapat atau pendapatan ataupun hasil, saya rasa Kerajaan Negeri ataupun Negeri Selangor sekarang telah sampai ke satu tahap di mana kita tidak perlu bergantung kepada pengeluaran hasil hutan yang biasa seperti balak, ataupun kuari dan lain-lain. Kita sekarang memang dah cukup pelbagai hasil yang boleh kita dapat daripada hutan simpan kekal. Sebagai, sebagai contohnya kita ada permit penggunaan untuk *resort*,

untuk syarikat yang adakan rekreasi, ada tapak dan sebagainya. Tapi itu diberi selepas penelitian dan juga kajian yang amat ketat. Dan dari situ memang hasil itu masuk akan akaun Kerajaan Negeri. Di Negeri Selangor bukan sahaja dekat Hulu Langat ada rekreasi-rekreasi hutan simpan kekal. Tapi saya rasa itu perkara yang bagus kalau ada banyak penghujung atau pelancong yang pergi ke Hulu Langat kerana hari ini Hulu Langat memang masyhur ya, *famous* dengan beberapa tapak-tapak *eco tourism* yang sangat popular. Di beberapa daerah pun, ada hutan lipur seperti dekat Kota Damansara, dekat Puchong dan juga lain-lain tempat. Jadi bukan sahaja sesat ke Hulu Langat tapi banyak tempat pun sesat. Dan saya rasa ini adalah satu perkara yang baik bukan yang buruk. Mungkin kita boleh menaik taraf lagi infrastruktur jalan dan sebagainya supaya lebih pengunjung akan sampai ke Hulu Langat. Bawa *business* meningkatkan ekonomi tempatan dan sebagainya dekat situ. Tentang perkara yang dibangkit oleh Bangi iaitu untuk mencari hasil daripada pokok-pokok yang ada di hutan simpan kekal. Ada yang baik dan ada juga buruk. Yang baik adalah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah ada satu seksyen di mana mereka ada taman herba. Di mana mereka juga memberi kesedaran awam, mereka ada buat kajian, mereka juga cuba menanam herba-herba, pokok-pokok herba yang di dapati di hutan simpan kekal di Negeri Selangor di sana. Memang dalam bajet ada peruntukan untuk perkara tersebut. Namun begitu saya hendak cerita sedikitlah yang buruk. Kalau kita lihat sekarang, tadi Bangi ada cakap tentang periuk kera. Sekarang periuk kera boleh dikatakan bukan sebanyak dahulunya kerana kalau pengunjung masuk ke dalam hutan simpan tersebut, ambil satu. Fikirlah setiap minggu 1000 orang yang masuk hutan simpan ambil 1, 1000 sudah keluar. Di Malaysia sebelum 20 hingga 30 tahun yang lalu orkid-orkid di hutan simpan kekal seluruh Malaysia, Semenanjung Malaysia sangat *is high value*, nilainya sangat tinggi. Jadi bila pengunjung masuk hutan dan ambil sikit-sikit, sekarang boleh dikatakan kebanyakan orkid-orkid yang di dalam hutan telah pupus. Jadi saya tidak menggalakkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, tidak menggalakkan hutan simpan kekal dibuka untuk orang awam masuk. Lama-kelamaan saya pun takut, periuk kera akan hilang. Kita baru-baru ini adakan satu komuniti *forest* dekat Kota Damansara. Tidak lama, 2 tahun sahaja kita ada *trend* dan sebagainya. Sekarang kita dapat berita dan ada orang maklum pada Jabatan Perhutanan bahawa Tongkat Ali pun orang masuk ada orang curi. Ini dekat bandar. Jadi kita tidak, tidak, kita tidak syorkan semua kawasan hutan simpan kekal dibuka tetapi. Namun begitu kita ingin juga orang mendapat manfaat hutan simpan, hutan lipur dan sebagainya. Jadi kita hadkan dan kawal di mana mereka boleh jalan dan setakat mana mereka berhenti. *Back to control come to tourism*, bukan suka-suka jalan masuk lepas itu panggil Jabatan Perhutanan, Bomba dan Keselamatan untuk menyelamatkan mereka. Ada kes. Banyak kes tapi itu bukan isu lah. Jadi memang saya akan ambil maklum perkara-perkara yang di bawa oleh Bangi. Ada banyak cadangan yang bagus dan ada, kita ada beberapa buku cetakan tentang hutan lipur di Negeri Selangor. Ada tentang Gunung

Nuang. Ada satu *pamphlet* khas untuk risalah khas memberi maklumat yang penuh tentang kesemuanya sepuluh hutan lipur di Negeri Selangor. Saya harap juga Ahli-ahli Dewan boleh bawa penduduk-penduduk mereka untuk melawat hutan-hutan lipur di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Pengerusi. Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan Vot B10 Jabatan Perhutanan Butiran 505000 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Kajang ingin membangkitkan satu isu yang sama berkaitan resepsi perhutanan simpanan atau hutan simpanan kekal. Selama ini, dalam negara atau masyarakat yang semakin mementingkan komersial atau nilai komuniti. Selama ini kita nampak hutan simpanan yang ada di dalam Selangor atau Malaysia memang dianggap sebagai satu sumber dan komuniti komersial untuk diperdagangkan. Maka dalam era dulu bawah pentadbiran dahulu Barisan Nasional memang didapati banyak hutan simpanan termasuk hutan simpanan kekal yang telah ditebang tebas untuk balaknya, dan juga untuk ditanam semula dengan ladang-ladang. Dan, kita hadapi nilai hutan simpanan seperti yang disebutkan oleh Y.B. EXCO tadi. Dia memang penting dari segi membekalkan sumber air, rekreasi dan mengekalkan ekosistem dan habitat untuk flora dan fauna. Dan juga kita hendak tegaskan di sini perubahan iklim ataupun *climate change* agar semakin masalah *climate change* semakin runcing. Memang dihadapi di Negeri Selangor juga. Dan hutan memainkan satu peranan yang amat penting untuk stabilkan iklim setempat. Jadi kita harus mengekalkan kesemua hutan simpanan termasuk yang mana yang telah diterokai memang seharusnya kita tanam semula.

Selain daripada itu hutan juga merupakan satu takungan *gen* ataupun *gen pool* di mana di dalam hutan simpanan kita khususnya hutan asal ataupun dengan izin di mana memang terdapat banyak jenis-jenis baka terdapat pada pokok, tumbuh-tumbuhan dan juga pada unggas-unggas dan juga haiwan-haiwan, di mana masih manusia tidak dapat jumpai. Jadi ini adalah satu takungan *gen* yang mungkin akan memanfaatkan manusia dalam bidang perubatan, dalam kajian genetik dan sebagainya. Sehubungan dengan itu Kajang memang bercadang hutan simpanan yang telah diterokai untuk penanaman semula ladang-ladang seperti getah, kelapa sawit dan juga buah-buahan seperti di *fruit valley* dan juga tanam-tanaman yang lain yang memang melanggar dari segi akta perundangan hutan. Di mana walaupun getah dikelaskan sebagai pokok hutan tetapi kalau ia ditanam secara perladangan maka ia tidak harus digelar, dimasukkan dalam kategori pokok hutan. Kalau pokok getah itu memang semula jadi bertabur di dalam hutan dan ia memang merupakan pokok hutan yang ada kanopinya yang serupa dengan pokok hutan yang lain. Tapi kalau ia pokok getah yang merupakan ladang, ia merupakan tanam-tanaman yang akan ditebang tebas sekali lagi dan dipotong dan dia akan merosakkan dari segi ekosistem perhutanan. Kerana ladang hutan tidak

merupakan hutan semula jadi, kerana satu spesies getah yang ditanam di tanah yang asal hutan simpanan ia merupakan satu spesies maka kalau adanya haiwan-haiwan pun jenis beberapa yang amat terhad yang akan hidup di dalam ladang ini. Apatah lagi kalau ladang ini di sembur dengan racun dan dimasukkan baja kimia maka dia akan lagi merosakkan ekosistem di hutan itu dan khasnya pada sumber air akan dicemarkan. Jadi Kajang ingin bertanya sama ada kerajaan mempunyai rancangan yang segera untuk mengambil alih tanah-tanah yang diterokai dan dijadikan ladang dan juga ditanam semula dengan pokok-pokok endemik ataupun yang asalnya di dalam hutan Selangor ini. Sekian.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kajang, saya akan jawab separuh daripada itu dan nanti saya akan minta EXCO yang jaga sumber asli untuk jawab yang lain. Untuk makluman Kajang pada masa ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tidak bercadang, tidak syorkan untuk buka hutan simpan kekal untuk hutan ladang lagi. Jadi maksudnya adalah apa yang kita ada telah dizonkan sebagai hutan ladang kita memang cukuplah untuk Negeri Selangor. Ada beberapa isu yang berkaitan tentang kes-kes ataupun syarikat-syarikat yang telah mendapat kontrak ataupun ada *joint venture* dengan beberapa GLC pada masa dahulunya sepuluh tahun yang lalu dan sebagainya. Jadi apa yang kita boleh dapat tanpa pampasan yang terlalu besar bila kita ambil alih kawasan tersebut memang Kerajaan Negeri Selangor telah buat ada beberapa yang telah menentang syarat-syarat dalam perjanjian tersebut kita sudah rampas balik.

Tapi ada satu dua kes yang masih di mahkamah saya ingin jemput EXCO Sumber Asli untuk memberi maklumat yang lebih terperinci.

TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya rasa soalan berkaitan tanam semula hutan, di hutan simpan PKPS saya telah jelaskan dalam sesi soal jawab untuk Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Baik, Kajang ingin bertanya lagi berkaitan dengan perlombongan batu iaitu di Kuari. Kuari yang merupakan satu yang mungkin merupakan satu sumber pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi kalau kita lihat dari segi alam sekitar kerosakan pada alam sekitar memang amat besar satu contoh adalah kuari di Hulu Sungai Jelok, di Kajang di mana oleh sebab adanya kuari perlombongan batu, kuari di situ dan terdapat banyak air *run off* dengan izin berlaku yang akan membanjiri sekitar Sungai Jelok itu. Jadi kegiatan kuari juga didapati di Rawang dan di seluruh Selangor di mana kita nampak ia juga membahayakan alam sekitar dan mengancam masalah.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan perhutanan?

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ya dia memang perhutanan, ia merupakan bahagian hutan. Jadi itu di lombong memang rosak.

TUAN SPEAKER: Tapi itu tidak berkaitan dengan perhutanan, lebih daripada pemeliharaan hutan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Hutan dia ada hutan pokok, dalam hutan juga ada batu-batu kuari ataupun tempat yang terdedah.

TUAN SPEAKER: Bukankah itu lebih sesuai di bawah Pengarah Tanah dan Galian? Pejabat Tanah dan Galian.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ia juga terlibat berkaitan. Ia seperti hutan atau pun bukit di mana kita ada di sebelah Gombak ia juga diisytiharkan sebagai tapak warisan di mana ia merupakan sebahagian hutan. Jadi tapak kuari memang apakah rancangan kerajaan dalam perlombongan atau pun kita akan hadkan masa supaya ia tidak akan menimbulkan masalah dari segi alam sekitar dan juga banjir dan juga kerosakan pada hutan. Sekian, terima kasih.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ada sebahagian kuari-kuari yang berada di tanah hutan khususnya di kawasan Bukit Lagong yang mana kebenaran untuk kuari telah pun diberikan. Untuk makluman Kajang, syarat kuari ini amat agak ketat di mana dia mesti memenuhi syarat-syarat Jabatan Alam Sekitar dan yang dapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar sahaja dibenarkan untuk melombong dan setakat ini semua kuari-kuari yang ada itu telah khususnya kawasan hutan Bukit Lagong. Di kawasan Sungai Jelok saya rasa sudah dikawal, dan kawasan ini kita kawal dan pastikan dia ikut semua peraturan. Dan setakat ini kita gagal untuk mengikut arahan-arahan ini oleh sebab itu kuari dihentikan. Dan kuari-kuari ini ada tempohnya, tempoh yang dibenarkan dan selepas habis tempoh tersebut tidak boleh dikuari lagi.

TUAN SPEAKER : Jadual B10 – iaitu wang sejumlah RM18,989,143.67 untuk Kepala B10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B11 – Pejabat Mufti RM3,090,601.83.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Untuk bahagian ini maksimumnya setengah jam.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Merujuk muka suratnya 363, B11 Butiran Aktiviti Program 505000 mengikut objek 10000 emolumen. Dalam aktiviti fatwa Hulu Kelang ingin menarik perhatian tentang program memasyarakatkan fatwa sebagai pendidikan dalam khususnya dalam program kubur. Masalah kubur telah Hulu Kelang

bangkitkan di dalam Sidang Dewan, dan Dato' Menteri Besar sudah menjawab rancangan untuk pembangunan dan pemasaran tanah-tanah kubur di Negeri Selangor. Tapi apa menjadi fokus pada Hulu Kelang pada hari ini adalah tentang memasyarakatkan fatwa agar masyarakat Islam lebih terbuka dengan pendekatan-pendekatan yang dibenarkan oleh syarak di dalam konteks perkuburan baru menjelang masa depan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh generasi yang akan datang. Jadi Hulu Kelang mencadangkan dalam peruntukan yang diperolehi ini disemarakkan program merakyatkan agar masalah kubur dapat diadakan pertemuan-pertemuan dengan nazir-nazir masjid, ahli-ahli kariah, surau dan kawasan-kawasan orang Islam untuk mendidik dan mendedahkan mereka tentang fatwa-fatwa semasa yang membolehkan contohnya kubur berlapis dan pemindahan jenazah ke kawasan baru dan sebagainya. Kemudian aktiviti-aktiviti fatwa yang berikutnya yang menjadi perhatian Hulu Kelang adalah tentang pewartaan atau pefatwaan tentang sesuatu ajaran sesat. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Hulu Kelang beberapa tahun yang dahulu dalam Sidang Dewan tentang sama ada pewartaan atau pun mengeluarkan fatwa itu merupakan satu hukuman kepada satu kumpulan yang merasakan mereka tidak diberikan peluang untuk diadili. Jadi Hulu Kelang mencadangkan agar fatwa ini mengimbangi program untuk menjelaskan pendirian Islam menurut hukum syarak dengan memberi ruang yang adil pada pihak dituduh atau tertuduh. Jadi maknanya contoh fatwa tentang Syiah, Hulu Kelang memahami ada bahawa masyarakat asal yang keturunannya dari Yaman, keturunannya dari Negara Arab dan nenek moyang adalah dari Syiah di Negeri Selangor juga Gombak. Jadi kalau fatwa ini jatuh kepada mereka, sedangkan mereka mewarisi amalan ini, mazhab ini daripada nenek moyang mereka dalam kaedah-kaedah sembahyang, kaedah-kaedah ibadat, kaedah-kaedah iktikad yang mereka yakini. Adakah adil sekiranya fatwa ini dijatuhkan kepada mereka mungkin mempunyai sasaran yang lain? Tetapi kena dilihat dalam konteks yang sama rata, sama ada adil, agar tidak ada Umat Islam ataupun masyarakat yang teraniaya. Jadi Hulu Kelang ingin membangkitkan isu ini agar aktiviti-aktiviti fatwa disemarakkan dalam konteks mengimarahkan memasyarakatkan fatwa dan juga dilihat sebagai institusi yang mendidik dan berlaku adil dan diberi peluang untuk semua pihak membela diri. Minta penjelasan Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Pengerusi, Hulu Kelang membangkitkan isu antara tugas-tugas Jabatan Mufti untuk mengimarahkan ataupun memberikan penerangan mengenai fatwa-fatwa yang telah dibuat keputusan. Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan ada dua bentuk fatwa yang berada, satu daripada fatwa negara kemudian negeri. Pada saya fatwa yang penting ialah daripada negeri sebab kuasa agama Islam adalah pada negeri dan pelaksanaan ini dipantau oleh negeri. Saya percaya banyak perkara-perkara yang sudah diputuskan yang lepas, perlu mendapat penerangan kepada masyarakat terutama dari isu apa yang dikatakan kubur bertingkat dan bagaimana dapat kita atasi permintaan untuk kubur-kubur yang di

dalam kawasan yang begitu padat. Jadi itu saya percaya kita perlu lakukan. Kedua beberapa isu mengenai ajaran sesat termasuk baru-baru ini Negeri Selangor menganggap Al-Arqam adalah ajaran yang perlu diperbetulkan. Saya tidak menghalang dan saya sebagai EXCO Agama saya akan berbincang dengan Pejabat Mufti dan juga bagaimana cara kita menyelesaikan masalah kefahaman dan akidah di negeri dengan cara yang memberikan penjelasan dan cara yang lebih bijaksana. Saya percaya perkara ini ialah satu usaha yang dibuat oleh Pejabat Menteri, Mufti dan juga JAIS.

Y.B. TUAN SPEAKER : Hulu Kelang tak ada lagi? Lain kali sila maklumkan kepada Pengerusi. Itu saja terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak.

TUAN SPEAKER : Maklumkan supaya tak payah Tuan Pengerusi tanya. Ada lagi? Tidak ada. Baik.

Jadual di B11 iaitu wang sejumlah RM3,090,601.83 untuk kepala B11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B12 Jabatan Kerja Raya RM108,066,648.39

TUAN SPEAKER : Sekinchan, saya peruntukan 2 jam melainkan ada perubahan dan masa untuk setiap ADUN 15 minit. Dipersilakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan 1100 Gaji dan Upah muka surat 383 mengenai Jabatan Kerja Raya. Kita sedia maklum bahawa kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar kepada Jabatan Kerja Raya menyenggara dan menaik taraf jalan-jalan di Negeri Selangor dan di sini saya ingin bangkitkan dua isu yang penting khususnya isu kesesakan jalan di Daerah Sabak Bernam dan sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dan Sabak Bernam walaupun dah tunggu lama permintaan bertahun-tahun iaitu meminta *traffic light* persimpangan Sekinchan di naik taraf dan dipasang *digital timer*. Sekarang sudah dipasang dan diucapkan terima kasih dan lampu jalan sebanyak 50 batang yang saya minta sejak 5 tahun yang lalu. Walaupun kita tahu Jalan Persekutuan 5 itu di bawah penyenggaraan Kerajaan Persekutuan, JKR Persekutuan tetapi oleh kerana wujud elemen kepentingan politik dan sebagainya jalan ini khususnya di segmen Sekinchan ini sering diabaikan. Tetapi di sebelah Sungai Burong lebih dititik beratkan. Ini agak malang sedikitlah. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri ambil maklum dan prihatin menggunakan dana

Kerajaan Negeri untuk pasang lampu jalan di DUN Sekinchan khususnya daripada kilang BERNAS menuju ke Balai Bomba Sekinchan. Yang saya nak maklumkan di sini ialah tentang kesesakan itu. Kesesakan jalan khususnya hari kelepasan umum, Sabtu dan Ahad dan hari perayaan kerana kereta yang lalu lalang di Jalan Persekutuan 5 itu sekarang ini bertambah kerana jalan tersebut tidak perlu membayar tol. Maka dengan itu kenderaan bertambah dengan berlipat ganda, balik kampung dan sebagainya. Dengan itu jalan-jalan Persekutuan 5 ini penyenggaraan tidak begitu memuaskan, jalan berlekuk-lekuk dan tidak rata. Kadang-kadang menjadi takungan air apabila hujan. Kadang-kadang kereta kalau kita bawa tidak begitu cermat walau pun tak laju selekoh sedikit pun kereta akan terbabas. Bukan melanggar dengan sesiapa tapi terbabas sendiri. Ini sering berlaku di Tanjung Karang, Sekinchan dan kawasan sekitar dengannya. Maka dengan itu saya mohon jasa minta Kerajaan Negeri dalam konteks ini sama ada dapat bermesyuarat dengan Kerajaan Pusat atau kita suntik dana sendiri untuk meminta syarikat penyelenggaraan HCM kerapkan kerja-kerja menurap dan meratakan jalan-jalan yang berlubang-lubang ini. Ini bukan untuk kepentingan DUN Sekinchan sahaja. Ini untuk Tanjung Karang, Permatang, Sungai Panjang untuk seluruhnya yang menggunakan jalan tersebut sebab keselamatan pengguna perlu kita ambil perhatian. Sebelum itu saya minta jawapan ini untuk saya teruskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dato' Pengerusi. Sekarang dalam Bajet Belanjawan ini kita juga memberikan beberapa maklumat tentang tempat-tempat yang akan dibina jalan. Dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat melihat ini supaya boleh membuat apa yang dipanggil *follow-up*. Jadi kita telah membuat ini. Apa yang berlaku beberapa tahun yang lepas ialah penyediaan untuk membina jalan ini dibuat selepas lulusnya belanjawan ini di negeri. Lepas itu hanya permulaan untuk menengok dan memulakan proses membuat jalan ini bermula pada bulan Januari. Proses itu bukan pergi ke tempat jalan, hanya buat *bill of quantity*. Oleh sebab itu, apa yang berlaku terdapat 3 bulan kelewatan sebab untuk proses itu. Jadi saya harap dengan adanya perbincangan bajet ini kita dah minta JKR memulakan kerja dia untuk penyediaan ini bukan Januari tapi sekarang kena buat kerja itu supaya tidak lagi ada gap antara kelulusan dan pelaksanaan. Itu satu dan kedua kita juga ada bajet tambahan untuk jika kegiatan-kegiatan/perkara-perkara ini, yang dimasukkan ini tak cukup untuk ditambah. Itu pun ada kita buat. Tapi itu sebab apa yang kita buat *rolling budget* supaya ada kalanya kita dah ada persetujuan tentang pembinaan ini lepas itu ada jalan atau pun jawatan yang tak termasuk dalam ini. Jadi jawapannya jangan tunggu tahun depan. Buat daripada sekarang supaya bajet pada bulan Mac tahun depan boleh diluluskan tambahan untuk seterusnya. Itu caranya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Dato' Pengerusi. Y.A.B. Dato' Menteri Besar saya masih kurang mendapat jawapan yang tepat berkenaan dengan jalan di Persekutuan 5. Walaupun ia di bawah Persekutuan bagaimana kerajaan mengambil

sikap terhadap jalan tersebut. Sama ada kita nak bantu atau kita pantau sahaja ataupun biarkan jalan itu rosak atau ambil sikap pendirian yang macam mana, pendirian Kerajaan Negeri dalam Jalan Persekutuan 5 itu kalau Y.A.B. Dato' Menteri Besar selalu turun ke Sabak Bernam juga untuk program-program tentu Yang Amat Berhormat juga tahu jalan tersebut banyak di kawasan persimpangan itu, pembahagi jalan itu tidak ada menyebabkan kita boleh pusing sini, pusing sana. Kemalangan juga berlaku atas faktor keselamatan sedemikian. Saya nak minta macam mana pendirian Yang Amat Berhormat dalam konteks ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, cerita mengenai jalan berterusan umpamanya cadangan untuk membina jalan daripada Banting ke Taiping sudah hampir ke setengah generasi. Jadi belum berlaku lagi. Jadi itu sebab jawapan untuk selesaikan masalah kesesakan jalan raya dan pengangkutan yang baik di antara daerah Kuala Langat, Klang dan juga Kuala Selangor dan Sabak Bernam adalah mengharapnkan perkara itu. Itu satu ya. Tapi saya difahamkan prosesnya sudah berjalan dan Pejabat-pejabat Tanah sudah diminta untuk membuat beberapa gazet-gazet tanah yang tertentu untuk pelaksanaan. Saya tidak menyangka dia akan siap dalam masa 2 tahun. Boleh jadi 5 tahun kalau pun ia akan berlaku. Kedua bagaimana ia hendak menyelesaikan jalan-jalan Kerajaan Persekutuan yang dijanjikan dalam belanjawan ini untuk dapat dilaksanakan. Jawapannya kalau negeri mendahulukan duit ini lepas itu Kerajaan Persekutuan lupa membayarnya jadi itu satu perkara yang kita perlu tegaskan. Saya hanya mengambil keputusan menggunakan rizab untuk projek-projek khas yang saya rasa itu sangat perlu dibuat demi kepentingan masa depan jangka panjang. Saya bercadang dalam perbincangan saya di Majlis Kewangan Negara baru-baru ini saya bercadang untuk membawa pasukan saya yang terdiri dari Menteri Besar, Pengarah Kewangan Negeri dan juga UPEN dan juga unit JKR untuk membentangkan kepada Kerajaan Persekutuan tentang projek-projek yang perlu Kerajaan Persekutuan laksanakan. Dengan cara itu kita dapat berbincang awal apa yang boleh dilaksanakan dan apakah peruntukan-peruntukan yang berlaku. Jika pada masa itu Kerajaan Persekutuan kata boleh buat dulu dan boleh dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan dengan cara bertulis maknanya ada *agreement* saya akan laksanakan. Dan buat masa ini, pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan itu ialah mengenai isu air tak sampai RM800 juta. Air sahaja RM700 juta. Apabila saya selesaikan masalah penyusunan semula air tak ada lagi hutang dengan Kerajaan Persekutuan. Itu sebab saya hadkan RM500 juta sebab saya boleh selesaikan dengan pembayaran air sahaja. Itu sebab saya dah buat perkara ini. Jadi jawapannya masih samar-samar lagi bukan satu jawapan tepat sebab kita tidak boleh membuat komitmen kalau pembayaran itu tidak diberi. Jadi dana negeri tidak dapat disimpan untuk kegunaan kita masa depan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tentang melebarkan jalan Tali Air 5, DUN Sekinchan di mana sepanjang 5km sebahagiannya 3.8km telah dilebarkan. Memandangkan sebelum ini kekangan kewangan dia hanya buat 3.8km, ada lagi 1.2km belum lagi dilebarkan. Maka dengan itu saya berharap pada kali ini Yang Amat Berhormat memberi perhatian dan selesaikan yang 1.2km ini untuk kepentingan pada petani-petani khususnya di DUN Sekinchan yang menggunakan jalan tersebut untuk rutin harian mereka. Saya minta jawapan daripada Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sekinchan, Dato' Pengerusi, Sekinchan mesti membaca ini dengan muka surat 406 dan 407. Memberikan kita cadangan-cadangan peruntukan pembangunan dia akan memperuntukkan pembangunan dekat situ. Walau pun duit ini tak termasuk dalam yang kita bincangkan. Inilah peruntukan pembangunan yang saya rasa perkara yang pagi tadi dibangkitkan mengenai parit dan peruntukan. Yang sebenarnya dalam kenyataan itu ada ditulis peruntukan tapi anggaran yang diberikan ialah RM10.00 bukan belum ada duit belum sampai. Itu sebab saya nak minta pegawai kita terangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat janji kerajaan persekutuan nak buat tapi dia punya peruntukan RM10.00, RM10.00 tak boleh buat apa-apa hanya nama yang tinggal. Itu sebab saya nak beritahu yang ada Yang Berhormat pagi tadi kata 2008 sudah ada peruntukan yang sebenarnya ada tulis dekat sini tapi duit yang datang ialah RM10.00 itu yang saya nak terangkan. Sebab esok kita buat pengumuman bersama mengapa RM10.00. Itu sebab saya, saya tapi sebagai profesional tidak adil saya nak terangkan begini itu sebab saya nak suruh apa itu Pegawai JKR, JPS dan DO melawat Yang Berhormat untuk terangkan, tunjukkan dan tanya apa yang berlaku supaya kita tidak cara-cara maknanya mensaksi satu sama lain, jadi dengan cara itu cuba tengok. Banyak, menaik taraf parit 16 Sungai Panjang kos projek RM2.5 juta anggaran tahun 2011 hingga 2015 RM2.3 juta. Anggaran tahunan negeri RM10, Persekutuan 0. Jadi itu yang saya nak beritahu, saya nak beritahu itu yang berlaku jadi saya boleh tengok dekat sini maknanya program untuk pembangunan itu sudah ada. Tapi program penyaluran untuk pelaksanaan kadang-kadang tak ada. Itu sebab jambatan ketiga di Klang itu pada 4.3.2008 dah ada duit itu. Tapi duit itu jadi RM10.00 sekarang tinggal RM10.00, RM10.00 sebab itu tak buat kita buatlah, sekarang saya buatlah, itu saja. Itu saya nak tunjukkan dekat dewan boleh jadi dulu saya terima kasih kepada Dato' Pengerusi dapat memberi peluang kita pergi kepada detail ini dan saya nak tunjukkan saya tidak nak mengatakan masalah pengurusan tetapi inilah cabaran-cabaran yang didapati bagaimana mengatasinya. Permintaan tinggi tapi keupayaan terhad apa yang saya lakukan ialah bagi keutamaan walau pun kita ada duit, kita utamakan itu cara pengurusan. Kalau duit kita banyak, kita belanja lebih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ada sedikit masa lagi Tuan Pengerusi asyik tersasul dengan Tuan Pengerusi pula banyak ceramah ini. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di sini tajuk dalam pembangunan di DUN Sekinchan ini unjuran dalam perancangan ada dua tajuk membaik pulih jalan mendap di Jalan Bagan Sungai Labu, Sekinchan dan juga yang ke-16 menaik taraf jalan Bagan Sungai Labu. Ini dua saya ucapkan terima kasih sebab ada dua cuma yang tadi itu, yang tadi itu air lima itu dia ada *missing road* ada 1.2 itu di bawah Kerajaan Negeri itu bukan Kerajaan Pusat jadi kena tambah sikit..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Boleh saya sebut sebab ini ada interaktif Dato' Pengerusi saya nak jawab. Ini Pengarah Jabatan Kerja Raya, dia kata assalamualaikum Yang Amat Berhormat MB, JKR dah minta naik taraf laluan 5 Klang Sabak Bernam masuk dalam Bajet Pembangunan Persekutuan Rancangan Malaysia Ke-10. Sekarang ia masih dalam pertimbangan, itu saja, itu saja yang dia punya cerita (dewan tergelak). Saya tak jawab, saya tak jawab tadi saya tak jawab saya nak tunjukkan walau pun saya interaktif kadang ada benda saya tak payah jawablah sebab itu pengurusan punya jawapan. Yang sebenarnya diminta bukan tak minta tapi belum ada kelulusan, itu dia punya tapi ini saya akan selesaikan masalah ini saya akan selesaikan sebab kalau dia terlalu, terlalu penting kita gunakan *reserve* negeri untuk selesaikan perkara ini itu sahaja.

TUAN SPEAKER : Maklumlah pada Pengerusi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dah selesai, terima kasih. Merah dah tak berani nak cakap lagi dah.

TUAN SPEAKER : Maklumkan kadang Pengerusi pun tak nampak juga. Beritahulah itu sahaja Pengerusi. Ya, silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih Dato' Speaker saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Bekalan B12 JKR, Butiran 5050000 kod 10000 emolumen saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara adalah tentang Dialog Bajet yang diadakan oleh Kerajaan Negeri pada awal tahun ini berkenaan dengan Jabatan JKR, memang saya menyambut baik usaha murni kerajaan untuk mempertingkatkan ketuluan dengan mengadakan Bajet Dialog khususnya dalam kali ini kita membincangkan perkara tentang Pengurusan Jalan Raya tapi hakikatnya ialah kita sebagai ADUN masih lagi menghadapi masalah untuk memahami cara kerja JKR khususnya proses membuat keputusan di peringkat JKR dan tentang jalan mana atau pun jabatan mana yang perlu diperbaiki. Hakikatnya kalau kita lihat buku ini tadi pun pernah disebut banyak program-program pembangunan untuk menyelenggara, membina jalan raya, membina jambatan, lampu jalan dan sebagainya telah di adakan tetapi ianya hanya diletakkan satu angka token RM10.00 sahaja. Saya ingin bertanya

mengapa kalau kita hanya memperuntukkan *token* RM10.00 sahaja baik kita tak payah buat, baik kita jangan masukkan kalau kita masukkan semestinya kita telah menjangkakan wang sedemikian rupa sejumlah sedemikian akan diperuntukkan untuk program ini, jadi saya kurang faham dan saya merasakan ada satu permintaan yang terdesak supaya proses *decision making* ini dibuka kepada orang ramai khususnya kepada ADUN supaya mereka mempunyai peranan yang boleh dimainkan dalam menentukan keputusan ini. Contohnya yang saya boleh bagi sekarang ini Dato' Menteri Besar telah bercakap bahawa kita akan melancarkan program dari *office* ke rakyat ini di peringkat Jabatan Tanah mengapa tidak dilakukan perkara yang sama di peringkat Jabatan Kerja Raya. Cadangan saya, ini adalah cadangan saya, saya minta Dato' Menteri Besar untuk memberi komen.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, Kampung Tunku membangkitkan isu bagaimana program Merakyatkan Ekonomi termasuk rakyat terlibat dalam usaha-usaha pembangunan. Yang sebenarnya perkara ini sudah bermula begitu lama iaitu di panggil Majlis Pembangunan Daerah. Majlis Pembangunan Daerah ialah satu majlis yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah untuk menentukan pembangunan-pembangunan yang dilakukan. Berasaskan pada dasarnya belanjawan yang kita ada dan program-program pelaksanaan yang kita ada. Saya merasakan perkara ini dulu oleh kerana cara yang dibuat sebelum 2008 saya dapati Majlis Pembangunan Daerah ialah tidak diperkuatkan penggunaannya sebab perbincangan tentang pembangunan di daerah-daerah, saya maaf cakap ialah perbincangan antara kontraktor ia bukan antara orang yang nak menjalankan tersebut. Dia dah ada rundingan kontrak bukan rundingan membuat jalan, rundingan kontrak. Jadi oleh sebab itu apabila ada rundingan kontrak maknanya tak perlulah akan dibuat, akan dibuat, akan dibuat rundingan kontrak. Saya ubah, saya ubah saya *test*, saya *test* Kewangan Negeri dah buat *test*, *test* yang pertama ialah kita menghantar duit kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menerima cadangan daripada Ahli Dewan Negeri cadangan, dia ada cadangan apa semua nak tunjukkan tapi cadangan itu hanya menentukan keutamaan apa makna tempat-tempat yang nak perlu dibuat, apa semua menentukan keutamaan. Selepas itu PBT dijadikan pelaksana, maknanya dia akan buat dengan cara yang terbaik, dengan tender yang terbuka, harga yang terbaik, *value for money*. Apa sebab saya lakukan begitu, saya nak mengubah konsep pelaksanaan yang sebelum ini dilakukan. Konsep sebelum ini dilakukan dia ada perbezaan di antara orang yang memikirkan dengan kontrak dan orang akan mendapat kontrak. Sebab kalau tak ada perbezaan itu dia ada apa yang dipanggil *check and balance* daripada segi *value*, itu sebab saya cuba, saya *test* sebab *culture* dulu ialah begitu jadi kita kena ubah *culture of this*. Jadi sudah mula berlaku walau pun ada juga Ahli-ahli Dewan yang berkata kepada saya cara yang saya buat ini terlalu apa yang dipanggil *tidiest*, bagi saja duit kepada kita, kita buat itu dia punya cara. Kita tak boleh buat, kalau macam itu, itu yang berlaku sebelum 2008. Dan saya buktikan dengan cara yang kita telah buat ini JKR telah menunjukkan penjimatan yang

kita buat, benda yang kita buat tapi penjimatan yang kita dapati hampir 20%. Kalau kita boleh buat satu benda itu RM100 juta kita boleh buat dengan hanya membayar RM80 juta. Ada *saving* RM20 juta yang boleh kita gunakan untuk itu. Jadi jawapan saya untuk Bajet 2013 dia perlu dilaksanakan bersama-sama dengan Ahli Dewan Negeri maknanya Ahli Dewan Negeri akan bersama-sama membawa buku ini, buku ini ke Mesyuarat Daerah, dia bukan semua dia pakailah hanya pakai Bahagian Daerah Klang membina Jalan Alternatif Shah Alam Banting kos projek RM30 juta anggaran RM20 juta. Negeri baru mulakan RM2 juta ada dekat sini, dah mula boleh kita bincang. Maknanya kita boleh fokus boleh jadi, dengan cara ini bajet ini *become workable*. Saya tengok dulu boleh jadi ada Ahli Dewan Negeri tak habis ini dia selaknya, maknanya dia belum bacalah, dia tak baca maknanya *he doesn't know what's going on*. Jadi kita sekarang nak ubah perkara ini dan saya terima kasih Kampung Tunku *get involved get more pro-active but do not disturb process* pelaksanaan, *do not* kalau *you disturb then we have a problem* itu yang saya nak beritahu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sebenarnya Dato' Menteri Besar, Tuan Pengerusi kami sebagai Adun sebenarnya tidak berminat langsung untuk *disturb* mana-mana *decision making* apa yang saya cadangkan ialah kita diberi peluang untuk membentangkan cadangan kita dan kita diberi peluang untuk memantau pelaksanaannya termasuk di dalam sini juga saya ingin mencadangkan kalau kita sempat mungkin di dalam sesi atau pun penggal Dewan yang akan datang saya mencadang sama ada kerajaan bersedia untuk mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan yang memantau operasi JKR dan kalau ini dapat dilaksanakan Ahli-ahli Dewan boleh melibatkan diri dengan aktif dan proaktif dalam memantau pelaksanaan program-program pembangunan yang diterangkan dalam buku ini. Sebenarnya nama Majlis Pembangunan Daerah ini kali pertama saya dengar namanya, sebelum ini kita ada Jawatankuasa Tindakan Daerah tapi Jawatankuasa ini pada pendapat saya tidak efektif kerana ia melibatkan semua agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan kumpulkan dalam mesyuarat dan kita bincang. Ini memakan masa dan tidak fokus jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat melakukan sesuatu *altermate go* adalah untuk dengan izin adalah untuk memastikan Ahli Dewan dapat memainkan peranannya dalam proses ini dan saya ingin bertanya saya juga ingin merujuk kepada Dato' Pengerusi butiran 505100 muka surat 387 kod 2800 penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli di bawah JKR Petaling dan diperuntukkan lebih RM5.4 juta bagi JKR Petaling untuk menjalankan kod penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang diberi. Ini adalah bagi saya satu amaun yang cukup besar tapi saya tidak pasti bagaimana angka ini dapat dicapai. Saya meminta sama ada Dato' Menteri Besar boleh memberi butiran terperinci tentang peruntukan ini dan kalau tidak sempat dalam sesi ini saya minta jawapan diberi dalam secara bertulis, saya ingin bertanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Dato' Pengerusi, *detail backup* untuk mencapai data tersebut boleh saya beri, boleh saya beri maknanya besok boleh kita dapat mengapa angka-angka ini sebab angka-angka ini susah di biasanya sudah diambil kira oleh UPEN dan juga, Kewangan Negeri maknanya dia boleh bagi, tapi apa yang penting pada saya kita sekarang kita menerima konsep bahawa penglibatan jadi salah satu cara yang terbaik ialah *every quarter* tiap-tiap suku tahun ada perjumpaan Ahli Dewan berasaskan dengan Buku Belanjawan ini, berjumpa dengan Ahli EXCO dan juga pegawai-pegawai kanan pelaksana, jadi perbincangan pada masa tersebut ialah, perbincangan pelaksanaan bukan perbincangan, dan dengan cara itu baru kita tahu proses-proses penambahbaikan yang berlaku, dia bukan persidangan Dewan tetapi perbincangan *workshop* pelaksanaan, jadi Pengarah JKR akan ditanya dalam bajet itu, ada cadangan untuk ini, apa yang sudah berlaku, jadi Ahli Dewan akan menerangkan pengalaman dia *on the ground* dan JKR akan menerangkan pengalaman dia dari segi pelaksanaan dengan cara itu setiap rakyat Negeri ini akan yang diwakili oleh Wakil Rakyat akan dapat memantau proses tersebut jadi setiap ringgit yang kita persetujui dalam dewan ini maknanya sudah mula dapat dipantau dengan cara teliti keseluruhannya saya, kita adakan perbincangan mengenai ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima Kasih, Dato' Pengerusi

TUAN SPEAKER : Teratai

Y.B. PUAN LEE YING HA : Terima kasih, Tuan Pengerusi data ini merujuk ke muka surat 380 Vot B12 Butiran Program 505000 kod 1000 mengenai Budaya Kerja di antara kakitangan ataupun pegawai di JKR, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, sebab kita selalu mengalami masalah surat dihantar tidak dapat jawapan langsung dalam sesi Dewan yang dulu ini Julai saya pernah membentangkan isu melebarkan akses MRR2 ke Jalan Kencana sebab kesesakan jalan yang agak serius tapi sampai hari ini tiada satu jabatan ataupun dari daerah ataupun negeri memberi maklum balas tentang perkembangan ini dan surat sudah dihantar agaknya setengah tahun dan juga saya ingin maklumkan kepada Y.A.B. bahawa juga ada kakitangan yang sepatutnya jaga kawasan kita contohnya di Teratai ada beberapa pegawai yang jaga tetapi tidak, sms pun tidak dijawab, panggilan pun tidak dijawab jadi itu susah untuk kita bekerjasama dengan pihak JKR untuk menyelesaikan isu-isu di kawasan setempat dan saya nampak di dalam bajet yang dibentangkan ini Jabatan JKR Hulu Langat hanya mohon satu projek sahaja dalam sepanjang tahun jadi saya tidak faham selain daripada kerja yang dipohon apakah fungsinya JKR sedangkan saya sudah mohon banyak kali untuk menurap jalan yang di sebahagian JKR tetapi tidak dilayan langsung jadi saya pun tidak tahu bagaimana kah saya boleh bekerjasama dengan JKR minta jawapan daripada Y.A.B.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Teratai, *Human Resource Management is very complicated subject, jadi how to win the heart and mind, must be also practice, heart and mind of the people and heart and mind of orang yang bekerja dengan kita pun very important, I think salah satu daripada buku yang selalu diajar maaf, Dato' Pengerusi saya hendak terangkan, how to win influent people and win friend is the book for that* dalam itu kita walaupun ada perkara kita boleh minta bersama-sama tapi jawapan saya kepada perkara ini Yang Berhormat Teratai mestilah *closed* maknanya berhubung rapat dengan Pegawai Daerah itu

Y.B. PUAN LEE YING HA : Y.A.B. mungkin ada silap faham saya tiada masalah dengan Pegawai Daerah, kita hubungan sangat baik cuma dari segi budaya kerja dalam JKR ini kita tidak tahu macam mana hendak menjalankan sedangkan DO kita juga ada bantu untuk memberi nasihat atau arahan, supaya menjawab setengah soalan tetapi tidak dapat di jawab jadi saya nak tengok pandangan Y.A.B.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Kalau begitu, Dato' Pengerusi dan DO dan juga Ahli Yang Berhormat akan mengadakan minum kopi, dengan Pengarah JKR dan juga Pengarah JKR Daerah, *it is not* satu perkara yang boleh jadi orang anggap satu perkara yang senang tak ada, *we have, they have a regular and understand their problems.* JKR juga ada masalahnya *understand their problems* itu sebab saya galakan, itu sebab saya orang tanya kita sebab pengalaman saya juga menjadi seorang Pengurus ataupun pengalaman saya sebagai CEO, CEO di syarikat swasta saya ingin lebih besar kuasanya daripada Menteri Besar, sebab CEO dekat swasta dia bukan *hire and fire* dekat sini Menteri Besar kena *fire*, jadi tapi apa pun kalau kita dapat mereka bersama-sama dengan mereka penyelesaian itu lebih cepat. Jadi oleh sebab itu dan saya memandang perkara ini sudah mula saya tengok, barulah saya tengok persamaan pandangan antara wakil rakyat dengan YDP dan juga dengan Pegawai Daerah tapi yang pentingnya *do not influent* Pegawai Daerah *that's all, influent* maknanya ada juga orang komplain dengan saya sebab YDP, sebab ini *very bad example*, YDP kata wakil rakyat jumpa saya untuk memperkenalkan kontraktor rakan dia, tidak boleh *that's cannot be that because we must act value for money* itu saja, tapi oleh sebab itu, saya rasa saya dah buat *the very important basis* di Hulu Langat yang ini daerah Klang, daerah Hulu Langat, Hulu Langat tak ada boleh jadi tak, saya ingat saya ambil ini dan saya akan adakan perjumpaan wakil-wakil rakyat dengan DO-DO dan YDP kita ada perbincangan pelaksanaan,

Y.B. PUAN LEE YING HA : Terima Kasih, di atas jawapan Y.A.B. sebenarnya saya ingin terangkan juga pihak JKR Negeri dan baru-baru ini saya dapat satu surat yang mengatakan bahawa Ketua JKR di kawasan Hulu Langat ini sudah ditukarlah, saya rasa ini juga salah satu tindakan yang amat bagus dari Ketua JKR Negeri Selangor, sekian sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 403 kod 10040 Bahagian 300 Daerah Klang

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ini adalah di bawah pembangunan ya sudah terlepas tadi B6 di bawah pembangunan, kalau Yang Berhormat masih nak bangkitkan kena tunggu usul pembangunan Yang Berhormat, terima kasih.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Kajang

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Baik, terima kasih Tuan Pengerusi, Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Jabatan JKR iaitu Vot B12 Butiran 505000 berkaitan dengan Pentadbiran dan Kewangan. Kajang ingin membangkitkan satu masalah yang dihadapi oleh khasnya rakyat dan juga di PBT satu contoh ya, satu masalah yang dihadapi oleh PBT dan penduduk-penduduk apabila adanya satu projek bawah JKR untuk membina bangunan seperti sekolah, masjid, institusi kerajaan atau dan sebagainya di mana JKR akan membina bangunan ini tanpa ambil kira masalah jalan akses, tempat letak kereta, ataupun sistem perparitan dan infra utiliti yang lain, kerana JKR tidak merujuk kepada PBT sewaktu pembinaan buat bangunan projek itu dan PBT tidak mengetahui ataupun tidak ada meluluskan tidak perlu meluluskan KM JKR kerana ia adalah satu projek GtoG, dan dalam keadaan ini biasanya JKR hanya membuat projek ini dengan membina bangunan dan dalam kawasan sahaja segala yang luar daripada kawasan projek itu memang tidak diambil kira maka masalah seperti lalu lintas dan tempat letak kereta, trafik *impact assessment* tidak ada maka pihak tempatan menghadapi masalah, satu contoh Kajang ingin membangkitkan adalah projek mahkamah, Kompleks Mahkamah di Kajang, di mana mahkamah itu dibina di tempat yang amat padat dan masalah *accessibility* dan juga masalah tempat letak kereta orang awam memang menjadi satu masalah dan juga sekolah, satu Sekolah Rendah Agama di Sungai Chua di mana di bina di tepi satu taman tanpa jalan akses terus kepada ke sekolah agama ini, terpaksa kita bangkitkan dan kita kaji semula dan cuba nak membina tempat-tempat jalan akses kepada sekolah, jadi masalah penyelarasan antara JKR dengan PBT di mana GtoG tidak perlu banyak kriteria tidak perlu kelulusan hanya *acknowledgement* saja dengan izin, maka ia menimbulkan masalah dan ini berlaku sekiranya projek, projek seperti MRT satu masalah lagi yang dibangkit adalah Projek MRT sekarang ini masuk Kajang, masuk Kajang memang sistem jalan sokongan untuk menjayakan projek MRT untuk memudahkan memang amat penting jadi JKR samada ada meneliti kemasukan MRT dan juga jalinan jalan yang menghubungkan MRT ke tempat-tempat yang lain dalam

kawasan jadi ini memang satu masalah yang dihadapi di Kajang sekarang, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat kita akan teruskan pada waktu petang nanti ya, baik Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan pukul 1.00 petang maka saya tangguhkan dewan sehingga pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Ya, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, dalam Jawatankuasa?

TUAN SPEAKER: Ya, Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Ya, Kajang sila.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ya, Kajang ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Kajang minta kerajaan memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, Kajang membangkitkan beberapa isu dalam usaha yang dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya sebahagian daripada belanjawan yang kita peruntukkan untuk pembayaran operasi JKR. Saya menerima beberapa penelitian daripada pihak JKR. Mereka merasakan mereka perlu memperbaiki lagi koordinasi dengan semua Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat perancangan projek JKR di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa yang sama, koordinasi itu dibuat dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi kebanyakan projek tapi mungkin banyak yang terlepas.

Kedua, satu perkara yang jelas. Walaupun peruntukan JKR itu untuk melakukan projek-projek kerajaan tidak payah melalui apa yang dipanggil *One Stop Centre* (OSC). Tetapi ia juga mesti melalui satu jawatankuasa perancangan di mana Perancang Negeri dan juga UPEN berada di dalamnya dan dalam tatacara itu ia mesti mengikuti syarat-syarat yang dikenakan. Walau bagaimanapun, saya sendiri menghadapi dan mendengar beberapa kejadian-kejadian yang mana bangunan-bangunan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, yang dibuat oleh kontraktornya tidak mengambil kira penempatan-penempatan dan kawasan-kawasan persekitaran, macam jalan masuk. Satu kes yang saya tengah selesaikan di mana sekolah sudah dibina tetapi jalan masuknya tak ada dan anak-anak terpaksa berjalan dalam jalan tumpangan untuk masuk ke sekolah. Ini adalah kerana alasannya ialah pemaju memperuntukkan tanah untuk pembinaan sekolah tapi dia menjangkakan pemaju tersebut akan juga membuatkan jalan-jalan untuk memasuki ke dalam sekolah. Walau bagaimanapun, pemaju belum ingin lagi nak membangunkan kawasan tersebut melainkan sekolah sahaja dibangunkan di atas tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri. Jadi kalau mengikut masa, boleh jadi dalam 5 tahun lagi pemaju baru sampai ke peringkat itu. Jadi itu menunjukkan tiada koordinasi di antara Pihak-pihak Berkuasa

Tempatan, pemaju dan juga Kementerian. Tetapi Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah tersebut dan tidak lama lagi jalan akan dibina untuk penyelesaian. Itu beberapa contoh yang saya rasa perlu kita selesaikan masa depan. Tapi kita mesti mengambil kira bahawa kejadian-kejadian ini sudah berlaku dan itu hanya untuk menyelesaikan masalah yang lepas. Tapi buat masa hadapan, serupa juga macam contohnya AES, saya telah membuat keputusan saya tidak menerima pembangunan bangunan tersebut melainkan sehingga mendapat kelulusan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih, Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Itu sahaja?

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ya.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai Vot B12, Jabatan Kerja Raya, Butiran B 515000, Kod Objek Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Raya yang mana saya ingin membangkitkan ke dalam Dewan ini tentang penyelenggaraan-penyelenggaraan jalan yang dilakukan terutamanya yang melibatkan jalan-jalan Persekutuan dan juga jalan-jalan negeri yang di bawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya. Sebagai contoh jalan yang sering dilalui oleh begitu banyak kenderaan di Jalan Langat antara Klang dan juga Banting, Jalan Meru serta jalan kampung, Jalan Kebun yang merupakan susur masuk utama daripada Lebuhraya KESAS. Saya mendapati kerja-kerja penyelenggaraan parit di kiri dan kanan jalan itu yang tidak diselenggarakan dengan baik dan berkesan. Apabila saya merujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya didapati bahawa jalan-jalan di peringkat Persekutuan ini diselenggarakan di bawah kawalan JKR Persekutuan sendiri dan jalan-jalan negeri diselenggarakan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Persoalannya ialah kenapa kontraktor yang dilantik sama ada untuk peringkat jalan raya di peringkat Persekutuan atau pun PBT di peringkat negeri tidak melaksanakan kerja-kerja itu kerana pemantauan yang kita lakukan terutama sekali apabila berlaku kejadian-kejadian banjir, kita dapati ia berpunca daripada sistem saluran di kiri dan kanan jalan sama ada di peringkat Persekutuan atau pun jalan negeri tidak diselenggarakan dengan baik. Jadi saya ingin bertanya apakah yang pihak Kerajaan Negeri boleh lakukan bagi mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Yang Berhormat Seri Setia. Dato' Pengerusi, kenyataan itu benar dari segi pelaksanaan di mana tiada koordinasi di

antara pihak-pihak yang ditugaskan. Salah satu yang perkaranya ialah kalau jalan itu ialah di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan, sangat sukar untuk rakan-rakan daripada JKR untuk memanggil pihak Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini. Ini adalah dari segi struktur pentadbiran. Kedua, apabila pula ditanya tentang parit, sudah tentu dia kata bukan bidang dia. Itu di bawah bidang JPS atau pun di bawah bidang PBT. Jadi, penyelesaian perkara ini cuba diselesaikan oleh Kerajaan Persekutuan dengan cara membahagi kontrak apa yang dipanggil kontrak penswastaan. Jadi, penswastaan ini telah diberi kepada sebuah syarikat untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Nampaknya itu pun tidak berjaya. Saya akan mengadakan perjumpaan dengan JKR sudah bersetuju untuk mengadakan koordinasi untuk seluruh Negeri Selangor ini yang dipanggil prasarana. Bukan kita panggil jalan, bukan kita panggil parit, bukan kita ada perbincangan untuk ke seluruh. Ketiga-tiga itu JPS, JKR dan juga PBT mesti duduk bersama bukan bekerja berasingan. Selepas itu, barulah projek itu saya rasa dapat diselesaikan dengan secara keseluruhannya.

Kedua, kita juga kena panggil kontraktor yang diminta untuk, sudah diberi. Sudah ditandatangani untuk mempunyai tugas menjaga dan memperbaiki jalan-jalan ini. Saya nampak kerja-kerja itu pun tidak dibuat dengan baik dan pemantauannya tidak secepat yang saya rasa bagus.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih. Soalan kedua saya berhubung dengan perkara yang sama. Saya ingin mengetahui kenapa Kerajaan Negeri, jalan-jalan yang melibatkan jalan negeri diberi kuasa atau pun diberi hak penyelenggaraan itu kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi pada masa yang sama, Pihak Berkuasa Tempatan itu tidak diberikan belanjawan bagi menyelenggarakan jalan-jalan yang terlibat dan ini mengakibatkan jalan-jalan negeri tidak diberikan perhatian penuh oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, apakah Kerajaan Negeri selepas ini bercadang apabila diwujudkan seperti yang Dato' Menteri Besar sebut tadi. Satu jawatankuasa di peringkat prasarana bagi memantau, menyelenggara dan mengaktifkan jawatankuasa ini mempunyai perancangan untuk memberikan bajet atau pun belanjawan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, saya pohon jawapan. Dari Sri Muda, Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, dia nak ingat muda Dato' Pengerusi, saya setuju tentang cadangan Sri Muda ini. Tapi yang saya dapati yang kita kena mesti tentukan. Saya juga mengambil masa untuk mengkaji sejarah PBT dan sejarah JKR. Saya juga mengkaji pada awal-awalnya semua kerja jalan-jalan raya ini, semua kerja pembaikan jalan-jalan ini dibuat oleh warga kerja JKR dan warga kerja PBT. Ia dipanggil dalam istilah *maintenance*. Tapi rupanya sekarang, selepas sudah hampir 15 tahun rupanya kerja-kerja itu tidak lagi dijalankan oleh warga-warga kerja di Pihak

Berkuasa Tempatan dan juga JKR. Semuanya sudah diswastakan. Jadi, maknanya pegawai-pegawai kita jadi Pegawai Pemantau dan pengalaman mereka dalam memperbaiki jalan sudah tak ada lagi. Macam *Road Gang* dipanggil dalam PBT itu dah tak ada. Jadi, dia hanya tinggal untuk membersihkan *warehouse* atau pun tempat yang ditaruk barang-barang. Dan saya telah tengok, saya diberitahu sesetengah daripada mereka mengambil masa untuk menanam sayur. Maknanya sudah terkeluar sedikit daripada kerja. Ini sebab tiada kerja yang cukup. Saya sudah mula mencuba *try and error* membagi kuasa ini balik kepada *Road Gang*. Walau bagaimanapun, ia memakan masa kerana mereka, alat-alatnya dah tak ada. Mereka-mereka yang sudah, pernah bekerja sebenarnya dari *Road Gang* itu pun sudah tidak bekerja lagi di situ. Setengahnya sudah menjadi kontraktor yang membuat kerja-kerja tersebut. Jadi, saya berterima kasih. Marilah kita sebagai satu kumpulan mencuba memperbetulkan perkara ini supaya akhirnya sistem kita lebih baik daripada apa yang lepas.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih kepada pihak kerajaan. Akhir sekali saya ingin membangkitkan tentang..kerana dalam *Pre-Council* yang melibatkan Ahli Dewan yang lepas difahamkan ada baki peruntukan MARRIS lebih kurang RM500,000,000.00 yang tidak digunakan bagi perbelanjaan Negeri Selangor pada tahun 2012. Jadi, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri. Dalam keadaan kita sudah mengemukakan, kalau ikutkan rekod pejabat saya. Saya ada mengemukakan permohonan untuk menaik taraf jalan atau pun menurap semula jalan di kampung, Jalan Kebun daripada Bulatan Batu 5 sehinggalah ke Batu 8, di Kampung Jalan Kebun dan juga di Jalan Bukit Kemuning. Dalam perbahasan Dewan untuk tahun 2008, 2009 serta 2010 dibangkitkan beberapa kali dan EXCO Infrastruktur pada waktu itu daripada Gombak Setia meminta supaya dikemukakan untuk diteliti tetapi sampai ke hari ini perkara itu belum dapat dilaksanakan. Yang diturap hanyalah sepanjang sekitar 500 meter jalan susur masuk daripada arah KESAS *Highway* untuk pergi ke Kampung Jalan Kebun yang melalui hadapan stesen MARDI. Ya, sekitar 500 meter sahaja yang diturap tetapi sepanjang jalan itu yang mengalami kerosakan teruk kesesakan yang amat teruk daripada Bulatan Batu 2 Kampung Jawa sampai ke Kampung Jalan Kebun setiap pagi kenderaan lalu perlu mengambil masa yang panjang untuk sampai ke Taman Sri Muda pun mengambil masa lebih kurang 45 minit. Jadi persoalan saya ialah kenapa dalam keadaan kita menghadapi jalan yang begitu teruk bukan sahaja di Sri Muda, kalau kita lihat di Jalan Meru umpamanya, Jalan Meru di hadapan simpang masuk sebelum sampai ke Lebuhraya Shapadu ada laluan itu pun sudah disebut juga banyak kali termasuk di satu lagi jalan nama Jalan Bukit Meru di Kota Kemuning di Shah Alam. Jalan itu amat teruk. Permohonan telah dikemukakan sejak tahun 2008, 2009 tetapi dari setahun ke setahun tidak ada tindakan konkrit yang diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang juga menjadi salah satu daripada penyumbang kepada kemalangan jalan raya. Jadi persoalan saya kenapa dalam keadaan kita

mempunyai peruntukan lebih kurang RM500,000,000.00 dalam keadaan jalan kita yang teruk tapi kita tidak berikan satu penyelesaian kepada masalah ini. Jadi mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri . Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, walaupun ini tidak termasuk dalam perbincangan, saya ingin meminta Yang Berhormat Sri Muda untuk melihat muka surat 403 yang mana di daerah Klang ada lebih kurang 14 program jalan. Dan saya tidak pula melihat jalan yang disebutkan oleh Sri Muda termasuk dalam ini. Itu yang saya nak tunjukkan. Kalau tidak termasuk dalam ini, kita kena buat perancangan untuk memasukkan jalan-jalan yang dianggap lebih utama oleh Wakil Rakyat di kawasan tersebut. Itu satu yang mesti kita selesaikan kalau tidak esok yang ini saja tinggal. Yang sebenarnya kalau kita baca program menaik taraf jalan kos projeknya ialah RM2.388 bilion. Bukan sikit. Tapi duitnya tidak ada. Itu sebab saya nak tengok projek. Kedua, wang MARRIS kita masuk ada dipanggil tabung MARRIS. Tabung MARRIS itu tidak termasuk dalam kiraan kita. Jadi itu pun boleh kita gunakan tapi saya nak tengok macam mana penggunaan *priority* jalan-jalan ini. Dia tidak akan menggunakan rizab negeri tapi menggunakan wang MARRIS yang tidak dipakai.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, itu saja Dato' Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Bangi berdiri untuk bercakap di bawah vot B12 Butiran 505000 halaman 391 yang berhubung dengan JKR Hulu Langat. Sebelum Bangi nak membangkitkan cadangan-cadangan, Bangi ingin merakamkan terima kasih kerana Bangi baru berbincang dengan pegawai JKR di Shah Alam En. Jalal yang memaklumkan bahawa jalan antara Jalan Reko khususnya daripada Kajang hingga ke hadapan UKM sudah mulai dibina dengan kos RM49,000,000.00 bukan RM25,000,000.00 yang disebut dulu. RM49,000,000.00 sedang mulai dibangunkan cuma masalah dibangkitkan setinggan-setinggan yang ada di tepi jalan kerana jalan ini hendak diperluaskan. Jadi, saya ingat kalau setinggan, tak ada masalahlah agaknya kalau kita nak ambil balik jalan itu untuk kepentingan awam. Semalam telah dicakapkan tentang kepentingan awam. Jadi ini fasa pertama RM49,000,000.00 kata En. Jalal untuk fasa kedua, dulu saya tak tahu yang Jalan Teras – Jernang ini juga masuk dalam fasa kedua yang juga akan dilebarkan dan di naik taraf hingga ke kawasan institusi dan juga bawa kepada UKM dan akan bermula pada bulan November dengan kos RM23,000,000.00. Alhamdulillah, rupanya saya anggap fasa kedua dulu jadi fasa ketiga. Fasa ketiga ini menurut En. Jalal daripada UKM untuk ke Pekan Bangi. Jadi fasa ini mungkin mengambil masa yang panjang sikit kerana projek ini akan kerjasama dengan satu syarikat perumahan kerana dia akan bina perumahan ke Pekan

Bangi dan masuk ke sebelah kanan untuk ke Seremban iaitu Syarikat Mah Sing Group. Satu syarikat *developer* yang sangat besar dan ini akan ditanggung bersama membuat jalan dua *line* daripada UKM ke Pekan Bangi dan kita juga ingin mengucapkan terima kasih tentang pihak *developer* Kasih, Jalan Kasih daripada Kajang ke Seremban melalui jalan satu yang baru yang juga telah membaiki jalan *flyover* daripada Pekan Bangi ke Seri Putera. Yang ini adalah projek besar yang kita nampak *flyover* ini memang hebat. So, kita juga ucapkan terima kasih. Cuma jalan ke UKM dengan tiang-tiang yang saya sebutkan tadi menurut pegawai TNB lebih selamat dikatakan api ini akan dimasukkan pada bulan Disember nanti. Tapi kita harap betul-betul bulan Disember ini masuklah. Jangan melewati selepas pilihan raya. Jadi ini mungkin kurang menariklah kalau lepas pada itu. Cuma kita berharap sebagaimana yang saya sebutkan JKR Hulu Langat kalau boleh diperbaiki cepat jalan dari Seksyen 9, Bandar Baru Bangi ke Tol Kajang yang banyak rosak oleh sebab hujan yang berterusan dan jalan itu pecah. Jalan ini jalan penting bukan sahaja untuk penduduk Bandar Baru Bangi tetapi juga kilang-kilang yang banyak melalui jalan ini. Dan kita juga minta supaya lebih banyak perhatian terhadap jalan kilang-kilang yang banyak di sini kerana ini hasil yang banyak bagi negeri jadi kena bagi perhatian yang lebih terhadap jalan-jalan di institusi-institusi dan kilang-kilang yang ada di situ.

Kita juga mengucapkan terima kasih kerana pihak MARRIS membaiki jalan Sungai Ramal Dalam daripada Seksyen 8 Bandar Baru Bangi hingga keluar kepada *highway* daripada Tol Kajang hingga ke Kajang sudah dibaiki dan daripada Seksyen 8 hingga jalan keluar untuk ke Kajang sudah dibaiki dan juga 9 jalan kampung dibaiki di situ. Begitu juga Sungai Ramal Dalam sudah dibaiki. Cuma untuk jangka panjang kita melihat oleh sebab Bangi sudah berkembang dan kalau pagi dan petang selalu *jam* jadi sudah tiba masa jalan masuk daripada Tol Bangi itu dibuat *flyover* itu terus naik ke atas yang bawah tu terus ke kilang kerana sekarang dengan pusingan bulatan itu sudah tidak mampu sebagai jalan yang sesuai dengan pertambahan kenderaan-kenderaan. Juga untuk jangka panjang Tol UKM itu juga sewajarnya dibuat *flyover* daripada kilang atau Tol Bangi untuk pergi ke Jalan Kemajuan termasuk juga Jalan Kemajuan bulatan di situ juga wajar dibuat *flyover* supaya *flow* kenderaan boleh bergerak dengan lebih laju lagi. Jadi itu harapan-harapan Bangi supaya jalan-jalan ini dapat disegerakan untuk kemudahan penduduk setempat. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya juga berterima kasih kepada Bangi kerana memberikan rangsangan kepada rakan-rakan JKR yang telah cuba menyelesaikan beberapa pembangunan yang dibuat di sana. Walau bagaimanapun kita mesti sentiasa memantau tentang perkembangan ini kerana perkembangan ini sangat penting ialah tentang pemantauannya. Kedua, jangka panjang, ini pandangan saya lebih baik kita gunakan atau cari sistem *Transport System*

Mass Transit transport system daripada sistem jalan-jalan. Beberapa kajian yang dibuat menunjukkan sebagai contoh macam Bandaraya Los Angeles ia semua jalan menggunakan jalan raya berbanding dengan ada satu Bandaraya yang menggunakan *mass transit* sebagai contoh, saya tak boleh bagi contoh yang terlalu baik macam di Tokyo dia gunakan *mass transit* yang besar, banyak. Jadi daripada kajian menunjukkan dia lebih efektif kalau *mass transit* sebab beribu-ribu orang menggunakan jalan yang sama berbanding dengan 1 orang 1 kereta ataupun 1 orang 2 kereta sebab kita kena menyediakan prasarana termasuk *parking* jadi itu satu konsep jangka panjang mungkin membincangkannya bukan masa ini lagi 20 tahun Dewan ini lagi pun akan membincangkan perkara tersebut. Dan sebab *building* ataupun membina *flyover* adalah satu kos yang sangat tinggi. Maknanya sekurang-kurangnya 3 kali ke-5 kali ganda daripada kos pembinaan jalan di atas tanah rata. Jadi yang penting saya dapati perbincangan di antara Yang Berhormat dari Bangi dengan pegawai JKR memberi peluang kita untuk memahami kehendak dan tugas antara satu sama lain. Ini perlu diteruskan.

TUAN SPEAKER : Bangi ada lagi? Tidak ada. Baik, Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Pengerusi. Dalam kod B12 505800 JKR Hulu Selangor saya ingin membangkitkan...

TUAN SPEAKER : Muka surat berapa tu?

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Muka surat 381. 505800. JKR Hulu Selangor. Saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang terkini namun saya memohon tindakan segera pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini yang pertama masalah jalan dan jambatan di Kampung Lekok, Ulu Yam Baru dan juga jambatan Hulu Tamu di mana sebahagiannya telah pun runtuh dan ditutup daripada laluan awam. Antara punca yang dikenal pasti ialah aktiviti pencurian pasir di hilir Sungai Ulu Yam jadi saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian dan saya mohon pihak kerajaan menyediakan dana yang segera bagi mengatasi kedua masalah ini. Yang keduanya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada EXCO yang menjaga Kampung Baru kerana baru ini meluluskan peruntukan RM60,000.00 untuk membaiki jambatan runtuh di Kampung Gurney. Tapi malangnya projek itu rakyat kat projek tahu kerana tak sampai 2 minggu setelah dibelanjakan sebanyak RM60,000.00 jambatan itu kembali runtuh dan tidak selamat untuk didiami lagi. Harapan saya supaya setiap projek yang melibatkan wang rakyat hendaklah difikirkan sedalam-dalamnya dahulu sebelum kita membuat pembaikan walaupun niatnya baik tetapi kesan sampingannya tidak baik. Yang ketiga dalam jabatan ini saya juga mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah nasib dan jalan-jalan negeri di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa yang ketika

ini dan di saat ini ketika tambahan pula di musim hujan ini amat teruk permukaannya berlubang di sana dan di sini dan membahayakan kepada kenderaan-kenderaan kecil dan besar jadi saya berharap jika peruntukan kepada JKR Hulu Selangor ini bolehlah disalurkan dalam program-program projek segera bagi menyelesaikan masalah ini. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, terima kasih Batang Kali tentang membangkitkan perkara-perkara yang mesti diambil perhatian dalam untuk menentukan jalan-jalan raya dan kawasan-kawasannya dijaga dengan baik. Ada beberapa kumpulan itu untuk Bukit Beruntung dan kawasan Sentosa dia di bawah jagaan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya akan panjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melihat bagaimana usaha yang dilakukan. Pengalaman awal saya menunjukkan terdapat masih lagi belum penyerahan jalan-jalan itu kepada Pihak Berkuasa Tempatan kerana jalan-jalan itu masih lagi diperbaiki ataupun dijaga oleh pemaju-pemaju kerana dia belum habis menyelesaikan masalah pembangunan beliau jadi itu tapi kita kena pantau dan cari jalan penyelesaian. Kedua saya akan juga cuba memahami kenapa dalam masa tak sampai 3 minggu jambatan yang bernilai RM60,000.00 telah jadi balik satu stesen kita belajarlah daripada situ itu bukan maknanya kita menyalahkan tetapi mengapa pembinaan-pembinaan begini jadi kalau tidak kita tidak akan dapat apa dipanggil *value for money*. Ketiga, saya akan ambil kira tentang jalan-jalan itu, ada jawapan dah. Pengarah JKR jambatan runtuh di Kampung Baru yang dibangkitkan oleh Y.B. Batang Kali bukan di bawah JKR tetapi PBT. Saya tidak kiralah tapi saya akan selesaikan ini masalah dalaman tapi apa yang dibangkitkan ini menjadi maklumat yang bagus untuk kita memberikan khidmat kepada pengguna yang mengharap kita dapat memberi perkhidmatan yang baik.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Ya Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 388 butiran Program 505200 JKR Gombak ; Kod Objek :28000 Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Menyentuh tentang pelbagai rancangan ada tiga perkara yang ingin saya timbulkan kepada Kerajaan iaitu pertama tentang penyelenggaraan cerun, kedua pemasangan lampu isyarat jalan raya di bawah JKR Gombak dan ketiga tentang aspek keselamatan khususnya di kawasan DUN Hulu Kelang. Baru-baru ini Menteri Besar ada menyatakan satu kumpulan khas akan diwujudkan untuk memantau cerun sedangkan dalam rancangan JKR Selangor dan JKR Gombak ada rancangan untuk menyelenggarakan cerun, minta penjelasan

Kerajaan Negeri untuk menyatakan bagaimanakah rancangan kerajaan untuk menyelaraskan program-program pemantauan dan penyelenggaraan cerun.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Kelang penyelenggaraan cerun untuk di kawasan di bawah jagaan Pihak Berkuasa Tempatan akan dilakukan melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak melalui JKR. Pihak Berkuasa Tempatan dia akan menggunakan perkhidmatan JKR tapi orang yang bertanggungjawab menentukan cerun-cerun ini dijaga dan diurus dengan baik adalah Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi itu yang kita sudah tentukan. Jadi kalau dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberitahu akan menulis surat kepada setiap pemilik-pemilik tanah – tanah yang dikatakan dalam kawasan bercerun ini untuk mengingatkan mereka tentang penjagaan cerun termasuk juga tanah-tanah kerajaan untuk memberitahu Kerajaan tanah-tanah ini mestilah dijaga dan penjagaan itu adalah di bawah pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi kalau Pihak Berkuasa Tempatan tidak cukup dana tentang perkara ini Pihak Berkuasa Tempatan untuk tanah-tanah jagaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan memberi dana kepada Pihak Berkuasa Tempatan tidak kepada JKR jadi itu sebab kita hendak lakukan supaya senang dari segi organisasi yang kita hendak nak letakkan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Maknanya orang awam ataupun wakil rakyat akan berhubung terus dengan pihak PBT dalam kes ini. Terima kasih Dato' Menteri Besar. Keduanya tentang lampu isyarat, secara khususnya mungkin tidak berada di kawasan DUN Hulu Kelang tapi melibatkan DUN Hulu Kelang iaitu jajaran MRR2 menuju dari Gombak ke Ampang. Di kawasan Ampang Point itu selalunya *jammed*. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan keadaan ini yang membebankan rakyat pada pagi pergi kerja dan petang balik kerja?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi saya sebab senyum bila saya jawab ini saya dalam satu keadaan yang dipanggil *passing the buck* maknanya kita *pass* sebenarnya MRR2 sana Kerajaan Negeri tak ada langsung terlibat tak boleh terlibat sebab itu di bawah jagaan *highway authority* jadi kita kena saya sekarang tengah memikirkan bagaimana cara-cara untuk menyelesaikan perkara ini sebab dan bagaimana kita hendak mempercepatkan walaupun saya telah membaca beberapa kes *law* tentang *public liability* iaitu jika berlaku satu kemalangan di bawah satu kawasan siapakah yang bertanggungjawab? Kes *law* yang ada di England menunjukkan kita umpamanya jalan berlubang yang di sebutkan oleh Sri Muda dia terlanggar siapa yang *responsible*. Buat masa ini di Malaysia tak berapa jelas. Saya ingin membawa satu undang-undang di Parlimen supaya kes *law* apa itu undang-undang itu lebih tegas. Dengan cara itu *responsibility* ataupun tanggungjawab penjaga-penjaga jalan-jalan raya itu lebih kemas kalau tidak ini yang berlaku kita *pass the buck around* tapi saya harap

saya tidak ada jawapan untuk ini dan kita hanya jawapan yang terbaik ialah koordinasi macam mana kita hendak *coordinate* antara jalan kerajaan, jalan persekutuan, jalan dipanggil penswastaan, jalan PBT , jalan kampung kemudian jalan yang tak tahu siapa yang punya jalan jadi kita banyak kes begini jadi saya rasa perbincangan hari ini masih lagi tidak dapat memantapkan *responsibility centre*.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ok Dato' Menteri Besar, Tuan Pengerusi saya timbulkan isu ini kerana MRR2 merupakan laluan utama DUN Hulu Kelang, kalau hujan banjir kerana setengah tempat itu longkangnya tersumbat. Bila saya semak di bawah JPS Pusat, *jammed* JKR Pusat tapi satu perkara yang berlaku baru-baru ini tahun lepas apabila pengadu penduduk mengadu kepada saya tentang laluan penjalan kaki atas MRR2 yang bumbungnya sudah tanggal-tanggal saya *shoot a letter* dengan izin kepada JKR Gombak dapat *response* segera dan saya pun pergi ke tapak dan dinyatakan bahawa JKR Gombak akan ambil tindakan tetapi akan meminta peruntukan JKR Negeri dan diluluskan. Terima kasih saya ucapkan kepada JKR Negeri Daerah Gombak yang telah memulihkan keseluruhan jejantas yang berada di MRR2 di atas jalan di kawasan Hulu Kelang jadi itu sebablah saya menimbulkan isu ini kerana masalah saya di Hulu Kelang apabila contohnya di Batu 8, MRR2 menuju dari Ampang ke Gombak kalau musim raya orang suka beli lemang dekat situ. MPAJ kata tidak ada kuasa kerana tidak ada lesen tidak dikeluarkan kerana itu adalah *reserved* jalan dulu pernah pemaju hendak bangunkan kawasan itu saya *negotiate* dengan izin dengan pemaju untuk membuat lemang *bay*, Teluk Lemang jadi tapi tidak dilaksanakan saya pun tak tahu saya main cuba sahaja tapi kalau Raya Haji, Raya Puasa memang akan *jammed* dan itu menimbulkan kesesakan dan menjejaskan berlakulah berlaga-laga kereta dan *accident* jadi itu satu perkara yang saya timbulkan. Kedua di Kampung Pasir juga sederetan kedai yang apabila saya hendak berunding sejak 2008 saya menjadi wakil rakyat hendak berunding mereka tidak mahu kerana ini adalah jawatan bidang kuasa JKR Pusat jadi tetapi penduduk contohnya di Flat Taman Ridhuan mengadu keadaan mereka tersepit dengan orang pergi kedai berhenti-henti tepi jalan dan sebagainya. Jadi apa penyelesaian sebagai wakil rakyat dalam sidang bajet ini saya nak satu panduan yang jelas daripada Kerajaan Negeri bagaimana hendak membantu rakyat Hulu Kelang terhadap kesesakan dan keselamatan pengguna-pengguna jalan di jajaran MRR2 menuju ke Gombak dan ke Ampang. Terima kasih. Sekian Pengerusi.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi dan rakan kita Yang Berhormat Hulu Kelang. Penyelesaian masalah sosial bukan senang. Saudara Hulu Kelang saya dan Yang Berhormat EXCO Cempaka kalau bukan di Dewan ini akan memperjuangkan orang yang mempunyai apa itu bengkel dan *stall* walaupun dia tidak mempunyai lulus dari segi undang-undang *I have to tell the reality of the situation* maknanya dia dalam keadaan itu mereka kerana sudah terdesak mereka terpaksa membuat perkara itu.

Sekarang kita ialah pemerintah, bagaimanakah kita hendak menyelesaikan masalah itu kalau kita selesaikan dengan menghalau mereka dengan tak ada jawapan yang alternatif yang munasabah dan berperikemanusiaan itu satu cara yang tak boleh. Jadi inilah sekarang kita tengah membetulkan yang *balance* ini macam mana kita hendak membetulkan. Saya pandangan peribadi saya lebih rela kita buat berperingkat-peringkat. Saya lebih rela kita buat berperingkat walaupun saya rasa dia tidak mematuhi undang-undang tapi jangan dibesarkan lagi tapi itu saya lebih rela dibuat berperingkat daripada mengambil satu tindakan menghalau lepas itu habis mereka tak tahu bersepeh entah ke mana dan timbul masalah di tempat yang lain. Bukan itu jadi saya itu sebab ada kalanya saya tak nak pergi tempat itu kerana saya tahu itu salah dah atau Menteri Besar bersalam dengan pemilik gerai itu dikata Menteri Besar dah bersetuju tentang projek itu tapi kita tidak boleh kata *you* salah *you* kena keluar tak boleh juga jadi kita mesti cari *balance* itu sebab saya minta wakil-wakil rakyat turun bagaimana kita hendak menyelesaikan perkara ini sebab perkara ini kita tidak rancang dengan baik jadi bagaimana cara kita hendak menyelesaikan ini tidak jawapan bukan senang. Jadi saya berpandangan *option* yang kita beri mestilah ada *away out of option*, *away out* macam mana *away out* dan mesti diselesaikan umpamanya sekarang sebagai contoh mereka membuat gerai di tebing *reserved* tebing sungai yang menyebabkan apa itu banjir yang bukan untuk dia tetapi kawasan tersebut bagaimana kita hendak menyelesaikan. Jadi kita mesti *option* tanah yang lain telah mula saya lakukan dan mengetahui mana-mana tanah kerajaan supaya kita simpan sebagai data untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. Jadi saya rasa *is continuous programme* bukan satu penyelesaian yang dapat dibuat hanya dengan ada dana sahaja tapi *how to deal with the social issue whole* masyarakat yang kita ada sekarang.

TUAN SPEAKER: Ya, Teluk Datok.

Y.B. TUAN PHILIP TUAN CHOON SWEE: Dato' Pengerusi Vot B12 Jabatan Kerja Raya Negeri Butiran 505400 JKR Kuala Langat. Di tempat saya Jalan Kampung Jenjarom jalannya sudah diperbaiki atau pun dikorek semula dah 2,3 kali tapi yang selepas korek saya minta batu campur itu atau pun dibuang di kampung-kampung boleh membaiki kampung-kampung tapi JKR dia kata dia mahu nak buat *site table* tapi dia letak di tepi tapi selepas jalan itu *complete site table* pun tak buat saya ketahu saya didapati mereka jual kepada pemaju-pemaju bukan sedikit lebih kurang 1 kilometer dan panjangnya 10 lebar jika tak salah saya lebih kurang 10,000 pam. Jika kita boleh dapat bahan-bahan ini kita cuma belanja lagi RM10,000.00, RM20,000.00 kita boleh memperbaiki jalan-jalan di Kampung Jenjarom. Saya nak Yang Berhormat Ijok bagi jawabannya.

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat ya.

Y.B. TUAN PHILIP TUAN CHOON SWEE: Ya Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terma kasih Dato' Pengerusi, rakan kita daripada Teluk Datok pernah jadi menjaga *contracting work* ahli-ahli tahu tetapi yang sebenarnya itulah sebabnya saya mencadangkan kita berbalik kepada jalan yang lama, cara yang lama yang pernah menyebabkan jalan-jalan kita ini dijaga baik oleh JKR dan juga PBT sebab mereka tidak menganggap ini sebagai *business* tetapi satu tanggungjawab untuk menjaga jalan-jalan ini. Jadi kalau dia mereka dapat menjaga ini barang-barang yang apa yang dipanggil berlebihan juga dia boleh gunakan untuk ke tempat yang lagi satu dengan tidak payah membuat satu perjanjian yang berlainan. Jadi masalahnya apabila barang-barang berlebihan ini dibuat oleh kontraktor yang tiada pemilikan bukan di bawah jagaan JKR dan PBT dia akan terdapat apa itu rundingan yang tak ada kena mengena dengan penjagaan jadi saya merasakan cadangan ini kita teruskan. Kita kurangkan penswastaan kita kurangkan dan kita terus minta JKR dan apa itu pihak berkuasa tempatan menjalankan tugas mereka ke cara mereka yang dapat jalankan dan bersaing dengan kontraktor-kontraktor yang lain supaya kita dapat nilai penjagaan yang baik.

Soalan saya kedua jika kita membandingkan dengan negara jiran kita Singapura saya sendiri dua tahun lalu saya pernah memandu ke Singapura tapi nampaknya kualitinya jika dibandingkan dengan kita lebih baik jalannya tidak bertakung air rata sambungan pun tak nampak. Tapi saya dapat jalan-jalan diperbaiki oleh JKR atau pun oleh MARRIS mungkin setahun kena baiki sekali, setiap tahun kena baiki mengapa?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, saya pernah buat jalan, sebelum jadi Menteri Besar selain daripada jaga kebun saya juga pernah buat jalan *Guthrie Expressway* saya pun *check* sama ada air bertakung atau tidak jawapannya ialah *costing, costing* dan dia punya tebalnya. Jadi saudara boleh menganggap *costing* itu sangat remeh sebab kita kira satu inci padu *one cube* boleh jadi satu inci padu boleh jadi harga tak sampai 50 sen tapi yang sebenarnya bila kita kira sampai 30,000 kilometer dia ialah hampir 30,000 juta dia pun beza. Jadi itu sebab pemantauan dan *kualiti control* sangat penting. Tapi apabila sudah dibuat dan sudah dibiarkan sampai 5 atau 6 tahun dah tentu tak boleh balik kepada orang yang membuatnya. Jadi sebab itu saya rasa pemantauan dan kritikan daripada ahli-ahli yang mewakili rakyat sangat penting. Jadi sekarang pun saya rasa dah mula PBT menerima hakikat pembayaran hanyalah boleh dibuat selepas *is* panggil korek, sudah korek jadi maknanya sekarang kita dah ada *quality control exercise* dan kenyataan-kenyataan yang dibangkitkan dalam Dewan ini akan memberikan keupayaan untuk JKR dan PBT membuat *quality control* apabila kita sampai ke tahap *quality control* itu baru kita sampai ke tahap pelaksanaan belanjawan yang lebih mantap.

Y.B. TUAN PHILIP TUAN CHOON SWEE: Last sekali jika begitu kita katalah Johan Selangor Ku atau pun MARRIS kita buat kerja jalan apanya itu jalan mungkin kita boleh macam sampah kita boleh jimatlah RM100 juta setiap kemungkinan besar, sebab kita nampak masalahnya mereka nak dapat kontrak mereka dengan sebut harga yang rendah tapi selepas itu nampak buat tak bagus maknanya dia akan di Kuala Langat apa yang saya dapati selalu 10%, 20% mereka tidak selesai itu masalah. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat Teluk Datok satu pengajaran yang kita nak belajar *value for money* lepas itu kita gunakan *the lowest bidder* atau pun yang terendah. Masalahnya kita juga akan menghadapi satu risiko yang mereka yang membuat itu tak tahu apa yang dibuatnya. Jadi oleh sebab itu terdapat kegagalan dari segi pelaksanaan. Jadi kita mesti menerima hakikat apa langkah kita lakukan itu mesti ada baiknya dan buruknya. Jadi oleh sebab itu saya berharap Teluk Datok mesti menerima konsep kontraktor kita kena untung. *We must accept the facts* dia *must* untung. Kalau nak memerah kontraktor kerana nak dapatkan harga yang murah dan kemudian mendapat nilai kualiti yang terbaik itu kenyataan yang tidak munasabah. Dia akan *shortage* jadi kalau itu kita mesti menerima tetapi kita tidak boleh juga memberi mereka untung yang terbanyak, untung yang terbanyak maknanya sebagai contoh kalau dia dapat sebut harga dia boleh untung 30% dia tak payahlah buat dia lebih baik dia bagi sub kontraktor dan bagi sub kontraktor itu untung 10% jadi dia boleh simpan yang keuntungan 20%. Jadi itu yang kita mesti kurangkan. Jadi kontraktor yang kita nak bagi untuk masa depan hanya akan dapat untung antara 8 ke 10%. Kalau dia dapat 8 ke 10% dia tidak akan membagi kontrak kepada orang lain. Dengan cara itu kita akan dapat menggunakan perkhidmatan dia berterusan sebab kalau dia buat baik dia nama baik lagi dapat banyak kontrak lagi. Jadi itulah cara penyelesaian kita fikiran secara logik boleh lakukan. Jadi saya berharap Yang Berhormat Teluk Datok jangan *check* terlalu banyak sampai kontraktor lari tak boleh juga. Kita ada timbang rasa juga dia mesti untung tetapi jangan untung saya rasakan 15 tahun dahulu sampai 2008. Keuntungan itu lebih daripada biasa oleh sebab itu keadaan *sub-contracting* berleluasa. Saya pernah jumpa kontraktor yang dia pernah kata buat kontrak sampai RM2 juta dari segi pembaikan jalan lepas itu saya tanya beberapa soalan, beberapa soalan untuk berbincang dengan beliau saya nak tanya batu itu dari kuari mana dia dapat, apa jenis apa itu bahan yang digunakan berapa dia punya saiz apa semua dia dah dapat kontrak lebih dari RM2 juta. Dia tak faham apa yang saya soal maknanya orang yang dapat kontrak itu tak pernah buat kontrak itu, orang yang dapat kontrak itu mesti sub kontrakkan saya hanya kenal Menteri Besar kalau Menteri Besar *sign* dapat kontrak lepas itu tak payahlah saya buat kita nak ubah budaya tersebut. Dia dapat jalankan kerja tersebut dan tunaikan janji untuk membuat satu projek yang baik dan munasabah.

TUAN Pengerusi: Jadual B.12 iaitu wang sejumlah RM108,066,648.39 untuk Kepala B.12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B13, Jabatan Pengairan dan Saliran RM72,892,878.92.

TUAN SPEAKER: Ya, Sekinchan. Untuk ini saya bagi peruntukan 1 jam dahulu sehingga 4.30 dan setiap ADUN 15 minit. Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B13 di mana butiran program 50500, Kod Objek 1100, Gaji dan Upahan dan juga muka surat 426 mengenai menaik taraf benteng dan tebing sungai ya yang ke-20, menaik taraf benteng dan tebing sungai, di muka surat 426.

TUAN SPEAKER: Itu 4 berapa?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 426.

TUAN SPEAKER: Itu di bawah P tu pembangunan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tapi tak apa, saya secara rumus dalam gaji dan upahan lah.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dekat depan sini.

TUAN SPEAKER: Gaji dan upahan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, gaji dan upahan 416. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran ada dua perkara ingin saya bangkitkan kerana di musim-musim hujan ini, khususnya di akhir tahun sering berlaku banjir dan sebagainya dan tetapi di kawasan DUN Sekinchan banjir agak kurang. Ini Syukur Alhamdulillah, tak ada perkara macam ini. Tapi yang ada sekarang cuma di kawasan persisiran pantai. Persisiran pantai ini berlaku banyak hakisan, hakisan pantai sering berlaku di sepanjang daripada Kuala Selangor, Kapar, Kuala

Selangor, Tanjong Karang sampailah ke Sekinchan ke Sabak Bernam. Persisiran pantai itu dan sering kali ban-ban di tepi-tepi itu pecah. Ban itu pecah dan memerlukan banyak dana untuk memperbaiki, memerlukan dana untuk memperbaiki dan pada masa yang sama JPS telah menjalankan banyak kerja-kerja membaik pulih, tetapi kadang-kadang dana yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri itu agak terhad, tetapi apa yang saya teliti dana daripada Kerajaan Pusat sejak kebelakangan ini memang cukup kurang dan ada yang tidak disalurkan. Pada masa yang sama juga saya ingin menyatakan di sini, benteng yang dibuat satu ketika dulu di Pantai Dedang Sekinchan berdekatan dengan sungai Sekinchan satu ketika dulu saya minta dengan Jabatan Pengairan dan Saliran ditambah hingga 50 meter panjang, batu-batu dan sebagainya supaya untuk menahan hakisan pasir-pasir daripada masuk ke muara sungai kerana muara sungai itu akan cetek ia akan berlakunya keketekan tersebut dan kemungkinan bot yang masuk semakin cetek akan terdampar di situ. Ini yang sering berlaku menyebabkan bot-bot, kipasnya rosak dan sebagainya dan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran telah dua kali memberi peruntukan buat 50 meter, tambah lagi 50 meter tapi sejak setahun yang lalu pemantauan saya masih perlu lagi ditambah ketinggian ya dan kalau boleh tambah lagi 50 meter dengan ketinggian lebih sikit batunya supaya keberkesanan untuk menahan pasir itu lebih berkesan, jadi dapat mengurangkan permasalahan yang timbul di mana aduan-aduan daripada Persatuan-persatuan Nelayan, di mana bot-bot mereka sering terkandas, terdampar di situ, terkandas dengan kipas berputar dengan pasir. Ini yang berlaku kerosakan, maka saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada bagaimana kita nak mengambil satu pendekatan secara jangka pendek dan jangka panjang soal muara sungai yang cetek dan sering masuk pasir dan hakisan tebing ini. Sekian.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat daripada Sekinchan. *I think* salah satu daripada jabatan yang saya rasa selalu *stress* ialah JPS. Satu bila banjir, kedua bila kemarau, dua-dua dia tidak ada isu dia, banjir pun dia kena, kemarau pun dia kena. Jadi, itu dia isu. Saya rasa cara penyelesaiannya semasa saya dalam perbincangan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS, Lembaga Urus Air Selangor. Kita juga dalam seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah ialah konsultan kepada United Nation mengenai penjagaan lembahan sungai-sungai, lembangan sungai. Dia ialah seorang rakyat Malaysia yang bertugas di Bangkok dan melihatnya. Komen beliau ialah kita tidak boleh menyelesaikan masalah. Masalah apa yang dipanggil sungai, aliran sungai atau parit dengan membagi-bagikan melalui daerah, kita tak boleh, ataupun melalui tempat. Kita mesti daripada punca sampai ke laut. Kalau kita mula bagikan dengan, kita tidak dapat menyelesaikan maknanya kita, itu sebab sekarang saya melihat cara penyelesaiannya ialah bukan cara, kalau di daerah Sekinchan sungai itu tak betul kita betulkan di Sekinchan, dekat hulunya kita tak betulkan dekat kualanya pun kita tak betulkan jadi kita tidak boleh selesai. Jadi, beliau

bersetuju untuk menolong Negeri Selangor untuk menunjukkan bagaimana cara penyelesaian yang lebih teratur walaupun kita cara pentadbiran negeri dibagi pada daerah, maknanya Kuala Selangor jaga Kuala Selangor. Sabak Bernam jaga Sabak Bernam, Hulu Selangor jaga Hulu Selangor. Tapi *complaint* nya ialah bila Hulu Selangor bah ataupun air naik, Hulu Selangor diam sahaja, rupanya yang kena Kuala Selangor ataupun oleh itu sebabnya. Jadi, kita kena cari penyelesaian yang seluruhnya dan di pantai juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sekinchan pun saya dapati pantai itu juga kena diselesaikan daripada hulu, sebab yang membawa pasir-pasir yang membawa tanah-tanah itu daripada hulu. Jadi, kalau hulu itu lebih bersih dan lebih senang kita lakukan. Saya akan mengambil perhatian, saya tidak macam mana cara menyelesaikan benteng-benteng di persekitaran laut supaya dia tidak menjadi runtuh dan menyebabkan banjir air laut dan apa semua. Saya akan mengambil kira, tapi tak ada jawapan untuk hari ini. Boleh jadi rakan saya Yang Berhormat EXCO boleh terangkan pemantauan beliau.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan pengerusi, berkaitan dengan muara-muara sungai yang cetek. Ia dua punca. Satu ialah longgokan pasir yang daripada darat. Keduanya ialah pasir-pasir yang dibawa dari ombak ke muara. Ini proses semula jadi, bermakna proses cetek akan berlaku atau beralihnya arus air. Ini proses semula dan geografi. Cuma dalam, dia satunya ada sebahagian kawasan JPS membina halangan-halangan supaya pasir itu tidak terus ke muara. Ada kawasan-kawasan di muara yang dibina, kalau apa ini Yang Berhormat tengok sebagai apa ini di kawasan Kuala Selangor ataupun Sabak Bernam ada yang kita bina. Jadi, pasir ke laut tak terus ke muara sebab yang paling cetek ialah kawasan yang paling hampir dengan muara. Jadi kalau dibina batu-bata di hujung jadi lambat. Jadi, muara itu lambat. Ini yang dibina. Keduanya, memang JPS ada membuat kerja-kerja penyelenggaraan juga untuk pastikan bahawa laluan ini sentiasa dijaga. Cuma saya beritahu bahawa ini proses geografi yang biasa yang selagi ada ombak, ada pasir yang ke darat, dan ada pasir yang ke laut dan bagi saya, JPS sentiasa membuat kerja-kerja memastikan bahawa laluan ini dijaga.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, jawapan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga EXCO, Tuan Pengerusi. Saya ingin tambah lagi berkaitan dengan longkang besar di Parit 6, Sekinchan berdekatan dengan Kampung Baru dekat pekan Sekinchan, Kampung Baru di situ longkang itu daripada bendang sambung hingga ke seberang laut, longkang yang besar tersebut. Oleh kerana ia berhampiran dengan penempatan Kampung Baru di tebing-tebing itu sering berlaku hakisan runtuh tanah sering berlaku dan pihak JKKK saya sendiri selalunya membelanjakan wang dan juga pejabat daerah juga membelanjakan projek kecil dengan memasang cerucuk apa, kayu-kayu bakau untuk menahan daripada runtuh-runtuh tersebut dia berlaku

secara rutin, secara berpanjangan, maka perkara ini kita telah pantau dan saya telah meminta pihak JPS untuk membuat satu kaedah penyelesaian jangka panjang iaitu dengan membina penahan benteng yang merupakan lebih canggih iaitu memasang *pilling-pilling* dan sebagainya ya yang dipasang di beberapa tempat dengan begitu sempurna, tetapi ia memerlukan kos yang tinggilah, kos yang tinggi dan 2 tahun yang lepas pihak JPS melalui peruntukan daripada IADA daripada Kerajaan Pusat telah membuat sebahagian dalam lebih kurang 100 meter sahaja. Longkang itu lebih kurang 400 meterlah, 350 hingga 400 meter. Keseluruhan dua tebing, dua belah. Itu cuma 100 meter dibuat. Kalau boleh saya nak mohonlah jasa baik pihak Kerajaan Negeri kalau mana-mana ada dana boleh pertimbangkan permintaan ini supaya penyelesaian runtuh tanah di tebing-tebing itu dapat diselesaikan secara holistik.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Seluruhnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Seluruhnya. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Sekinchan ini sangat aktif iaitu kawasan Sekinchan ini cantiklah dan saya ada rekod bahawa seluruh Malaysia, hasil padi tertinggi ialah Sekinchan. Kita membagi-bagikan projek ini ikut *priority*. Baik, saya menjaga soal pengairan dan juga saliran sebahagian, dengan dana yang ada kita susun ikut keutamaan. Apakah *priority* kita? Kalau itu *priority* kita buat, tapi kalau ada *priority* lain di sawah yang perlu kita siapkan atau kawasan paya air buang yang perlu di dahulukan, kita dahulukan yang itu. Ada sebahagian saya nampak di kawasan itu dah ada dibina *u-train* oleh pihak apa ini, bagi saya baik Persekutuan ataupun Negeri tidak timbul yang penting ialah ini duit rakyat yang dibelanjakan berhemah, jadi sama ada IADA ataupun Jabatan Pertanian atau JPS dia kena kerjasama mengikut *priority*. Jadi jawapan saya Sekinchan, apakah keutamaan kita, kalau itu *priority* kita akan dahulukan. Cuma ada kawasan macam pantai Sungai Sembilang yang ini memang agak kritikal jadi kita minta JPS bagi dahulukan sebab kalau tak pantai itu akan menghakis sampai ke darat, dan hilang pantai Sungai Sembilang. Jadi, yang itu saya minta JPS dahulukan dan juga MP Kuala Selangor untuk membantu yang itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya berpuas hati dengan jawapan daripada EXCO dan juga Y.A.B. Dato' Menteri Besar seluruhnya kerana sudah ambil maklum perkara tersebut dan ini sahajalah yang saya nak bangkitkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang telah mengizinkan saya untuk membangkitkan beberapa perkara di bawah Vot B13, Butiran 512000, Kod Objek 11000 bawah gaji, tajuk gaji dan upahan. Taman Medan, telah membangkitkan perkara ini beberapa kali di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Berkaitan dengan aktiviti pengorekan pasir dan juga pencemaran Sungai Klang dan juga tapak pelupusan sampah di atas rizab sungai. Lawatan tapak telah dilakukan bersama pegawai JPS pada tahun lepas bersama-sama dengan penguat kuasa PBT pada ketika itu dan juga wakil penduduk untuk melihat sendiri aktiviti yang berlaku di atas rizab sungai. Tetapi, amat mengecewakan jawapan yang diberikan oleh pegawai JPS adalah mereka tidak boleh berbuat apa-apa kerana tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab mengadakan aktiviti pengorekan pasir dan juga pembuangan sampah dan juga menjadikan rizab sungai itu sebagai tapak pelupusan sampah. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimana Taman Medan perlu tangani situasi ini yang semua pihak tidak mengambil, tidak mahu mengambil tanggungjawab. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi. Taman Medan membangkitkan satu isu budaya yang penting nak kita ubah iaitu menjadikan sungai ini bukan tempat buangan tetapi menjadikan sungai tempat satu tempat yang istimewa. Kalau kita lihat, sungai-sungai yang berjaya bererti pintu rumahnya atau hadapan rumahnya ialah menghadap sungai. Tapi apabila kita dapati sungai-sungai yang keadaannya tidak berjaya belakang rumah baru ada sungai. Iaitu dia akan campakkan barang-barang ke dalam sungai sebagai tempat untuk menyelesaikan pembuangan sampah. Saya telah cuba membuat beberapa usaha mengkaji sama ada kita boleh terjemahkan seperti program perancangan Sungai Klang. Ini berlaku, tetapi bukan sahaja senang nak dijalankan tetapi masih lagi kita buat supaya akhirnya *bottom line* kita ada satu perancangan Sungai Klang yang sangat baik. Kedua, kita juga mengadakan apa yang dipanggil konsep *river protocol*. Maksudnya, sungai itu ada tatacara penggunaan sungai. Buat sementara ini, *short term* saya akan berbincang dengan PBT macam mana nak dapat mengurangkan pembuangan-pembuangan sampah di sungai umpamanya di Klang kita telah memperuntukkan bajet lebih kurang berapa ratus juta EXCO Klang, bajet untuk membersih sampah-sampah di Sungai Klang dibagi kepada MPK.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: RM5 juta

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: RM5 juta saya ingat kurang daripada itu. Dia akan mengutip sampah-sampah daripada Sungai Klang sebagai contoh, Selat Klang telah

naik bot untuk bersama, untuk melihat sampah-sampah tersebut dan didapati bukan sahaja sampah tetapi mayat pun ada. Jadi itu menunjukkan penggunaan Sungai Klang dalam keadaan yang tak berapa betul. Jadi saya akan peruntukkan di PBT bukan sahaja membersihkan *boom gate* dipanggil *boom gate*. Kedua, membersihkan juga sampah-sampah yang dibuang ke dalam Sungai Klang.

TUAN SPEAKER: Taman Medan, tidak ada lagi?

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TAHA: Sudah, terima kasih Tuan Pengerusi.

TUAN SEPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 416, Butiran Program 505000 Pentadbiran Kewangan Kod Objek 11000 Gaji dan Upahan iaitu dari peruntukan 2012 hingga 2013 satu peningkatan yang agak besar, 2012, RM2.59 juta dan 2013 anggaran RM8.6 juta. Ini membuktikan bahawa kerja-kerja akan meningkat dan *value for money* dengan izin akan bertambah mutu dan kualiti perkhidmatannya.

Merujuk kepada program pengurusan lembangan sungai, saya ingin memberi fokus kepada pembangunan kawasan di permulaan Sungai Hulu Kelang ataupun Klang Gate. Tempat itu amat bersejarah. Usaha-usaha telah dilakukan oleh pimpinan Kerajaan Negeri sebelum ini seperti Menteri Besar sebelum ini telah menjadikan tempat itu sebagai tapak pertanian dengan memberikan keizinan kepada peneroka-peneroka untuk meneroka kawasan rantau dan membina satu dewan di lereng bukit itu satu dewan untuk persatuan petani dan beliau sendiri telah merasmikan pada tahun 80-an. Kemudian ketika mana Sungai Panjang menjadi Menteri Besar Selangor, beliau telah mengisytiharkan kawasan itu sebagai Taman Warisan dan maka hiduplah tempat itu sebagai taman, Kampung Taman Warisan tetapi sebenarnya adalah satu kawasan setingan. Usaha-usaha telah dilakukan oleh MPAJ, LUAS untuk menjadikan tempat itu menarik. Tempat itu memang menarik dan menjadi tarikan anak-anak muda, kanak-kanak untuk beristirahat. Itulah satu-satunya *stretch* dengan izin kawasan Sungai Klang yang masih jernih airnya dan aktiviti memancing, berenang, menyelam boleh dilakukan di situ.

Hulu Kelang ingin mendapatkan satu komitmen daripada Kerajaan Negeri, memandangkan tempat itu popular dan kawasan itu adalah luas, dan saya juga telah membangkitkan isu ini sebagai penggunaan tanah yang tidak produktif di bawah Kerajaan Negeri Selangor sehingga kini, boleh tak kawasan itu dimajukan sebagai

kawasan rekreasi, rehat, pelancongan dalam bandar kerana kalau kita *synergy* kan dengan pusat-pusat pendidikan, dengan hotel-hotel di kawasan dengan pemaju-pemaju, mungkin satu pendekatan bersepadu boleh diwujudkan antara Kerajaan Negeri sama ada melalui MBI, GLC nya dengan izin ataupun dengan satu usaha sama yang boleh membangunkan kawasan tersebut untuk kebaikan orang ramai.

Jadi, memandangkan peruntukan sudah ada saya ingin mencadangkan apakah ulasan Menteri Besar sekiranya satu *Task Force* diwujudkan untuk membolehkan kawasan tersebut diguna pakai sebagai kawasan rekreasi, rehat, pelancongan dalam bandar yang begitu hampir dengan Kuala Lumpur dan dari segi pemasarannya kita dapati apabila kita memasarkan kepada hotel-hotel kerana di situ terdapat flora dan fauna yang cukup kaya. Bahkan memelihara kelah pun boleh dilakukan dengan ikan-ikan yang lain boleh dilakukan dan *sport fishing* pun dimajukan di situ di samping peluang-peluang beberapa jenis pokok-pokok yang boleh kita perkenalkan kepada institusi pengajian-pengajian tempatan untuk kanak-kanak memahami nilai kekayaan hutan di Selangor, terima kasih. Sekian, Tuan Pengerusi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Kelang, saya menganggap itu sangat-sangat positif tentang cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan sebabnya kita fokus bahagian daripada Kuala Lumpur ke Kuala Sungai Klang ialah kerana ada juga cadangan Kerajaan Persekutuan dalam usaha membangunkan Kuala Lumpur dan juga Klang Valley dalam pembangunan transformasi, apa tu, Lembah Klang ini dia ada *concept river for life*. Dan *river for life* ini dia ambil kira daripada Klang Gate sampai ke Bandaraya Kuala Lumpur iaitu yang 40 kilometer yang dia berlaku. Jadi, saya rasa cadangan Yang Berhormat Hulu Kelang kita ambil kira tetapi kita kena masukkan kerja-kerja yang telah dijalankan ataupun perancangan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pembangunan *River Right*. Kedua, kita juga masukkan kerja-kerja yang sudah dijalankan oleh pihak merancang Sungai Klang yang, yang berlaku di sebelah, di sebelah sebelum sampai Kuala Lumpur daripada Klang Gate sampai ke Kuala Lumpur.

TUAN SEPEAKER: Jadual B13 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Pengerusi

TUAN SPEAKER: Kajang, lain kali laju sikit ya.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Minta maaf, nak lalu,

TUAN SPEAKER: Dah saya panggil Kajang, sila

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ya, satu perkara sahaja ya. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Kajang ingin nak berbahas berkaitan dengan Vot B13 JPS Butiran 505000 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan 11000.

Kajang ingin membangkitkan satu masalah penyelarasan ya, tadi telah bangkit tentang JKR ya, sekarang bangkit JPS penyelarasan antara JPS dengan PBT, di mana perparitan, perparitannya kadang-kadang OSC dapat ulasan daripada JPS tidak ada masalah tetapi waktu dikendalikan memang kita dapati ada bermasalah ya. Satu contoh yang kita nak ambil adalah di Taman Kekwa yang sentiasa mengalami banjir dalam musim baru-baru ini, walaupun kawasan lain di Kajang memang kurang banjir tetapi di kawasan itu setempat kerana air yang mengalir ke dalam longkang menjuru, menjurus semua ke taman ini. Taman ini merupakan satu taman yang menakung air daripada parit-parit, daripada ni Kampung Baru Sungai Chua dan dari tepi jalan dan dari tepi bukit semuanya masuk ke taman ini kerana waktu binaan longkang di situ tidak diambil kira aliran air keluar, dan ini menjadi lebih tenat sekiranya projek yang baru diluluskan bawah ICU iaitu daripada pejabat, daripada Kerajaan Persekutuan iaitu SDO telah meluluskan satu projek dan telah mendapat persetujuan daripada MPKj ya, yang membenarkan mereka membina satu longkang yang alirannya daripada tempat yang lebih rendah nak naik ke tempat yang lebih tinggi agak melucukan ya. Dan kelulusan ini dibenarkan sehingga saya sendiri turun dan memberhentikan kerjanya kerana saya nampak ini tidak akan membantu, akan menjadikan masalah itu menjadi lebih tenat. Jadi ini masalah penyelarasan daripada PBT, pihak *federal* dan juga JPS. Dan Kajang memang berharap pihak JPS dapat memainkan peranan dan pasti memantau, pasti perparitan aliran air dan juga isi padu air yang mencurah ke tempat itu memanglah diambil kira dan tidak menyebabkan banjir lagi.

Selain daripada itu, ada juga ulasan daripada JPS yang memberi laluan mengatakan dia memberi laluan kepada PBT MPKj di satu taman yang dipanggil Taman Desa Baru. Memang mereka penduduk telah membuat aduan apabila Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat telah turun ke Hulu Langat dan mereka berjumpa di mana satu kolam takungan daripada projek baru SMI iaitu tapak industri kecil di mana air daripada tapak ini semuanya mengalir ke dalam satu kolam takungan yang bersebelahan hanya satu pagar sahaja, antara kolam takungan dengan taman ini. Dan air takungan ini apabila ia penuh dan melimpah yang masuk ke dalam longkang dalam taman yang kecil dan pihak MPKj telah menyatakan bahawa JPS telah meluluskan. Jadi ini satu lagi masalah yang dihadapi oleh rakyat apabila perancangan tidak dibuat dengan rapi. Jadi kedua-dua contoh ini telah menunjukkan bahawa ada kelemahan di dalam waktu kita buat perancangan dari segi perparitan yang menyebabkan banjir di setempat, airnya tidak

dapat dialirkan keluar. Jadi kita memohon pihak kerajaan untuk meneliti perkara sebegini, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker. Tan Sri, biar saya jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ok.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini

TUAN SPEAKER: Pengerusi, Yang Berhormat, Pengerusi.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Ya, Y.B. Pengerusi. Saya mengambil kesempatan untuk memberitahu Dewan yang mulia bahawa JPS sekarang beroperasi dalam satu keadaan yang kekurangan dana. Saya difahamkan bagi tahun 2008 hingga tahun ini (5 tahun itu), JPS hanya mendapat dana sebanyak RM8 juta lebih dalam tahun 2009. Tahun-tahun yang lain JPS hanya diberi tidak lebih daripada RM1 juta. Jadi kita kena faham Dewan mulia dan semua Yang Berhormat, sebenarnya JPS tanggungjawabnya ialah Kerajaan Pusat. Jadi kalau Kerajaan Pusat tidak memberi cukup tanah kepada JPS, susah bagi JPS untuk menjalankan tugas yang baik untuk mencegah banjir dan sebagainya. Pada masa yang sama, negeri telah memberi sebanyak RM5 juta hingga RM8 juta setiap tahun kepada JPS.

Jadi saya hari ini minta kalau boleh Yang Berhormat - Yang Berhormat dari Barisan Nasional boleh menjalankan tugasnya meminta Kerajaan Pusat untuk memberi dana yang secukupnya kepada JPS. Saya beri contoh ya, JPS telah meminta sebanyak RM1.2 bilion khas untuk isu banjir di Klang, RM1.2 bilion tetapi malangnya dana itu sampai hari ini tidak sampai, itulah keadaannya Y.B. Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Ya, Tuan Pengerusi, nampaknya dia tidak menjawab soalan yang saya tanyakan dan dia tidak menyebut berkaitan dengan penyelarasan dan juga ni pendapat ulasan-ulasan profesional yang harus diberi kepada PBT ya.

TUAN SPEAKER: Ya, ya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, saya nak menambah jawapan EXCO saya dan saya rasa

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Yang mana satu, penyelarasan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya faham tentang isu yang dibangkitkan, satu ialah kawasan *set-back* untuk apa yang dipanggil kolam takungan. Itu perlu diperbetulkan, *set-back*. Jadi saya telah meminta Kajang (PBT Kajang) membetulkan, kita tidak boleh, kita mesti mengikut *standard set-back* untuk itu, itu memang tak betul dan JPS tidak boleh memberikan kelulusan tentang perkara tersebut. Kedua, mengenai

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Pengerusi, berkaitan dengan projek yang disebutkan itu memang ia diteruskan walaupun diberi *stop notice*. Dia kerja tapi lepas itu satu penggal masa, projek itu teruskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ya.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Jadi, penduduk sekarang ini tengah nak jual rumah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok. Tak ada, tak ada. Sama ada diteruskan atau tidak, dia tidak akan dapat kelulusan sebab dia tidak selaras *set-back*. Itu sebab *standard* kita dulu kita tak ada disiplin untuk *set-back* itu. Kalau dia kata umpamanya dari kilang ke kawasan perumahan, dia mesti ada 50 meter. Dia mesti gunakan 50 meter bukan 5 meter. Jadi, saya telah minta. Dulunya ada pernah diluluskan. Tapi sekarang tak boleh diluluskan, dah saya beritahu. Kalau berlaku pun (kalau dia buat pun), dia tidak akan dapat kelulusan. Itu senang.

Kedua tentang, saya pasti *engineer* yang membuat (memberikan) kelulusan mengenai tingkat air itu saya ingat kalau benar kenyataan Kajang itu satu kesalahan *because water find its level* (dia tak boleh naik ke atas, dia turun ke bawah ataupun dia punya *level*). Itu pun kita kena pantau dan kita tidak boleh jadikan alasan kelulusan awal membenarkan pelaksanaan. Tak boleh. Kalau benda itu *technically not feasible*, dia tidak boleh diluluskan.

Dua perkara nak saya jelaskan, kita nak tentukan *standard* pengurusan mesti *follow the rule*. Kedua, mesti *technically feasible*. Itu yang itu.

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Y.B. Dato' Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung Vot B13 (Jabatan Pengairan dan Saliran) dengan merujuk kepada butiran 505000. Sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya juga ingin memohon kerjasama dan jasa baik Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran dan pegawai-pegawai yang berkhidmat pada

petang ini untuk membantu Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan EXCO kerana saya akan merujuk kepada beberapa perkara khusus dan saya pohon untuk mendapatkan jawapan yang lebih kuat di dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Pengerusi, saya telah dimaklumkan bahawa langkah untuk menyelaraskan program tebatan banjir di Negeri Selangor ini salah satunya ialah Kerajaan Persekutuan mendakwa bahawa mereka telah menjalankan kajian Pelan Induk Tebatan Banjir serta Pelan Induk Saliran Bandar, Saliran Mesra Alam melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Kerajaan Persekutuan juga mendakwa bahawa kajian yang telah dilaksanakan termasuk kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Damansara, kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang, kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kajang dan kajian Pelan Induk Saliran Bandar Seri Kembangan dan Sungai Besi.

Antara tujuan kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti dan mengesyorkan kaedah terbaik secara bersepadu bagi mengatasi kejadian banjir yang semakin kerap berulang di Negeri Selangor. Saya juga telah dimaklumkan bahawa reka bentuk terperinci akan dilaksanakan setelah kajian tersebut siap dan seterusnya langkah-langkah struktur dan bukan struktur akan dilaksanakan mengikut peruntukan yang disediakan untuk mengatasi masalah banjir. Dan Kerajaan Persekutuan juga mendakwa bahawa hasil dan syor kajian ini juga akan diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat untuk tindakan selanjutnya terutama untuk menangani kejadian banjir kilat di kawasan bandar. Maka, persoalan saya ialah apakah benar kajian Pelan Induk Tebatan Banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan melalui JPS ini telah pun siap dan telah pun dikongsi bersama dengan Kerajaan Negeri melalui PBT bagi mencapai maksud yang telah saya nyatakan tadi.

Merujuk kepada jawapan Y.B. EXCO sebentar tadi, Kerajaan Persekutuan mendakwa bahawa untuk tujuan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir di Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan membelanjakan sebanyak RM22.4 juta pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 Kerajaan Persekutuan telah menganugerahkan sejumlah RM24.9 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor. Maka saya ingin mendapat pengesahan daripada Kerajaan Negeri apakah angka dan jumlah peruntukan ini benar-benar telah diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana sekiranya peruntukan ini tidak diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, pastinya ianya akan membantutkan usaha Kerajaan Negeri untuk bersama-sama dalam projek tebatan banjir di Negeri Selangor.

Seterusnya, saya juga mengharapkan sekiranya kekangan yang dihadapi oleh JPS hari ini seperti yang dikatakan oleh Y.B. EXCO tadi adalah soal peruntukan. Saya berharap

JPS mengambil sikap yang lebih proaktif untuk mengemukakan senarai-senarai keutamaan kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor ataupun MTES supaya Kerajaan Negeri dapat meneliti keperluan yang mendesak bagi maksud untuk melaksanakan program tebatan banjir ini. Sekiranya perkara ini tidak berlaku, saya kira ianya akan membebankan Kerajaan Negeri dan juga pihak PBT yang terpaksa berdepan dengan masalah banjir yang semakin kerap di beberapa daerah.

Seterusnya, saya juga ingin merujuk kepada jadual penerimaan pemberian persekutuan. Seperti yang telah saya nyatakan dalam perbahasan saya, ada 7 jenis bentuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan salah satu bentuk pemberian ialah pemberian perbelanjaan mengurus jabatan persekutuan ataupun senarai bersama termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran yang berjumlah (anggaran yang dibuat untuk tahun 2012) ialah sebanyak RM31 juta di mana Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menyalurkan peruntukan ini kepada Kerajaan Negeri. Maka, persoalan saya apakah Kerajaan Negeri telah pun menerima sejumlah RM31 juta ini bagi maksud pemberian perbelanjaan mengurus jabatan persekutuan.

Y.B. Dato' Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada masalah kekangan yang dinyatakan tadi. Sekiranya tidak dapat diselesaikan dengan segera ianya akan membebankan rakyat Negeri Selangor dan memberi kesan ekonomi secara keseluruhannya kepada Kerajaan Negeri. Saya mengambil contoh seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Oleh kerana masalah kekangan peruntukan ini berterusan dan tidak dapat diselesaikan, ianya akan membebankan pihak PBT. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Ampang Jaya terpaksa menanggung sejumlah hampir RM7 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan sungai-sungai dalam pentadbiran MPAJ sedangkan tugas dan tanggungjawab ini perlu dipikul dan digalas oleh pihak JPS. Memandangkan masalah yang dihadapi oleh pihak JPS (tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi), maka PBT seperti MPAJ terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi berjumlah RM7 juta semata-mata untuk menyelenggarakan sungai-sungai dalam pentadbiran MPAJ.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja ini telah dilaksanakan pada tahun 2007 di mana Kerajaan Negeri mampu membayar balik sejumlah lebih kurang RM4 juta sahaja dan RM3 juta lagi terpaksa ditanggung oleh MPAJ. Namun ianya berlaku pada tahun 2007 dan sungai-sungai ini langsung tidak diselenggarakan semenjak tahun 2007 sehingga hari ini kerana JPS tidak mempunyai dana yang cukup manakala PBT juga tidak mampu menampung kos yang tinggi dan secara berterusan. Maka, saya kira Kerajaan Negeri harus mengambil perhatian yang serius kepada masalah ini kerana ianya akan memberikan kesan ekonomi dan juga kesejahteraan rakyat di dalam Negeri Selangor.

Akhirnya Dato' Pengerusi, saya juga ingin merujuk secara khusus kepada masalah banjir yang semakin kerap berlaku di dalam DUN Bukit Antarabangsa khususnya di Jalan Kolam Air, Ampang Jaya. Saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak JPS Daerah Gombak dan telah juga mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk di Jalan Kolam Air, Ampang Jaya. Namun, masalah ini masih belum diselesaikan sehingga hari ini. Di antara masalah yang agak mendesak ialah oleh kerana jumlah air larian tidak dapat lagi ditampung oleh Sungai Kongsi 8 (iaitu berhampiran Taman TAR, Ampang Jaya) yang kini jumlah air lariannya semakin meningkat dan oleh kerana pembangunan pesat berhampiran kawasan tersebut juga menyumbang kepada kejadian banjir yang berlaku.

Kita juga harus mengambil maklum bahawa keadaan aliran sungai yang berhampiran dengan kawasan perumahan dan juga jalan utama menyebabkan ketiadaan rizab sungai di kawasan ini. Maka, jabatan iaitu JPS mampu menaik taraf hanya sebahagian saja daripada jajaran Sungai Kongsi 8 (sejauh 100 meter sahaja). Itu pun pada tahun 2004. Maknanya sudah hampir 10 tahun Sungai Kongsi 8 ini tidak diselenggara dan tidak dinaiktarafkan dan juga kita juga menghadapi masalah kolam takungan banjir di bahagian hulu sungai yang muatannya dan kapasitinya agak terhad.

Masalah seterusnya ialah kedudukan *invert level* longkang taman perumahan sedia ada ini sudah sama dengan taraf sungai. Ini akan menyebabkan berlakunya *back flow* jika jumlah kapasiti air sungai tersebut meningkat. Namun yang membimbangkan saya ialah JPS Daerah Gombak telah berjanji supaya peruntukan yang diperolehi akan diberikan keutamaan untuk menangani masalah ini. Mereka telah pun menghantar kertas cadangan kepada pihak yang berwajib, mereka memerlukan peruntukan sebanyak RM2.8 juta bagi menyelenggarakan sungai dan menaiktaraf sistem saliran di kawasan jalan kolam air. Namun, sehingga hari ini perkara ini belum dapat kelulusan dan belum dilaksanakan. Justeru itu, baru-baru ini berlaku dua kali lagi banjir di Jalan Kolam Air.

Dan saya berharap perkara ini dapat perhatian daripada Kerajaan Negeri sekiranya ada keperluan, mungkin Kerajaan Negeri boleh mendahulukan *reserve* yang begitu besar yang ada pada hari ini untuk menangani masalah banjir di Negeri Selangor sekaligus memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih positif.

Cuma satu saja peringatan saya daripada pengalaman saya apabila saya turun ke lokasi dan berjumpa dengan pihak JPS, sebahagian besar daripada masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah masalah utiliti yang dibina di dalam sungai ataupun di kawasan perparitan ini yang dimiliki oleh pihak-pihak utiliti seperti Fiber Optic Maxis,

Telekom dan sebagainya. Untuk mengalihkan utiliti ini kosnya terlalu besar. Sebagai contoh di Jalan Kolam Air ini saja untuk mengalih utiliti Maxis dan Telekom jumlahnya RM1.5 juta. Maknanya kalau kita boleh menyelamatkan kos ini, maka kerja-kerja naik taraf sistem saliran dan juga Sungai Kongsong 8 ini jumlahnya hanya RM1.3 juta. Maka, saya juga ingin mengetahui apakah bidang kuasa yang ada kepada pihak PBT dan juga Kerajaan Negeri untuk memastikan pengalihan utiliti ini mesti ditanggung oleh pihak yang berkenaan dan bukannya PBT ataupun JPS ataupun Kerajaan Negeri. Kerana mereka untung besar (ratusan juta ringgit) sama ada Maxis ataupun Telekom. Mengapa utiliti yang mereka bina ini menyebabkan kerosakan kepada harta benda, kemusnahan dan banjir kilat dan menyusahkan rakyat dan mereka enggan menanggung kos yang sebegitu besar.

Jadi, saya harap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian kepada perkara ini dan saya pohon benar-benar supaya Kerajaan Negeri dapat bertegas dan menggunakan sedikit peruntukan bagi memberi perhatian kepada masalah mengatasi banjir di Negeri Selangor. Terima kasih Dato' Pengerusi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Bukit Antarabangsa. Dato' Pengerusi, sebelum kita saya nak jawab daripada yang akhir ke atas sebab saya belum dapat jawapan daripada JPS tentang soalan awal. Yang pertama ialah saya tahu tentang utiliti, utiliti ini sebenarnya kita kena duduk semula dan melihat kerana dulunya saya difahamkan JPS tiada halangan. Jawapan tiada halangan itu adalah satu jawapan yang melibatkan kita secara kontraktual atau tidak. Kalau tiada kontraktual boleh kita dapat selesaikan. Kalau kontraktual dan kita mesti berfikir bersama dengan PBT macam mana menyelesaikan. Itu sebab perkataan tiada halangan yang menyebabkan pembinaan itu berlaku. Sekarang kita untuk menyelesaikan masalah itu, kita kalau tidak disokong oleh syarikat-syarikat utiliti atau pun mana-mana institusi beban itu sangatlah besar.

Perkara yang kedua, sudah tentulah seperti yang saya nyatakan dalam belanjawan yang kita kemukakan, lebih daripada RM100 juta kita peruntukan untuk menyelesaikan masalah banjir yang tak masuk dalam bajet ini sebab kita kena lihat dengan kenal pasti supaya *priority* dapat diberikan dan pelaksanaan dapat dilakukan. Saya tidak menyangka Kerajaan Persekutuan boleh berubah kulit dalam masa sekejap. Jadi maknanya tidak percaya itu berlaku. Sebab dalam perbincangan Parlimen beberapa bulan yang lalu Yang Berhormat dari Kota Belud mengatakan peruntukan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan yang dinyatakan dalam Perangkaan Negara ialah melebihi daripada RM40 bilion. Dan saya telah menulis surat kepada Perdana Menteri untuk bertanyakan kepada Perdana Menteri perincian tentang pemberian tersebut supaya saya sendiri dapat mengkajinya dan dapat menolong

mengenal pasti mana pembangunan-pembangunan yang dibuat. Malangnya sampai sekarang kerana kesibukan Perdana Menteri dia tidak menjawab soalan saya tapi soalan itu yang menyebabkan saya kalau Perdana Menteri ada mengatakan mengapa saya gunakan rizab negeri, jawapan saya, saya tulis surat kepada Perdana Menteri untuk membuatkan pembangunan-pembangunan Negeri Selangor dan oleh kerana dia tidak menjawab, saya akan mendahulukan duit Negeri Selangor dahulu. Oleh sebab saya dah tulis surat kepada Perdana Menteri dan saya juga telah meminta satu perjumpaan dengan Unit Perancang Ekonomi Negara bersama dengan Menteri Besar dan Pegawai-pegawai Kanan Negeri untuk membincangkan tentang peruntukan perbelanjaan Rancangan Malaysia seterusnya dan tatacara penyaluran belanjawan negara kepada Negeri Selangor itu pun saya sudah lakukan. Dan oleh sebab itu saya rasa *short term* jawapan jangka pendek ialah kita ada dana sekarang. Kita selesaikan *short term measures, priority measures* dan itu akan berlaku lepas bajet ini. Medium to measure kita akan buat satu perancangan terperinci tentang kajian yang mana kita mesti selesaikan dengan cepat dan teratur. Dan *long term measures* kita akan masukkan perancangan yang mana tidak lagi kompromi dari segi penempatan-penempatan penduduk dan penempatan-penempatan pembangunan yang akan mengakibatkan aa berlakunya banjir yang sentiasa walau pun saya diingatkan oleh rakan saya bila saya bincang dengan itu aa bencana alam ini bukan satu perkara yang boleh ditahan. Jadi oleh sebab itu bila aa saya dapat *e-mail* daripada rakan saya mengenai *Sandy, Sandy* iaitu bencana alam yang aa taufan dan ribut yang dan air laut yang melempah ke New Jersey ke New York. Mereka tidak menyangka kekuatan itu. Jadi apa yang kita bersetuju ialah boleh jadi dalam keadaan itu 100 tahun sekali takpelah.. Tapi kalau tiap-tiap minggu, dan tiap-tiap hujan Wakil Rakyat kita dapat *high blood pressure* itu satu-satu kesilapan yang tidak boleh diterima. Itu sebab kita mesti membuat perancangan supaya kita dapat sampai ke satu tahap yang dipanggil *Fifty Year Flux Plate* Jadi kalau kita boleh perancangan itu dan itu dapat kita lakukan. Saya belum menerima jawapan daripada kajian-kajian yang saya tahu kajian yang dibuat oleh Sungai Damansara. Sejumlah RM300 juta telah digunakan dan belum selesaikan lagi dan tapi saya nampak aa banyak masalah lagi yang belum dapat diselesaikan. Kajian-kajian lain saya rasa belum dibentangkan untuk pemerhatian MTES.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Dato' Pengerusi, saya mengambil bahagian di bawah B13 Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk Butiran 505000 di kod objek 200000 Perkhidmatan dan juga Perbekalan bagi Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor

Yang Berhormat boleh berhenti seketika sebab saya nak minta Menteri Besar bawa usul untuk lanjut masa.

TUAN SPEAKER: Dewan Bersidang Semula.

Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul lanjut masa.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: "Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawasanya Dewan Yang Bersidang Pada Hari Ini Mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Hendaklah Di sambung Sehingga 5.30 Petang".

Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui. Dewan bersidang dalam jawatankuasa. Dipersilakan Sri Muda.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih untuk Pengerusi. Saya ingin menyambung berkenaan dengan banjir yang berlaku di sekitar kawasan r Daerah Klang. Dan tumpuan adalah khusus bagi kawasan Kampung-kampung Tradisi Melayu. Pagi tadi saya cuba juga mendapatkan jawapan dari pihak Kerajaan Negeri dan saya fikir petang ini jawapan yang kita harapkan yang boleh kita terima adalah satu jawapan yang boleh juga diterima oleh penduduk-penduduk yang menghadapi kesan banjir yang melanda mereka dalam 10 hari, 4 kali rumah dinaiki air. Keadaan ini berlaku kita sedar memang sudah lama sudah belasan tahun dan sejak Pakatan Rakyat mengambil alih pun sudah 4 ke 5 tahun keadaan ini berlaku dan saya ingin mohon penjelasan dari Kerajaan Negeri berhubung dengan kerja-kerja penyelenggaraan parit atau pun sungai di kawasan laluan yang terlibat. Saya mendapati hasil daripada siasatan yang kita lakukan sewaktu banjir itu berlaku sampai ke jam 2 pagi, 3 pagi, kita ikut saluran air yang mengalir itu kita dapati wujud keadaan di mana saluran itu tidak dibersihkan dengan sempurna. Sebagai contoh di Batu 6, Kampung Bukit Naga saluran yang mengalirkan air dari persekitaran kawasan itu melalui kawasan jalan melalui kawasan Sungai Kandis di dalam anak Sungai Kandis itu ada pokok kelapa sawit yang sebesar 3, 4 jengkal besarnya ya yang, yang mana ini memberikan tanda bahawa penyelenggaraan bagi parit itu atau pun anak sungai itu tidak diselenggarakan dengan

teliti oleh pihak kontraktor hinggakan pokok kelapa sawit yang tak sepatutnya tumbuh menjadi sebesar itu, tumbuh dan menghalang aliran air untuk pergi ke sungai. Itu yang pertama.

Yang kedua, untuk laluan di Kampung Johan Setia. Di kiri parit itu atau pun jalan itu terdapat saluran yang terus keluar sampai ke Kampung Pendamar dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang, kita dapati di sepanjang aliran itu anak sungai itu, ada jambatan-jambatan yang di bina oleh orang-orang kampung yang terlalu rendah bila air hujan atau pun hujan terlalu lebat, jambatan itu tenggelam dan ia memperlakan. Persoalan saya ialah pernah dibina untuk Jalan Kampung Johan Setia dibina 10 jambatan yang tinggi tetapi jambatan yang dibina itu tidak muat untuk lori 4 tan sekali pun. Orang kampung bina jambatan, keluasanya jambatan itu boleh masuk lori sehingga 10 tan. Yang dibina oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran hanya boleh melepasi tahap 3 ke 4 tan sahaja. Jadi orang kampung nak buka jambatan sedia ada tak boleh kerana kalau dibuka, mereka tidak mempunyai laluan untuk masuk ke kawasan kampung. Jadi perkara-perkara sebegini saya fikir walau pun ianya dilihat agak teknikal dan remeh temeh tetapi punca berlaku kejadian banjir ini ialah jambatan yang sepatutnya dibuka selepas dibuat jambatan baru tidak dibuka. Itu yang pertama. Yang kedua, saluran yang melalui Jalan Langat, kalau kita dari Klang nak ke Banting kita akan melalui persimpangan Kampung Johan Setia berhadapan dengan Bandar Parklands. Dekat situ ada satu jalan, jalan yang mana agak lebar lebih daripada 20 meter keluasan jalan itu, di bahagian bawahnya penuh dengan batu-batu atau pun sisa-sisa cerucuk yang berada di bawah jambatan yang menghalang laluan air. Dan setiap kali hujan lebat jambatan itu penuh dan air tidak boleh mengalir dengan laju. Jadi pada saya perkara-perkara ini kita sudah bangkit lama tetapi tidak adakah usaha daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya bagi menyelesaikan isu ini kerana saya fikir kalau perkara asas seperti itu tidak kita dilaksanakan, kita selesaikan, sampai bila-bila pun masalah banjir ini tetap akan berlaku walau pun mungkin di sekitar laluan itu kita membina satu kolam saya ada mencadangkan untuk membina satu kolam tetapi kalau tidak diselesaikan isu asas ini mungkin banjir terus berlaku dan seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut tadi setiap kali hujan lebat semua Ahli-ahli Dewan akan menerima kesan darah tinggi dan juga *heart attack* dan apa-apa juga yang berkaitan ya. Seperkara lagi Dato' Pengerusi yang ingin saya sebut ialah berkenaan dengan sistem amaran banjir yang diwujudkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran. Kita sedia maklum setiap kali musim-musim hujan macam ini dan saya bernasib baik kerana diberikan sistem amaran banjir oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor di mana apabila ada tanda-tanda berlaku hujan lebat dan sebagainya saya mendapat informasi lebih awal dan daripada maklumat itu maka kita salurkan kepada JKKK dan sebagainya. Soalan saya ialah dalam keadaan kita mempunyai sistem yang apakah yang boleh dilakukan oleh

pihak Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi memberi amaran kepada kawasan-kawasan yang tidak ada sistem itu. Ya macam Kampung Johan Setia tiada, Dato' Menteri Besar. Tiada sistem itu. Kita maklumkan secara manual kepada Datuk Ketua Kampung untuk berjaga-jaga tetapi di kawasan yang ada, tidak digunakan sepenuhnya. Sebagai contoh di Kolam Tadahan Taman Sri Muda. Ada kolam yang besar, yang cantik, dibagi tahu bahawa akan banjir, kolam itu berapa airnya sudah meningkat, sungainya berapa sudah tinggi tetapi Juruteknik yang sepatutnya bertugas di kawasan itu. Tidak ada. Bila hujan lebat, kolam tidak mengepam air daripada kolam ke sungai maka kawasan itu akan dilanda banjir kilat. Macam mana kita. Masalah kita Dato' Menteri Besar yang saya nak sebut ialah kita ada sistem yang boleh kita gunakan tetapi daripada segi penggunaan tidak mencapai tahap yang maksimum. Jadi saya mohon penjelasan dari Kerajaan Negeri kerana sebelum kita rancangkan sesuatu yang lebih besar kita kena selesaikan dulu isu-isu teknikal yang kecil ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kerajaan ada 5 minit.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Pertama, saya faham tentang perasaan Yang Berhormat tentang perkara ini. Kedua, nampak jelas daripada sini ialah *management commitment* jadi *management commitment*. Jadi perkara masalah itu difahami. Jadi kalau kita dapati Sri Muda menerangkan perkara ini kepada Pengarah JPS ataupun PBT berkenaan sudah tentu mereka memahami perkara ini tetapi masalah yang terbesar ialah pelaksanaan. Bagaimana pelaksanaan ini boleh dilakukan. Alasan yang awal yang diberikan ialah kurang dana. Itu lah sebabnya tapi selepas belanjawan kali ini dana tidak menjadi isu tapi juga program pelaksanaan. Jawapan saya ringkas marilah kita menentukan memberi tugas kepada mereka yang sepatutnya menjaganya, menjalankan tugas tersebut. Caranya mesti dengan ada disiplin. Maksudnya mereka-mereka yang dijalankan tugas itu kena menjalankan tugas tersebut. Saya akan meminta Setiausaha Kerajaan Negeri bersama dengan pegawai perjawatan negeri untuk menilai adakan pegawai-pegawai yang kita berikan tanggungjawab itu sanggup dan berkeupayaan menjalankan tugas tersebut dan kita teruskan usaha kita untuk menambah baik keupayaan mereka. Jadi semua yang kita bincang hari ini petang ini ialah pelaksanaan. Jadi bagaimana nak membersihkan kolam, bagaimana boleh jadi jambatan yang dibuat tidak boleh digunakan. Jadi itu satu isu pelaksanaan yang saya rasa kita perlu belajar daripadanya bahawa pelaksanaan pembangunan Negeri Selangor tidak akan berjalan dengan begitu rancak jika pelaksanaan tidak dilakukan dengan cara terbaik.

TUAN SPEAKER : Jadual B.13 iaitu wang sejumlah RM 72,892,878.92 untuk Kepala B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran, menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli

Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual B.14 Jabatan Agama Islam Selangor RM 224,354,224.09.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Taman Medan.

TUAN SPEAKER : Ya, sebelum Taman Medan mula saya akan memperuntukkan dua jam untuk B.14 ini tertakluk kepada perubahan. Silakan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Pengerusi. Taman Medan ingin membangkitkan perkara butiran perkara Vot B.14 Jabatan Agama Islam Selangor butiran 55000 kod objek 11000 bawah Gaji dan Upahan. Taman Medan ingin membangkitkan isu berkaitan dengan guru kontrak yang bekerja di sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah rendah agama yang terlalu lama sehingga mereka walaupun telah berkhidmat selama 10 tahun masih dikategorikan sebagai guru kontrak dan Taman Medan ingin tahu mengapakah mereka tidak diserap menjadi guru tetap dan apakah kriteria bagi mereka untuk dijadikan guru tetap. Mohon penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, yang saya dibagi taklimat tentang penyelenggaraan sekolah-sekolah agama yang mana di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, satu perkara yang jelas jika mereka dimasukkan menjadi guru-guru tetap maknanya selain daripada gaji ialah pencennya juga diambil kira. Jadi oleh sebab ada perkara mengenai pencen jadi Jabatan Perkhidmatan Awam akan terlibat dalam perkara ini. Dari penerangan yang saya telah diberikan, Jabatan Perkhidmatan Awam agak tidak bersetuju untuk dimasukkan ke dalam jawatan tetap kerana dia akan memberi kesan kewangan kepada pencen-pencen yang akan dibayar. Jadi itu delima yang dihadapi. Kedua, jawatan-jawatan ini kalau kita serapkan ke dalam jawatan negeri pun, kita akan berbincang tentang pencen. Saya akan mencadangkan satu cara yang mana guru-guru kita tidak walaupun diambil sebagai petugas tetap tetapi tidak terikat dengan pencen iaitu seperti yang dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta yang mana mereka hanya mencarum ke dalam EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) jadi kumpulan wang *employee* (majikan) dan kita pekerja, Kumpulan Wang Pekerja yang mana mereka akan terus sehingga mereka bersara mereka akan dapat kumpulan-kumpulan wang yang digunakan masa persaraan mereka. Jadi itu beberapa cadangan dan kita akan cuba memperkenalkan konsep ini kepada Negeri Selangor.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Perkara kedua yang Taman Medan ingin bangkitkan adalah; Taman Medan sering mendapat ataupun mendengar rintihan daripada guru-guru sekolah rendah, sekolah agama, sekolah rendah agama di dalam DUN Taman Medan sendiri yang sering memohon untuk diberikan ataupun diberi bantuan untuk baik pulih sekolah-sekolah SRA tersebut kerana mereka berkata tiada peruntukan daripada pihak JAIS untuk baik pulih sekolah-sekolah mereka yang begitu daif yang saya lihat sekiranya tidak dibaik pulih dengan segera maka kerosakan yang lebih besar akan dialami oleh sekolah-sekolah tersebut. Hanya jika dilihat pada senarai sekolah-sekolah yang telah diberi bantuan hanya ada satu sedangkan ada banyak lagi sekolah-sekolah yang perlu dibaiki keadaannya kerana ia melibatkan keselamatan pelajar-pelajar yang berada di sekolah tersebut. Jadi saya ingin mohon penjelasan adakah benar tiada peruntukan untuk kerja-kerja baik pulih sekolah-sekolah tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jika kita lihat ini kita berbincang sebagai belanjawan negeri, belanjawan untuk operasi Jabatan Agama Islam Selangor ini ialah belanjawan yang tertinggi dalam belanjawan-belanjawan jabatan-jabatan yang kita bentangkan di *budget* ini dan jumlahnya pun adalah tertinggi. Ini adalah disebabkan oleh Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk mengendalikan pendidikan agama melalui proses pembiayaan negeri. Pada dasarnya yang sebenarnya pendidikan adalah di bawah kuasa kerajaan pusat bukan di bawah kuasa Kerajaan Negeri tetapi oleh kerana pendirian kerajaan pusat tentang pendidikan agama tidak merupakan dianggap sebagai satu subjek ataupun satu perkara dalam pendidikan yang keseluruhannya dan tidak mengadakan tumpuan tambahan tentang perkara itu. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri dah berpuluh-puluh tahun mengambil keputusan untuk melaksanakan ini. Jadi oleh sebab itu lah saya dapati. Kemudian cara pelaksanaannya itu membiarkan pertumbuhan-pertumbuhan sekolah-sekolah dibuat secara bermasyarakat, maknanya ada sekolah-sekolah agama rakyat boleh dibuat di tepi surau ataupun di kawasan yang ada kontena untuk taruk mereka ataupun di mana-mana tetapi dibuat secara begitu walaupun ada sekolah-sekolah yang dibina tapi ertinya maknanya kita tidak mempunyai walaupun kita tahu kita tidak mempunyai keupayaan tapi kita juga cuba untuk membagi peluang tersebut. Seperti yang saya nyatakan salah satu kebaikan jika berlaku untuk mengatasi masalah ini jangka pendek ialah kita memberi sumbangan sedikit untuk membaik pintu dan tingkap untuk membetulkan bilik air dan seterusnya tetapi itu tidak menyelesaikan jangka panjang. Jangka panjang ialah menerima hakikat bahawa kalau semua sekolah-sekolah kebangsaan berlakunya ialah satu kelas sahaja, satu sesi sahaja umpamanya sesi pagi saja dan petang tu boleh ditampung dan sekolah-sekolah, kelas-kelas itu boleh digunakan untuk pendidikan sekolah agama yang mana dibiayai oleh kerajaan. Jadi kerajaan hanya membiayai kos operasi tidak membiayai kos-kos pembuatan dan seterusnya. Jadi kalau itu berlaku saya rasa tujuan kita untuk memberikan pendidikan

tambahan dari segi agama Islam akan lebih *economical*. Jadi saya berharap itu yang kita mesti *push forward* iaitu sekolah-sekolah, semua sekolah-sekolah di negara Malaysia, sekolah kebangsaan mengadakan apa yang dipanggil sesi satu sesi sahaja. Jadi kalau itu berlaku dan terutama kita bagi tumpuan kepada Negeri Selangor ini dapat kita lakukan. Buat masa ini juga peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan tidak termasuk dalam peruntukan, ini tak termasuk dalam peruntukan yang kita akan luluskan ini ialah RM6 juta tiap-tiap tahun. Ini tak termasuk dalam peruntukan ini...

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Tapi yang itu bukannya untuk SAR, SRA tidak termasuk dalam kumpulan tersebut....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : ...ya la tapi kita boleh bagikan sedikit, jadi kalau kita kena juga tambahkan..

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Kalau gitu saya mohon pihak EXCO meluluskan permohonan daripada SRA..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : ...ya kalau yang terlalu teruk la sebab duit terhad tapi itu tak termasuk 6 kali 5 dah RM30 juta dah kita salurkan. Jadi itu pun kita *balancelah*, jadi saya rasa ini yang didapati satu kekurangan sekolah-sekolah rendah agama, sekolah agama baik pulih penyelenggaraan kos projek ialah RM30 juta, anggaran RM20 juta dan baru nak ada, ada dibuat tapi prosesnya agak lewat sebab jumlah dana tu tidak mencukupi.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Perkara ketiga yang Taman Medan ingin bangkitkan ialah berkaitan dengan Sekolah Rendah Agama Islam. Walaupun dalam keadaan peruntukan ataupun jumlah *funding* dengan izin yang terhad tetapi telah diwujudkan 11 buah SRAI. Persoalannya di sini didapati sekolah-sekolah ini mempunyai yuran persekolahan yang berbeza antara satu sama lain dan di dapati juga ada sekolah-sekolah ini yang tidak menerima peruntukan berbanding dengan yang mendapat peruntukan disebabkan kutipan yuran yang tinggi oleh sekolah-sekolah tersebut maka tidak diberikan peruntukan seperti mana sekolah-sekolah yang kutipan yurannya rendah. Persoalannya di sini bagaimanakah penetapan yuran satu, yang keduanya adakah peruntukan itu hanya untuk sekolah yang tidak mempunyai cukup jumlah kutipan yuran yang dibuat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat mikrofon belum pasang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Dato' Pengerusi, ini juga satu daripada sistem yang kita membenarkan apa yang dipanggil *Private Sector Involvement* penglibatan pihak persendirian dalam usaha ini. Jadi apabila kita buat cara ini terdapat satu keadaan di mana tujuan asalnya mereka sanggup menjalankan operasi tersebut dengan cara persendirian tetapi apabila sudah dibuat mereka akan menggunakan beberapa tatacara terutama dari segi mendapat pahala ke akhirat dan seterusnya untuk mendapat derma pembangunan sekolah tersebut dan juga buat begini. Jadi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mesti membuat satu polisi kita tidak boleh mengadakan satu polisi pendidikan campur aduk. Saya rasa itu kita masih belum tegas lagi. Kalau pendidikan polisi begitu maknanya kita akan membiarkan satu keadaan *very flexibility* jadi oleh sebab itu saya, saya memandangi perkara ini dari segi pembangunan negara secara keseluruhannya saya menganggap pendidikan tidak boleh diperniagakan. Pendidikan awal tidak boleh diperniagakan maknanya itu satu sistem yang mana semua duit pembayar cukai boleh diberikan keutamaan untuk memberikan pendidikan kepada rakyat. Itu polisi, polisi yang kalau kita terima polisi itu lebih senang kita merangkakannya jadi tak ada siapa yang boleh mengatakan dia dah buat sekolah itu dia tak cukup duit dia nak minta pula sedekah daripada kerajaan, itu tak boleh kita lakukan. Kalau kita buat disiplin begitu lebih senang kita mengurus pendidikan negeri dan negara.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Mungkin saya bantu sedikit Dato' Pengerusi. Yang disebutkan oleh Taman Medan tadi SRAI, Sekolah Rendah Agama Integrasi di bawah JAIS yang perbezaannya sekolah ini adalah pendidikannya percuma termasuklah buku teks yang mungkin lain yuran yang berlainan adalah daripada yuran PIBG bukannya daripada sekolah itu sendiri bukan di bawah JAIS, JAIS tidak, tidak kutip yuran.

TUAN SPEAKER : Masa untuk Taman Medan sudah tamat. Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Pengerusi, Dato' Pengerusi Bangi berdiri untuk membicarakan tentang Vot P14/P14 halaman melibatkan panjanglah daripada halaman 439 hingga 504. Apa yang kita dapati bahawa peruntukan bagi Agama Islam ini paling besar terbesar sekali iaitu melibatkan RM344,354,224.09. Bangi ingin tahu ini tak termasuk duit zakat yang didapati RM320 juta itu kadang-kadang disalurkan juga ke sekolah, ke masjid itu macam mana itu mekanismenya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, Bangi pembayaran-pembayaran zakat di buat kepada unit zakat dan akaun dia penyelenggaraan dia semua tidak termasuk dalam negeri. Maknanya duit-duit zakat tak masuk dalam akaun negeri terutama *consolidated* akaun negeri. Dia terasing zakat ini di bawah kelolaan

Majlis Agama Islam Selangor dan tak ada termasuk dalam Jabatan Agama Islam Selangor. JAIS menerima semua duit-duit yang kita bagi ini ialah daripada akaun yang disatukan yang dikatakan RM350.00 dan RM390.00 dana zakat ini tidak termasuk dalam belanjawan kita dan tidak termasuk dalam kiraan kita.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Yang kedua Dato' Pengerusi, Jabatan atau JAIS ini begitu besar sekali bidangnya dan tanggungannya. Bangi berpendapat adalah lebih baik dipecahkan bahagian pendidikan itu secara berasingan kerana dia melibatkan satu yang besar yang sepatutnya melibatkan pengajian tinggi nampaknya pengajian tinggi diasingkan pula berasingan sendiri. Pengajian tinggi, sekolah menengah dan sekolah-sekolah yang lain yang dapat dijalankan dengan secara profesional. Kalau kita tengok sekarang mungkin pada peringkat rendah menengah perjalanannya ia ertinya dari segi kualiti boleh dipersoalkan baik dari segi bangunannya, gurunya, kurikulumnya. So kalau kita pecahkan dan ditadbir oleh satu Jabatan tersendiri dengan peruntukan yang tersendiri mungkin dia boleh dijalankan secara profesional. Kalau kita lihat sekarang sekolah-sekolah kita sekolah menengah ke apa ke tak jadi rebutan negeri-negeri lain nak hantar anak-anak mereka belajar sini barangkali kerana kualitinya kurang menarik. Kadang-kadang mereka nak hantar anak mereka ke Indonesia, ke Jordan atau pun Mesir daripada sekolah rendah lagi. Tapi di sekolah kita tak ada yang nak hantar mungkin tak ada tarikan dan mungkin kualiti kita yang tidak begitu baik. Apakah kemungkinan kita boleh pecahkan sebagai Jabatan Pendidikan Islam Selangor sebagai satu pentadbiran yang terasing yang ada pakar-pakar profesional yang memikirkan kaedah-kaedah pendidikan terbaik daripada peringkat sekolah rendah hingga pada universiti. Kita ada semua itu mekanisme sekolahnya daripada rendah bahkan lima enam jenis SRA, SRAI macam-macam yang itu pun sepatutnya disatukan. Nama saja banyak isinya lebih kurang sama saja, patut dicompactkan dan dijadikan satu kurikulum yang sepadu yang boleh diikuti oleh mana-mana saja tidak berbagai-bagai nama benda yang sama. Pokoknya nak tanya mungkin kita pecahkan bahagian pendidikan ini sebagai satu yang tersendiri, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Satu boleh jadi untuk menjawab maklumat yang saya terima, maklumat yang saya terima permintaan untuk pelajar di sekolah yang dikelolakan oleh JAIS ini sangat tinggi untuk mendapat tempat keseluruhannya lebih kurang 30,000 pemohon. Jadi maknanya boleh jadi orang luar negeri pun tak nak campur dah memang dah tak ada tempat untuk mereka, itu yang saya diberitahu. Kedua saya faham tujuan Bangi sebab bajet RM230 juta ini sama besarnya dengan bajet Negeri Perlis atau pun Negeri Sembilan jadi maknanya dia besar, maknanya dia bukan, bukan kecil jadi dari segi fokus kita kena bagikan dari segi pendidikan dan seterusnya kita boleh...

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Dato' Pengerusi inilah yang Bangi melihat itu satu kegagalan dari segi ke profesional kita dari segi membuat unjuran dari segi perkembangan sekolah itu yang membolehkan pelajar-pelajar yang lulus itu ada tempat semua. Ini ertinya kita tidak menyediakan tempat bukan salah pendidikan itu salah dari segi pengunjuran penyusunan sehingga ertinya pelajar yang kita didik ada 1,000 yang lulus hanya 200 yang boleh masuk tak ada tempat. Ini bukan kerana menunjukkan maju, menunjukkan kegagalan kita dari segi mewujudkan unjuran yang menunjukkan perkembangan secara maju. Jadi itu sebab hujah Bangi kena susun secara teratur secara profesional tidak hanya ialah kita didik pelajar terbaik kita tidak beri tempat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya faham tentang *what you call* strategi yang kita nak lakukan tetapi sekarang kita menyelesaikan masalah yang ada, yang ada sekarang prinsip JAIS ialah mengambil penyelesaian secara menyeluruh. Pendidikan diberi, masjid dijaga apa JAIS itu melihat secara *totality* dan *totality* itu dibagi kepada beberapa Jabatan-jabatan di dalam JAIS, itu satu yang kita lakukan. Kedua saya juga mendapati strategi yang mana memberikan sekolah-sekolah menengah untuk jagaan kerajaan, kerajaan pusat maknanya membagi saja atas dasar kekurangan dana untuk menguruskannya. Itu sebab atas dasar dan itu telah berlaku, jadi dua perkara itu berlaku itu sebab ada kalanya sekarang JAIS cuba memasukkan lagi satu agenda supaya Maahad Tahfiz jadi penyambung usaha daripada bawah. Jadi saya rasa pemikiran di JAIS dalam masa 15 tahun ini ialah menambah tambah bukan membuat secara terusan mana yang tak cukup ditambah mana yang agak dilakukan, dilakukan. Jadi dengan cara itu bererti JAIS memberi sumbangan kepada pembangunan kehidupan umat Islam di Negeri Selangor, itu dia punya polisi. Kalau saudara baca ini boleh jadi itu termasuk dalam piagam pelanggan JAIS kalau muka surat 457. Iaitu piagam pelanggan JAIS ialah *quite discriminatory* iaitu VVIP dia ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Kerabat-kerabat Istana, EXCO dan Timbalan EXCO, Ex-Officio, Ahli Dewan, Ahli Parlimen, ADUN, Orang Besar Daerah. Kemudian dia ada pula VIP, VVIP dekat atas, VIP.

TUAN SPEAKER : Speaker tak ada?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Speaker belum (Dewan tergelak) jangan, jangan terasa hatilah. Jadi saya nak tunjukkan pemikiran, sebab itu saya nak tunjukkan pemikiran. VIP nya Ketua-ketua Jabatan, Daerah, Penghulu, Nazir, Pengerusi NGO, Presiden Rektor IPT dan Pengarah. Secara tidak langsung pelanggan dia pembekal makanan, pembekal kad-kad jemputan dan orang awam. Orang awam *last* itu, itu dia punya *the thinking frame, the thinking frame* dalam

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Pengerusi, pendidikan ini dia punya hubungannya intelektual jadi orang yang tak ada mempunyai hubungan itu sepatutnya semuanya profesional intelektual yang apa ini merit dalam bidang keilmuan. So dalam bidang pendidikan daripada rendah hingga kepada peringkat Universiti yang kita ada itu sekarang berpecah-pecah, tidakkah lebih baik dia diletakkan di bawah satu payung yang mentadbirkan semua daripada atas ke bawah di bawah satu Jabatan Pendidikan Islam Selangor. Saya nampak-nampak ada satu bangunan yang cantik lagi daripada dekat kita ini satu bangunan pendidikan agama khas untuk pentadbiran, agaknya itu lebih baik daripada sekarang, kalau kita pergi ke pejabat agama dekat mana bahagian pendidikan hanya ada satu *floor* sahaja padahal dia tanggungannya besar itu ya, peruntukannya besar. So, sepatutnya diperbesarkan dialah termasuk bangunannya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi dengan belanjawan yang ada nampaknya ini yang dapat dilakukan. Kedua saya rasa, saya baru menjadi Ahli EXCO yang menjaga tentang Agama Islam jadi saya mula membaca perkembangan bagaimana dia berlaku melalui masa, saya cuba melihat bagaimana strategi perkembangan melalui masa. Dan saya rasa cara dia ialah *adapt and feel* maknanya dia buat *adaptation and they feel* itu caranya bukan daripada awal lagi dia buat begitu. Jadi bagaimana cara kita nak mengubah satu *culture* pengurusan begitu jadi itu yang. Yang kedua itulah sebab Bangi merasa terdapat perbezaan sebab saya juga rasa JAIS dulu ialah satu badan yang dia anggap sebagai satu sistem untuk menggabungkan kehendak-kehendak keperluan orang Islam dan Melayu dan dia tak terfikir yang terdapat pemikiran politik yang berbeza dia tidak terfikir dalam perancangan yang dulu. Jadi sekarang dia mesti memikirkan untuk keseluruhan Masyarakat Islam secara umum.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Akhir Dato' Pengerusi walau apa pun Bangi berpendapat bahawa Pendidikan perlu diberi satu tempat yang istimewa kalau pun tak nak di letak di bawah satu payung biar dia letak bawah satu bangunan pentadbiran yang memberi identiti yang baik. Satu bangunan khas dekat dengan masjid sebelah sana ada kosong cantik kita pun nak bina Bandar Islam cantiklah kalau ada lagi satu bangunan Pentadbiran Pendidikan Islam Selangor. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dato' Pengerusi, saya akan membawa Bangi dalam perbincangan-perbincangan perancangan masa depan JAIS tak lama lagi.

TUAN SPEAKER : Sri Muda, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Pengerusi, Sri Muda ingin mengambil bahagian di dalam maksud Butiran B.14 Butiran 51500 di bawah Kod 10000 Pendidikan Islam dan juga di bawah Kod 12000 KAFAs. Saya kerap kali mengadakan perjumpaan-perjumpaan dan juga dan juga banyak kali dijemput untuk menghadiri program-program yang di adakan di Sekolah-sekolah KAFAs yang ada di seluruh kawasan DUN. Ada kalanya di dalam kawasan DUN Sri Muda dan sesekali di luar daripada kawasan DUN. Persoalan yang sering dikemukakan oleh guru-guru yang terlibat di semua Sekolah-sekolah yang pergi ini apabila kita semak dan kita tanya perkara yang sering dibangkitkan ialah tentang gaji kebanyakan mereka adalah di bawah paras kemiskinan, ya di bawah paras kemiskinan kebanyakan. Jadi guru-guru ini memberitahu kepada kita tidak ada ke usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan mereka. Walau pun kita sedar Kerajaan Negeri sudah meningkatkan sebelum ini daripada RM1,000.00 kepada RM1,300.00 tapi ia masih kekal di bawah paras kemiskinan di Selangor yang kita sasarkan di bawah paras RM1,500.00 adalah di bawah paras kemiskinan. Jadi persoalan saya adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mencari satu kaedah terbaik mungkin dengan cara menabahkan guru itu bertugas supaya gaji mereka purata bulanan lebih dari RM1,500.00 dan yang kedua terdapat juga mereka-mereka bertugas di Sekolah-sekolah ini terutama sekali Kerani-kerani yang membantu para guru itu gaji mereka jauh lebih rendah daripada paras kemiskinan, ada yang RM650.00, RM750.00, jadi ini satu jumlah yang saya fikir perlu diberikan perhatian kerana kalau kita kira keseluruhan Sekolah KAFAs yang ada di negeri Selangor cukup ramai mereka-mereka ini di bawah paras kemiskinan. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan ini apakah langkah yang boleh diambil bagi mengatasi ataupun mempertingkatkan pendapatan mereka sekurang-kurangnya lebih sedikit daripada paras kemiskinan negeri Selangor RM1,500.00. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi saya menerima baik keinginan Sri Muda untuk menambah pendapatan semua warga kerja KAFAs supaya mereka dapat ganjaran yang setimpal dengan hidup mereka. Walau bagaimanapun perkara ini kalau kita buat sudah tentu dia akan oleh kerana kita berbincang dari segi Belanjawan. Adakah kita nak menambahkan gaji di Guru KAFAs dengan mengurangkan peruntukan kepada masjid atau pun adakah kita naik menaikkan gaji Guru KAFAs untuk mengurangkan pendapatan yang lain. Itu satu Belanjawan strategi tapi saya rasa jawapan yang sebenarnya ialah Guru KAFAs anggap Guru bukan sepenuhnya jadi oleh sebab itu lah pada saya jawapan yang terbaik ialah apabila kita dapat Sekolah-sekolah yang kita boleh gunakan sebagai Sekolah apa yang dipanggil Sekolah satu sesi petangnya kita masukkan semua guru-guru untuk mengajar, kita serapkan guru-guru KAFAs sebagai guru-guru tetap dan mereka akan dibayar gaji dan kerja-kerja mengikut tatacara guru-guru yang mengajar masa di Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah biasa maknanya berapa jam dia kerja berapa semuanya kita ambil kira dan ganjaran mestilah

serupa dengan guru-guru yang mengajar di Sekolah-sekolah Kebangsaan atau pun di Sekolah-sekolah Menengah. Jadi kalau itu berlaku jadi tak ada timbul maknanya diskriminasi dari segi pendapatan dan seterusnya sebab seorang guru ialah seorang profesional dan oleh sebab itu dia boleh dapat ganjaran yang setimpal dengannya. Dan itu hanya berlaku apabila perancangan kita sampai ke peringkat itu. Kalau perancangan kita tak sampai ke peringkat itu sangat sukar kita untuk menentukan pembayaran dana dan kedua sudah tentulah kalau kita juga mencari jalan, jalan yang kedua opsyen yang kedua ialah menambah tatacara guru-guru KAFA. Maknanya bukan sahaja dia kerja 4 jam atau 8 jam atau 10 jam seminggu tetapi kalau kita carikan 20 jam yang lain untuk kita sesuaikan seperti pendapatan mereka sampai ke peringkat 2000 ke 2005. Jadi dengan cara itu kita dapat produktiviti juga hasil pendapatan yang sesuai. Perkara-perkara ini saya rasa belum dapat kita bincangkan secara telus dan tuntas sebab masih lagi banyak perkara-perkara kefahaman yang kita perlu bincangkan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Dato' Pengerusi. Perkara seterusnya ialah belum habis lagi Bukit Antarabangsa. Perkara seterusnya ialah berkenaan dengan Butiran 10030 Masjid saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor yang dahulu yang muka merupakan Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri pada hari ini yang sudah memasukkan pada tahun 2009 dan juga 2010 pembinaan masjid bagi kawasan Taman Sri Muda 28 tahun, 25 tahun permohonan itu dibuat dan dua kali sahaja saya jumpa pada waktu itu alhamdulillah masjid itu sekarang sudah 70% pembinaannya. Cuma persoalan saya ialah berkenaan dengan masjid yang berada di kawasan Masjid Kota Kemuning kerana dalam pertemuan saya dengan Jawatankuasa Pembinaan Masjid yang terlibat difahamkan bahawa Kerajaan Negeri beri kebenaran kepada mereka untuk memulakan usaha pembinaan masjid secara tanpa melibatkan bantuan daripada Kerajaan Negeri tetapi dalam Belanjawan yang dibentangkan ini ada di peruntukan untuk pembinaan Masjid Bandar Kota Kemuning yang mana peruntukan itu dianggarkan sehingga tahun 2015 ada RM1 juta. Saya minta untuk tahun ini untuk dimasukkan sekitar RM500,000.00 bagi kerja-kerja tanah dahulu tetapi jumlah yang dipohon oleh Jawatankuasa Masjid itu RM22 juta dengan pembinaan sendiri tetapi dalam Anggaran yang di peruntukan adalah sekitar RM6 juta. Jadi saya ingin tahu apakah pembinaan, rancangan itu diketuai oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor kerana saya berfikiran agak lama dalam zaman Kerajaan lama pembinaan satu-satu masjid memang di dalam pengetahuan semua Ahli-ahli Dewan Negeri yang terlibat tetapi sejak dua tahun kebelakangan ini mendapati walau pun Ahli Dewan, Ahli EXCO, Ahli Parlimen diletakkan sebagai dalam senarai VIP keutamaan Jabatan Agama Islam Selangor tetapi dalam urusan-urusan sebegini kita amat jarang melibatkan bukan kita tidak ada ia kadang-kadang bila tanya dengan Pejabat Agama Islam Daerah ada,

kadang-kadang tak ada langsung kalau tak ditanya begitu juga dengan penglibatan untuk kita dijemput untuk menyampaikan sumbangan umpamanya yang dilakukan oleh Lembaga Zakat Selangor. Kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada jadi saya ingin tanya Kerajaan Negeri kalau Ahli Dewan ini, Ahli Parlimen diletakkan dalam sebagai pelanggan utama maka urusan pembinaan masjid seperti yang saya sebut ini sepatutnya kita juga walau pun ada sedikit ulasan dari ADUN Kawasan tetapi bagi kawasan yang tidak mempunyai ADUN Beragama Islam kita mungkin boleh minta ADUN berhampiran bantu dan mesti di makluman kepada kita kerana selalunya kita yang menjadi sasaran ditanya oleh Masyarakat. Jadi saya ingin mencadangkan dan ingin mendengar penjelasan Kerajaan Negeri kenapa dalam kes Masjid Kota Kemuning ini kadang itu tidak berlaku. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, Seri Setia, Sri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Macam rindu Seri Setia.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Okey, okey dia dah adalah balik daripada *Bangkok*. Saya dengar apa itu cerita yang di bawa oleh Seri Setia, Sri Muda, Sri Muda, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Fikir saya sudah dilupakan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sri Muda, Sri Muda maaf tentang jumlah peruntukan ada harapan penduduk membina masjid RM20 juta tetapi yang sebenarnya daripada perangkaan-perangkaan yang saya dapati masjid-masjid di seluruh Selangor di bawah pembinaan di bawah JAIS tidak melebihi RM9 juta, antara RM5 juta ke RM9 juta. Itu pun satu maklumat yang kita mesti tahu supaya, supaya harapan penduduk di sana tidak melebihi daripada jangkaan tersebut. Kedua, saya faham tentang peruntukan-peruntukan ini dan saya telah menyatakan pada Pengarah JAIS supaya memanggil Ahli-ahli Dewan Negeri berbincang sebab tiap-tiap tahun kita merancang untuk membina sekurang-kurangnya sepuluh masjid tiap-tiap tahun. Itu sebab kita ada peruntukan begitu. Jadi oleh sebab itu kita boleh berbincang dengan Ahli-ahli Dewan Negeri untuk memberikan keutamaan di mana dan bagaimana jadi kalau dengan cara itu tentulah ada pilihan-pilihan yang mana dapat memberikan peluang kepada Ahli-ahli Dewan untuk mewakili rakyat dan keinginan rakyat. Itu pun saya akan lakukan. Ketiga saya juga dalam forum ini meningkatkan hubungan kita dengan zakat bukan secara terus. Dia ialah melalui Majlis Agama Islam Selangor. Sebab zakat di bawah Majlis Agama Islam Selangor. Jemputan zakat untuk kita adalah ihsan mereka. Tapi, aktiviti JAIS mesti mengambil kira Ahli Dewan Negeri.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih dan akhir sekali.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Lailahailallah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Sabarlah sikit. Tak sampai lagi.

TUAN SPEAKER : Sri Muda, RM1.3 juta, Ya Sri Muda RM1.3 juta pun ada aduan lagi untuk tahun 2012. Kalau kawasan saya Jalan Kapar cuma RM10.00 sahaja. Itu pun saya tak buat aduan pun. Itu satu RM1.3 juta.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya, saya nak menyampaikan penghargaan sebenarnya.

TUAN SPEAKER : Oh ya.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Dato'.

TUAN SPEAKER : Persetujuan untuk Sg. Pinang ini, RM10.00 sahaja ni.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya ingin mengambil ruang yang terakhir ini ialah untuk merakamkan sekali lagi terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Selangor, kerana Masjid Johan Setia kita dapat tiga masjid dalam daerah Klang. Alhamdulillah kesemuanya dalam DUN Sri Muda yang mana memang masjid di Kampung Johan Setia itu pun 28 tahun permohonannya dan sekarang ini kerja-kerja sudah dilaksanakan. Apa yang hendak saya sebutkan tadi di sini ialah saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Zakat Selangor kerana pagi besok jam 10 ada dijemput untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan-golongan asnaf di masjid di daerah Klang. Terima kasih banyak ya, belum sebut dah dipanggil dah. Jadi terima kasih. Dan akhir sekali saya hendak bertanyakan ialah tentang berkenaan dengan masjid.

TUAN SPEAKER : Saya rasa masa pun dah cukup dah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya, sikit saja Dato' Pengerusi.

TUAN SPEAKER : Kita tak perlu jawapan dah, lampu pun dah kuning ni.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Kuning ke merah.

TUAN SPEAKER : Ialah tinggal 3 saat. Tanya pun dah tak ada jawapan dah. Masa dah sampai.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya, terima kasihlah.

TUAN SPEAKER : Ya, Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Bekalan B14 Jabatan Agama Islam Selangor dengan merujuk kepada butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan dan juga 518000 Pengurusan Masjid dan juga butiran 10030. Pertama saya ingin mendapat penjelasan daripada Jabatan Agama Islam Selangor apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyimpan pangkalan data tentang kedudukan masjid, surau dan madrasah di seluruh Negeri Selangor ini. Kedudukan status tanah itu. Apakah JAIS mempunyai satu *inventory* atau pun pangkalan data yang memperlihatkan masjid, surau dan madrasah duduk di atas tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri melalui JAIS. Saya bangkitkan perkara ini kerana berlaku di Gombak Setia ya!. Yang saya bangkitkan ah! beberapa tahun yang lalu, ah! ADUN Gombak Setia tidak bangkitkan, EXCO Agama tidak bangkitkan, seluruh tenaga saya tumpukan kepada masjid dan surau ini di mana Madrasah Al-Ijtihad yang beroperasi hampir 20 tahun yang lalu. Di Gombak Setia baru-baru ini didapati bahawa tanah itu adalah milik Nanyang Development Sdn. Bhd., Maka pada bulan Mei 2012 Nanyang Development Sdn. Bhd., telah mengeluarkan notis melalui peguamnya untuk merobohkan madrasah dan juga kelas fardu ain yang duduk di atas tapak seluas setengah ekar. Perkara ini berbangkit apabila Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mengeluarkan notis kepada Nanyang Development kerana dia tak bayar lagi cukai tanah. Nanyang pun tak tahu yang itu milik tanah dia. Tetapi bila dia dapat notis dia pun bergegas bayar dan sudah tentulah menjadi milik, tanah itu menjadi milik Nanyang Development dan mengarahkan supaya madrasah dirobohkan. Dan sebagai ahli yang diberikan amanah di Parlimen Gombak termasuk Gombak Setia, saya tidak akan membenarkan perkara ini berlaku, walau pun Gombak Setia berdiam diri ya cuba menjadi jaguh kepada umat Islam tak pernah bersuara pun tentang masalah Madrasah Al-Ijtihad maka saya telah mendapat kerja sama yang cukup baik daripada Pegawai Daerah dan Tanah Gombak ketika itu dan pegawai-pegawai yang berkaitan untuk berbincang dengan Nanyang Development dan kita telah meminta supaya perkara ini diselesaikan secara baik. Namun Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah menulis surat kepada JAIS ya supaya mengemukakan permohonan untuk mengambil alih tanah tersebut. Tapi saya bimbang perkara ini telah berlarutan sekian lama belum ada tindakan yang menampakkan satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan dalam keadaan yang segera. Saya juga dimaklumkan bahawa hanya baru-baru ini iaitu pada 16 November 2012 pihak JAIS telah menulis surat pada JPPH untuk mendapatkan nilai tentang tanah yang hendak diambil ini dan saya berharap Kerajaan Negeri melalui UPEN dapat

memberikan pengesahan sejumlah peruntukan untuk membolehkan JAIS mengambil alih tanah tersebut daripada Nanyang Development secepat mungkin supaya perkara ini dapat diselesaikan secara baik. Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' Pengerusi berhubung Masjid Zakaria. Masjid Zakaria di Gombak Utara ini usianya telah lebih 60 tahun, terlalu uzur. Kedudukannya di jalan besar dan setiap hari Jumaat, jemaah terpaksa solat di bahu-bahu jalan yang menimbulkan masalah keselamatan dan kita telah sekali lagi bersuara di dalam Dewan ini, yang bersuaranya Bukit Antarabangsa bukan Gombak Setia, kalau mengikut, saya pun tak tahu masa itu dia EXCO Agama, tetapi saya tidak tahu apa tumpuannya meminta Kerajaan Negeri untuk membina sebuah masjid baru. Dan dalam hal inilah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana telah meluluskan sejumlah RM6 juta untuk membina masjid baru, Masjid Zakaria, Gombak Utara. Tapi itu 3 tahun yang lalu, 2009 sampai hari ini belum lagi terlaksana Masjid Zakaria. Saya faham kerana Dato' Menteri Besar sendiri telah mengambil inisiatif untuk turun ke masjid tersebut awal tahun ini dan mencadangkan supaya tapak itu tidak sesuai untuk dibina masjid baru dan harus dicara satu tapak yang baru. Tapak telah pun dikenal pasti, ya, rundingan telah pun berjalan dengan pemilik tanah dan nilai yang dikemukakan pun agak munasabah sebab saya dengar Dato' Menteri Besar sebut tadi biasanya Kerajaan Negeri membina antara RM6 juta hingga RM9 juta. Tadi perbelanjaan untuk membina masjid baru RM6 juta. Nilai tanah ini lebih kurang RM3 juta. Jadi, Gombak memohon satu jumlah yang *reasonable* berbanding dengan Sri Muda hingga RM20 juta. Kami meminta RM9 juta seperti yang telah ditegaskan oleh Dato' Menteri Besar. Tetapi proses birokrasi ini terlalu panjang Dato' Menteri Besar dan saya pohon jasa baik Kerajaan Negeri dan juga JAIS supaya dapat mempercepatkan proses ini sebab peruntukan sudah ada. Telah diluluskan 3 tahun yang lalu dan tapak yang baru telah dikenal pasti, cuma oleh kerana birokrasi itu mengambil satu proses yang agak lama, saya pohon kerja sama Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan kelulusan pengambilan tanah tersebut dan supaya masjid baru, Masjid Zakaria, Gombak Utara ini dapat dinaikkan dan dibangunkan demi kebaikan umat Islam di kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih dan saya berterima kasih kepada Bukit Antarabangsa yang membangkitkan perkara-perkara pelaksanaan dan Dato' Pengerusi ini jelas kita dah bersetuju tentang pelaksanaan tinggal lagi bagaimana kita akan melaksanakan. Saya dapati surau itu akan dipertahankan dan itu tak ada menjadi soal. Sekarang tinggal soal penyelarasan sahaja. Tak ada isu yang saya dapati dan kita telah memberitahu Jawatankuasa Surau tentang perkara ini. Mereka tahu tentang ini. Kedua, mengenai Masjid Zakaria ini, saya rasa isu yang melambatkan ialah isu tanah. Sekarang oleh kerana tanah dah selesai pengambilan tanah akan dilakukan dan pengambilan tanah itu tak termasuk dalam bajet yang RM6 juta. Jadi RM6 juta itu boleh digunakan untuk pembinaan surau. Itu saja. Jadi oleh sebab itu saya berharap

dalam tahun ini atau tak sampai sebulan lagilah satu pengumuman boleh dibuat untuk pembinaannya. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Cuma saya boleh tambah sedikit Yang Amat Berhormat. Saya terpanggil untuk membawa perkara ini dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa kerana ah! masalah yang kita bincangkan pada petang ini telah pun ditegur oleh Ketua Audit Negara di dalam Laporan Ketua Audit Negara yang terbaru, Ketua Audit Negara telah menegur bagaimana sejumlah peruntukan telah diluluskan lebih 3 tahun yang lalu tetapi pembangunan belum lagi bermula. Jadi, bagi saya kita merasa terpanggil dan bertanggung jawab untuk menerima teguran ini secara baik dan saya amat berterima kasih di atas komitmen Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memastikan supaya Masjid Zakaria, Gombak Utara ini dapat dibangunkan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Sila, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam B 14 Jabatan Agama Islam Selangor, muka surat 493 Butiran Program 505002 Kod Objek 35000 Harta Modal, Harta Modal yang lain-lain. Persoalan saya yang pertama ialah tentang Kompleks Islam. Kerajaan Negeri Selangor mempunyai rancangan untuk membangunkan kompleks Islam negeri dan daerah-daerah dan persoalan saya adakah jadi dan bilakah hendak dibangunkan Kompleks Islam Gombak dan apakah konsepnya, apakah tujuannya dan apakah proses yang telah dilaksanakan untuk menjayakan pembinaan Kompleks Islam Gombak?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Hasil daripada soalan yang Hulu Kelang dan perkara yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa, Dato' Pengerusi saya telah membuat satu usaha supaya semua aset-aset negeri ini dapat direkodkan dan dia tahu tentang, tentang pemilikannya, semua sudah berlaku. Itu sebab saya berani berkata dalam belanjawan yang saya bentangkan, saya masukkan juga jumlah nilai-nilai aset milik Kerajaan Negeri. Sebab saya rasa itulah sebabnya yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa ada kalanya Kerajaan Negeri pun tak tahu tanah dia atau tanah orang lain. Jadi oleh sebab itu saya telah mengadakan satu disiplin dan ini perkara pertama yang pernah berlaku di Malaysia. *Then*, Negeri Selangor adalah negeri yang pertama menjalankan usaha supaya mengenal pasti aset-asetnya dan merekodkan asetnya supaya dalam masa 2, 3 tahun yang akan datang negeri akan mempunyai akaun bukan sahaja dalam bentuk apa yang ada sekarang iaitu akaun mengenai penerimaan dan perbelanjaan iaitu yang berlaku tetapi juga mempunyai akaun yang dipanggil dalam sektor swasta sebagai *balance sheet*. Dia ada *balance sheet*, dia juga ada pendapatan dan penggunaan. Dengan cara itu apabila seseorang

itu melihat Negeri Selangor dia akan melihat dari segi apa yang dipanggil aliran wang dan dia juga melihat dari segi penilaian-penilaian aset. Itu dia. Kedua, saya hendak beritahu Hulu Kelang, walau pun mereka bercakap tentang Kompleks Agama itu, mereka belum tahu tanah-tanah itu. Itu sebab saya hendak beri tahu ini, sebab saya tanya dia hendak buat ini dekat mana, tanah apa. Jadi, harapan itu ada. Saya mungkin hendak beritahu Hulu Kelang, hanya boleh jadi pada tahun depan baru tahu mana tanah-tanah yang boleh dibangunkan. Tujuan kompleks Islam ini ialah untuk membina tempat pengajian di samping ada apa yang dipanggil pendapatan sokongan. Jadi oleh sebab itu tempat-tempat itu mesti tempat-tempat yang sesuai. Bukan tempat-tempat yang tidak sesuai. Jadi, itulah saya rasa masih dalam perbincangan belum keputusan yang paling mantap dapat dibuat. Ya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, boleh sambung besok. Ada 10 minit lagi ya. Baik. Memandangkan masa sudah lima setengah, maka kita akan tangguhkan Dewan. Baik, sekarang Dewan bersidang semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa sudah menunjukkan 5.30 petang, maka saya tangguhkan Dewan sehingga hari esok, hari Rabu 28 November 2012. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)